



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 21 NOVEMBER 2013 [KHAMIS]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

**Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

TIDAK HADIR

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff
Pelapor Perbahasan

[Dewan disambung semula]

[Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat]

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang ketiga 21 November 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia, tidak hadir. Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker, soalan saya yang ke 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : LESEN PERNIAGAAN TERHADAP KLIA, LCCT, KLIA2 DAN PEMILIK-PEMILIK KONSESI TOL LEBUHRAYA

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan akan mengenakan cukai pintu dan lesen perniagaan terhadap premis perniagaan dan Tred yang dijalankan di KLIA, LCCT, KLIA2 dan pemilik-pemilik konsesi tol lebuh raya?
- b) Jika ya, mengapakah ini tidak dilakukan pada masa dahulu dan hanya dilakukan pada masa sekarang?
- c) Dijangka berapa banyak yang dapat dikutip oleh setiap PBT jikalau ini dilaksanakan? Sila beri angka mengikut PBT.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker. Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah melesenkan premis-premis bagi aktiviti perniagaan dan Tred bermula pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Sepang tidak mengeluarkan sebarang lesen bagi konsesi Tol lebuh raya.

Pihak Majlis telah mengenakan cukai taksiran ke atas semua bangunan-bangunan di dalam kawasan 10km x 10km KLIA Sepang iaitu sebanyak 28 unit.

Bagi bangunan-bangunan milik Kerajaan Persekutuan juga turut dikenakan caruman membantu kadar (CMK). Jumlah CMK yang disumbangkan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 511,896.67 untuk 7 unit bangunan.

Manakala, 4 unit bangunan-bangunan milik pemegang konsesi lebuh raya juga telah dikenakan cukai bagi taksiran. Jumlah keseluruhan kenaan cukai bagi KLIA dan pemegang konsesi lebuh raya adalah sebanyak RM11,278,823.01 setahun.

Cukai pintu dan lesen perniagaan telah dikuatkuasakan oleh Majlis Sepang di KLIA, LCCT, KLIA2 sejak bangunan-bangunan ini siap dibina dan mendapat CFO mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada. Cukai taksiran dan lesen perniagaan telah mula dikenakan di KLIA sejak 1998 dan seterusnya berperingkat-peringkat mengikut tarikh bangunan-bangunan ini siap dan operasi perniagaan dimulakan.

Pihak Majlis telah mengenakan cukai taksiran kepada pemegang konsesi lapangan terbang di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Low Cost Carrier Terminal (LCCT) iaitu Malaysia Airport Berhad bermula tahun 2001.

Pihak Majlis juga telah mengenakan cukai taksiran terhadap konsesi Tol seperti SKVE HOLDINGS untuk lebuh raya SKVE, Maju Expressway untuk lebuh raya MAX, Projek Lebuh Raya Usaha Sama Berhad untuk Lebuh Raya Elite dan lebuh raya Utara Selatan.

Bagi KLIA2 yang dijangkakan beroperasi pada bulan Mei 2014 pihak Majlis mengunjurkan pendapatan hasil cukai sebanyak RM 2 juta setahun.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan Tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Tuan Speaker, saya ingin bertanya tadi ada disebut bahawa Majlis Perbandaran Sepang tidak mengenakan lesen perniagaan terhadap konsesi Tol. Saya ingin bertanya apakah sebabnya ini lebih-lebih lagi beberapa PBT di Selangor seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Bandar raya Shah Alam telah memutuskan akan mengutip Lesen Perniagaan bagi konsesi Tol yang berada di kawasan pentadbiran mereka. Jadi saya rasa ini penting kerana ia merupakan satu sumber pendapatan yang penting bagi PBT.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Speaker, ini adalah kerana dalam mengikut Rang Undang-Undang Kecil yang sedia ada tidak ada spesifikasi untuk perniagaan tersebut dan itu bukan sahaja untuk perniagaan Tol termasuk juga sebenarnya perniagaan seperti *Cyber Cafe* dan sebelum ini dan kalau mengikut Undang-undang yang sedia ada yang dikuatkuasakan memang tidak ada kategorinya tapi kita akan kaji dalam apabila kita menguatkuasakan Rang Undang-Undang yang baru Undang-undang Kecil yang baru pada 1 Januari ini maka boleh dilihat sama ada ia juga di kategori atau tidak dan sekiranya tidak dan jika difikirkan perlu boleh dipindah lagi untuk memansuhkan Plaza Tol ini ke dalam kategori Tred dan perniagaan.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Soalan Nombor 31

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IDRIS BIN AHMAD
(IJOK)**

TAJUK : PENTERNAKAN

31. Dengan kesedaran kesihatan masyarakat sekarang, keperluan untuk makan ayam kampung meningkat. Pengusaha penternak ayam kampung secara kecil-kecilan berminat untuk memperluaskan pengusahaan mereka untuk memenuhi peningkatan keperluan ayam kampung.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor dapat membantu golongan pengusaha-pengusaha ini dalam industri ternakan ayam kampung?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada Ijok. Tuan Speaker, Ijok ingin bertanya berkaitan dengan keperluan terhadap ayam kampung iaitu bagaimana

Kerajaan Selangor dapat membantu pengusaha-pengusaha dalam industri ternakan ayam kampung?

Sebagai jawapannya, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memang mempunyai program untuk membantu pengusaha-pengusaha ternakan ayam kampung. Pertamanya, semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) menyediakan khidmat konsultasi kepakaran kepada pengusaha baru dan pengusaha ayam kampung yang bercadang untuk membesarkan projek supaya langkah-langkah pembesaran projek mengikut kaedah yang betul.

Keduanya, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah, juga menawarkan khidmat nasihat secara berterusan melalui Pengembangan Veterinar bagi membantu penternak ayam kampung meningkatkan produktiviti projek dan menangani masalah seperti penyakit.

Seterusnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga memberi bantuan input penternakan kepada penternak ayam kampung di bawah program pembangunan Rancangan Malaysia Ke 10 iaitu Merakyatkan Ekonomi Kepada Penternak Unggas. Antara input-input penternakan yang telah diagih-agihkan sebelum ini adalah:

1. Bantuan benih atau anak ayam kampung;
2. Bantuan mesin penetasan telor;
3. Bantuan bahan binaan reban;
4. Bantuan bahan efektif mikrob bagi pencemaran; dan seterusnya
5. Bantuan pembangunan produk hiliran ayam kampung.

Permohonan ini bagi semua bantuan input penternakan ayam kampung ini dibuka dari bulan Januari hingga Mac pada setiap tahun di mana pengusaha perlu mendapatkan dan mengembalikan borang permohonan yang lengkap kepada semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di seluruh Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat. Soalan tambahan

Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Ya, Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapakah jumlah peserta-peserta ataupun penternak-penternak ayam kampung yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri Selangor?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Ternakan ayam kampung ini termasuk dalam ternakan bukan dominan dan dalam

program penternak unggas. Bilangan peserta bagi tahun 2013 adalah 10 peserta dan kesemuanya mendapat bantuan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Soalan nombor 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATO SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah unit PPR yang telah diguna pakai dan berapa jumlah unit yang masih kosong di Kota Damansara?
- b) Apakah yarat kelayakan untuk memohon rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR)?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi PPR atau Projek Perumahan Rakyat, Kota Damansara, unit-unit yang berpenghuni adalah sebanyak 1,003 unit manakala unit kosong adalah sebanyak 149 unit. Bagi Soalan Kedua, syarat kelayakan bagi penyewaan PPR adalah seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia
- ii) Berumur 18 Tahun ke atas dan telah berkeluarga atau mempunyai tanggungan.
- iii) Berpendapatan isi rumah atau isi keluarga kurang daripada RM2,000 sebulan.
- iv) Pemohon telah berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor atau PBT yang berkaitan.

- v) Pemohon dan suami isteri tinggal atau bekerja di Negeri Selangor.
- vi) Pemohon dan suami isteri tidak memiliki tanah atau rumah dalam daerah atau mukim yang sama di mana PPR / Council Homes itu dibina.
- vii) Bukan penjenayah, penagih dadah dan tidak waras dan seumpamanya.
- viii) Maklumat yang dikemukakan adalah benar dan telah disahkan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok, berapa lamakah tempoh masa proses pelaksanaan setelah permohonan dibuat.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita akan memastikan bahawa ianya diproses dengan secepat mungkin. Saya meletakkan atau menyasarkan bahawa ianya sepatutnya tidak lebih daripada satu hingga dua bulan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok, bagaimana pula kaedahnya kalau proses permohonan satu hingga kedua itu, bagaimana pula kaedahnya kalau untuk kita menangani masalah pemohon yang menghadapi bencana alam, contoh masa banjir yang terlalu teruk ataupun mangsa kebakaran.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Untuk mangsa banjir ataupun untuk mereka yang akan duduk atau untuk digunakan sebagai rumah ‘transit’ ia boleh diproses secepat mungkin yang satu hingga dua bulan yang sasaran pihak Kerajaan Negeri, adalah mereka yang hendak menyewa di situ seterusnya atau ‘*indefinitely*’ dengan izin, tetapi jikalau mangsa banjir boleh merujuk kepada Lembaga Perumahan ataupun kepada terus kepada pejabat saya dan terus kita akan uruskan perkara tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Erk... saya dapat ada PPR di Lembah Subang telah siap dibina oleh Kementerian. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan penghuni-penghuni dan bila boleh dihuni rumah tersebut.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih, Yang Berhormat, kita ada tiga PPR mungkin saya perlu jawab dan perlu perjelaskan bahawa perkara yang pertama adalah PPR di Kota Damansara ianya diuruskan oleh syarikat anak syarikat kerajaan negeri atau anak syarikat Lembaga Perumahan Hartanah Selangor iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sdn Bhd yang Kota Damansara di Lembah Subang ataupun di Lembah Subang diuruskan oleh Majlis Bandar raya Petaling Jaya dan satu lagi PPR ialah PPR HICOM yang diuruskan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor. Saya kurang dengar tadi yang kedua tadi.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bila boleh dihuni bangunan tersebut.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Erk... yang pertama sebab erk... mungkin Yang Berhormat perlu menyatakanlah mungkin ada dua Lembah Subang 1 atau Lembah Subang 2....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Lembah Subang yang kelihatan di tepi *highway* yang nampak...

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ooh, Lembah Subang kedua, dia ada Lembah Subang 1, adalah untuk disewa. Lembah Subang kedua adalah di bawah masih di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengemukakan nama-nama peneroka bandar kepada kementerian ataupun KPKT dan kita menunggu daripada KPKT untuk mendapatkan maklum balas. Erk... kita pun masih menunggu jugak maklum balas daripada KPKT nama-nama peneroka bandar Negeri Selangor telah kita majukan kepada KPKT. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: aman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya merujuk kepada PPR Lembah Subang 1, terdapat beberapa penghuni di situ yang tidak tinggal di situ tetapi telah membenarkan unit-unit tersebut kepada pihak lain tanpa memulangkan unit tersebut kepada Pengurus Bangunan, itu yang pertama.

Yang kedua, apakah tindakan terhadap mereka dan juga jawapan kepada pemohon-pemohon yang baru adalah kalau sekiranya unit tersebut diperlukan segera maka perlu dibaik pulih sendiri. Itu jawapan yang diberi oleh Pengurus Bangunan. Jadi apakah jawapan kepada itu.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Dua perkalah. Yang pertama adalah mereka yang sub rent dengan izin unit-unit mereka kita telah menjalankan operasi PPR-PPR bahawa kita akan mengeluarkan menghantar notis kepada mereka yang sub rent rumah mereka kepada orang lain. Malah kita pun dapat bahawa terdapat rumah yang kosong ini diduduki secara haram dan itu pun telah kita ambil tindakan dari masa ke semasa dan juga berdasarkan kepada laporan. Yang kedua adalah tentang unit yang hendak dimasuki secepat mungkin. Memang benar bahawa pihak pengurusan kita menghadapi masalah untuk membaik pulih unit-unit yang telah dirosakkan vandalisme dengan izin dan pada asalnya sebelum ia diambil alih oleh Perumahan dan Hartanah Selangor ataupun kita mendapati bahawa sewa yang dikutip adalah tidak cukup untuk kita membaik pulih rumah-rumah baru. Itu sebab ada cadangan bahawa kalau nak cepat baik pulih sendiri, tetapi saya nak mencadangkan bahawa ia nya perlu dipotong daripada sewa mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 33 telah ditolak. Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 34.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK: ALAM SEKITAR

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' mengeri Besar:

- a) Mengapakah banyak "recycle bin" kerajaan negeri telah tergendala di Petaling Jaya?
- b) Adakah ia akan diroboh supaya tidak menjadi tempat membuang sampah? (kontraktor sampah PBT tidak mengutip sampah dalam recycle bin")

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker buat masa ini kerajaan negeri tidak membekalkan *recycle bin* pada mana-mana PBT di Negeri Selangor. Walau

bagaimana pun MBPJ telah mengambil inisiatif untuk meletakkan *3R boxes* bagi tujuan kitar semula. Sebanyak 200 buah *3R boxes* telah diletakkan di laluan pejalan kaki di sekitar Pusat Bandar Petaling Jaya. Namun MBPJ telah menerima pelbagai aduan dari penduduk berhubung lokasi peletakan *3R boxes* tersebut yang mengganggu laluan pejalan kaki. Oleh yang demikian pihak MBPJ telah mengarahkan agar pihak pembekal memindahkan *3R boxes* tersebut ke kawasan yang lebih bersesuaian.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH: Tuan Speaker soalan 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEEE CHIN CHEH
(KAJANG)**

TAJUK: PENANGKAPAN ANJING LIAR OLEH PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

35. Laporan dalam media alternatif memaparkan cara zalim dalam penangkapan anjing liar oleh PBT.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' mengeri Besar :

- a) Sama ada kerajaan negeri akan mengkaji dan menggubal kaedah "*Standard Operating Procedure*" untuk diguna pakai oleh PBT supaya kerja berkenaan dilakukan secara berperikemanusiaan
- b) Sama ada kerajaan negeri mengadakan kerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan yang berkaitan untuk mengurangkan bilangan anjing liar dalam setiap PBT.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, untuk makluman Ahli-ahli Dewan buat masa ini Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan bagi menggubal kaedah seragam untuk menangkap anjing liar di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun setiap PBT di negeri Selangor mempunyai kaedah tangkapan anjing liar yang bersesuaian di kawasan masing-masing. Buat masa ini kerajaan negeri mengkaji keperluan bagi mengadakan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan untuk menangani masalah anjing liar ini. Walau bagaimanapun beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama-sama agensi yang terbabit bagi mengenal pasti isu tangkapan anjing liar yang kerap dilapurkan di media massa. Di

dalam menangani isu ini kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan pihak NGO bagi menangani masalah berkenaan anjing liar. Cadangan penambahbaikan dari segi penangkapan anjing liar juga akan diterima untuk memantapkan tugas dari segi penangkapan.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam.

Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR: Terima kasih YB Tuan Speaker. Soalan No. 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK: MANFAAT ANAK PRA SEKOLAH

36. Status perlaksanaan program bantuan RM50.00 sebulan seorang untuk pendidikan pra-sekolah pasca PRU 13 adalah diteruskan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) pada perlaksanaan penggal lepas, adakah kesemua pendidikan pra layak ini telah menerima manfaat bantuan RM50 sepenuhnya?
- b) Bagaimana cara kerajaan menyampaikan bantuan ini kepada setiap penerima.
- c) Nyatakan jumlah mereka yang layak menerima batuan tersebut mengikut daerah, Parlimen dan DUN?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Puan Speaker dan terima kasih kepada Hulu Bernam. *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera. Hulu Bernam mahu bertanya tentang manfaat anak pra sekolah. Pertamanya pada pelaksanaan yang penggal lepas boleh dikatakan semua pendidikan pra sekolah yang layak telah menerima manfaat bantuan RM50.00 sepenuhnya. Jawapannya ialah ia, semua yang memohon telah pun di beri cek untuk bantuan RM50.00 ini. Yang kedua bagaimana kerajaan menyampaikan bantuan Skim TUNAS kepada penerima. Nama senarai pemohon dari Rantaian Mesra Sdn. Bhd. dibekalkan kepada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia BPSM, BPSM menyemak senarai pemohon dan menghantar surat makluman dan baucar kepada yang layak, iaitu ibu bapa kepada anak tadika kemudian ibu bapa

mengemukakan surat dan baucar tuntutan baucar kepada tadika dan tadika mengemukakan jumlah pembayaran yang diperlukan kepada bahagian Pembangunan Sumber Manusia BPSM memohon kelulusan daripada Perbendaharaan dan Perbendaharaan keluarkan cek bayaran kepada tadika. Jumlah mereka yang layak menerima bantuan tersebut mengikut daerah Parlimen dan DUN.

Sungai Air Tawar Sabak Bernam jumlah layak 66. DUN Sabak Parlimen Sabak Bernam 67. Sungai Panjang Sabak Bernam 349 ini terbanyak. Sekinchan Sabak Bernam 71, Hulu Bernam tak ada. Hulu Bernam tolong, tolong apalah bantulah ia yang layak itu memohon. Kuala Kubu Baharu pun tiada. Batang Kali 6, Sungai Burung Parlimen Kuala Selangor jumlah 122, Permatang Kuala Selangor 75. Bukit Malawati Kuala Selangor 1. Ijok Kuala Selangor 28, Jeram Kuala Selangor 114, Kuang Parlimen Gombak 14, Rawang Daerah Gombak 61. Taman Templer Gombak 59, Batu Caves Gombak tiada lagi, Batu Caves. Gombak Setia pun tiada, Hulu Kelang Gombak 23, Bukit Antarabangsa pun tiada lagi. Lembah Jaya Hulu Langat 23, Chempak Hulu Langat tiada lagi. Teratai Hulu Langat tiada lagi, Dusun Tua Hulu Langat 21, Semenyih Daerah Hulu Langat 28, Kajang Hulu Langat 12. DUN Bangi Hulu Langat 56, Balakong Hulu Langat 34, Seri Kembangan Petaling 11, Seri Serdang Petaling 100 orang. Kinrara Petaling 73. Subang Jaya Petaling 18. Seri Setia Petaling 49. Taman Medan Petaling 41. Bukit Gasing Petaling 1. Kampung Tunku tiada lagi. Damansara Utama tiada lagi. Bukit Lanjan Petaling 26, Paya Jaras Petaling 148, Kota Damansara Petaling 33. Kota Anggerik Petaling 21. Batu Tiga Petaling 101. Meru DUN Meru Kelang 229 yang kedua terbanyak. Sementa Kelang 82. Sg. Pinang Kelang 48. Selat Kelang Daerah Kelang 187. Pelabuhan Kelang, Kelang 122. Pandamaran Kelang 6. Kota Alam Shah Kelang tiada lagi – Alam Shah. Seri Andalas Kelang 74. Seri Muda Kelang 79. Sijangkang Kuala Langat 78. Teluk Datuk Kuala Langat 100. Morib Kuala Langat 59. Tanjung Sepat Kuala Langat 98. Dengkil Sepang 35. Sungai Pelek Sepang 24.

Maknanya seramai 3,073 pelajar telah menerima skim TUNAS. Bagi yang tidak ada lagi mohon Ahli-ahli Yang Berhormat tolong bantu memohonkan bagi mereka yang layak.

TUAN SPEAKER: Ya Hulu Bernam. Soalan tambahan

Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya apa saya ingin bertanya apakah kelayakannya kerana seperti Manifesto Pakatan Rakyat masa pilihanraya itu dijanjikan boleh dikatakan dijanjikan kepada semua. Kerana itulah rakyat tertunggu-tunggu perkara ini maka rungutan ini memang ada di kalangan rakyat-rakyat yang masih menunggu seperti yang dijanjikan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Hulu Bernam. Sebenarnya dalam portal Kerajaan Selangor khususnya kalau dilihat dalam Rantaian Mesra Sdn. Bhd. anak syarikat yang telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengendalikan skim TUNAS ini ia jelas menyatakan syarat-syarat. Jadi kita tak ada katakan semuanya boleh. Semua program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini pertamanya kalau boleh kita bagi semua macam air dan sebagainya. Tetapi kita memfokuskan kepada mereka daripada keluarga berpendapatan rendah ketika itu RM1,500 tetapi kita telah naikkan sehingga RM2,500. Jadi mereka inilah yang layak. Samada mereka berada di KEMAS, samada mereka di TADIKA, TABIKA Perpaduan jadi saya mengharapkan Ahli Yang Berhormat dalam Barisan Nasional juga membantu kita, semua mereka ini layak. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Templer

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Soalan saya bagi DUN-DUN yang masih lagi jumlah layaknya kosong, adakah tidak ada permohonan ataupun permohonannya ditolak. Dan apabila di sebut tentang jumlah yang layak itu adakah yang telah pun menerima bantuan TUNAS terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Ya. Terima kasih kepada Taman Templer. Pertamanya yang ditolak kemungkinan kalau gajinya lebih daripada yang telah disyaratkan itu, itu satu kemungkinan. Tetapi agak mustahil mana-mana DUN kalau DUN yang agak-agak kaya pun layak tak kan yang dari luar-luar bandar tak layak. Itu satu. Yang Keduanya adakah yang mereka ini telah menerima. Ya, mereka telah cek telah pun disediakan diberikan dan kita memberikan kepada, ah..... Jumaat lepas kita ada satu apa, memberikan semua cek kepada tadika-tadika. Sudah diselesaikan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan pendidikan pra-sekolah di kawasan bandar bukan murah di mana tiada TADIKA KEMAS itu mereka terpaksa bergantung kepada pendidikan pra sekolah swasta yang senang- senang 300 ke atas sebulan. Macam mana bantuan 50 ringgit ini adakah ia memadai untuk membantu dalam kes-kes ini.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Saya setuju kalau di bandar mungkin dia punya kadar lebih tinggi dari luar bandar, tetapi buat ketika ini inilah dasar kita, sekurang-kurangnya lima puluh ringgit sebulan ini memberikan satu apa mengurangkan sedikit bebanan kepada ibu bapa itu. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat dulu ya.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Tadi dibacakan tentang jumlah penerima-penerima skim ditawarkan oleh kerajaan negeri. So daripada jumlah tersebut berapakah jumlah pengusaha-pengusaha atau tadika-tadika yang memperoleh manfaat tersebut.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Minta maaf Tanjung Sepat. Tanjung Sepat ya. Saya tidak ada *figure* yang tepat jadi saya akan beri kemudiannya kepada apa sebab tadika ini ada pelbagai, ada pra-sekolah di dalam sekolah kebangsaan, ada pra-sekolah di dalam kerajaan negeri maknanya pra-sekolah JAIS, ada yang KEMAS, PERPADUAN dan sebagainya. Di dalam dia ada tiga Kementerian kalau di bawah kerajaan. Di bawah kerajaan negeri jadi empat jenis tadika yang di bawah kerajaan. Selain daripada itu adalah tadika-tadika swasta yang diusahakan oleh NGO dan pelbagai yang swasta kemungkinannya. Jadi untuk itu nanti saya akan beri bertulis kepada Tanjung Sepat. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. memandangkan bilangan penerima agak rendah jika dibandingkan daripada jumlah keseluruhan, adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk mengkaji semula skim ini supaya bagi mereka yang layak adalah mengikut keadaan demografi iaitu kita nampak tadi Yang Berhormat kata mungkin di kawasan bandar kos kehidupan lebih tinggi. Jadi Teratai berasa Kerajaan Negeri bolehlah mengkaji syarat-syarat mengikut kawasan, yang mana skim ini memang satu skim yang dapat memanfaatkan golongan-golongan ibu bapa di kawasan sama ada di bandar, di pinggir bandar atau di luar bandar. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Ya saya ambil maklum cadangan Teratai dan kita akan membincangkannya dalam Jawatankuasa Pendidikan untuk di kemukakan kepada kerajaan Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya Paya Jaras. Tidak hadir. Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK: TANAH SEBAGAI TAPAK PERSEKOLAH SJK(C) DI DUN TERATAI

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan pelaksanaan kerajaan negeri dalam membekalkan tanah sebagai tapak persekolahan SJK (C) di DUN Teratai dalam tahun 2013-2014.
- b) Apakah sebab kerajaan negeri belum menjadikan kawasan lapang tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman lembah Maju dan / atau di Jalan Saga 24 Taman Saga sebagai tapak persekolahan SJK (C)?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Teratai, Puan Speaker membangkitkan isu tanah sebagai tapak persekolahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di DUN Teratai. Pada masa kini Kementerian Pelajaran memfokuskan kepada pembinaan sekolah kebangsaan yang dapat digunakan untuk semua kaum. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tiada halangan dalam meluluskan permohonan bagi tujuan tapak sekolah SRJK di DUN Teratai tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pelajaran. Di sekitar bandar Ampang tiada lagi tanah kerajaan bagi tujuan tapak sekolah. Tapak-tapak sekolah sedia ada adalah serahan tanah kepada kerajaan oleh pemaju-pemaju perumahan dan diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Kedua, mengenai adakah tanah-tanah lapang kawasan lapang boleh dijadikan tapak sekolah. Kerajaan Negeri belum menjadikan kawasan lapang di tapak persekolahan di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju Ampang dan di Jalan Saga 24, Taman Saga disebabkan perkara-perkara berikut :-

- (i) Tapak sekolah di Jalan Maju 2, Taman Lembah Maju Ampang, kita telah membuat semakan ke atas pelan tanah yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan tapak itu merupakan rizab sekolah bersepadu. Tapak tersebut juga telah dizonkan bagi kegunaan pendidikan sekolah menengah. Walau bagaimanapun surat Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat tapak tersebut bukan merupakan rizab sekolah bersepadu sebaliknya adalah tanah milik syarikat PAPPOS Development Sdn. Bhd.

- (ii) Jalan Saga 24, Taman Saga, semakan ke atas pelan tataatur tanah itu merupakan tanah sekolah. Tapak tersebut dizonkan untuk kegunaan pendidikan sekolah menengah dalam Rancangan MPAJ 2020.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI NEGERI SELANGOR

38. Terdapat projek perumahan telah terbengkalai sebelum tahun 2008 lagi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyak projek terbengkalai di Negeri Selangor, berapa jumlah rumah yang terbengkalai sepanjang tempoh tersebut?
- b) Berapa banyak projek perumahan terbengkalai yang telah diselamatkan dan berapa jumlah rumah terbengkalai telah dapat disiapkan semenjak tahun 2008.
- c) Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan projek terbengkalai tidak berulang lagi.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Kota Anggerik. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek yang terbengkalai di Negeri Selangor adalah sebanyak 140 projek yang melibatkan 37,381 projek. Untuk seterusnya berapa banyak projek perumahan terbengkalai yang diselamatkan dan berapa jumlah rumah terbengkalai yang dapat disiapkan semenjak tahun 2008. Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) dari Mac 2008 sehingga 31 Oktober 2013 Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 42 projek terbengkalai yang melibatkan 19,958 projek. Ia terdiri daripada 21 projek berlesen yang diselesaikan iaitu merangkumi 11,431 unit dan 21 projek tanpa lesen yang telah diselesaikan merangkumi 8,527 unit. Dalam memastikan pelaksanaan projek

terbengkalai tidak berulang lagi, Kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil beberapa langkah komprehensif dan berkesan dengan memperkenalkan beberapa dasar baru bagi mengelakkan projek perumahan terbengkalai seperti berikut :

- (i) Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meningkatkan penguatkuasaan di bawah Akta Pemaju Perumahan melalui pemantauan 6 bulan sekali di mana pemaju diwajibkan menghantar borang untuk memaklumkan status terkini kedudukan projek yang sedang dibina.
- (ii) Pihak Berkuasa Tempatan perlu memantau secara dekat di mana Jadual Kedua Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 menghendaki pemaju mengemukakan Borang-borang A, B, C, D dan E kepada PBT dan salinan borang-borang tersebut perlu dikemukakan kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor bagi tujuan pemantauan. Dengan mengemukakan salinan-salinan borang tersebut LPHS akan dapat mengenal pasti projek mana yang sakit ataupun yang lambat ataupun yang menurut jadual yang ditetapkan.
- (iii) LPHS melalui sistem pendaftaran pemaju akan memantau terus projek di mana pemaju dikehendaki berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. *Insya-Allah* senarai penuh nama-nama projek yang telah dapat diselesaikan atau diselamatkan akan saya edarkan kepada Dewan selepas ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya dapati ada pembangunan yang tidak membuat *proper submissions* atau tidak ada kebenaran kemajuan, ada sebahagiannya tidak membayar premium pun maknanya tidak membuat *conversion* daripada pertanian kepada perumahan. Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk merampas tanah-tanah tersebut atau menarik lesen-lesen mereka ini?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Merampas atau menarik lesen tidak akan menyelesaikan masalah Yang Berhormat, sebab kalau kita lihat contohnya di kawasan Kuala Langat di kawasan Klang, ada banyak projek-projek kecil yang terdiri daripada 20 hingga 30 unit rumah dan kebanyakannya daripada mereka hanya mempunyai Kebenaran Merancang sahaja tak ada kelulusan Pelan Bangunan. Ini cerita dulu la.

Jadi apa yang kita lakukan bahawa kita berbincang dengan pemaju penyelamat dengan penduduk bagaimana kita nak selesaikan masalah tersebut. Iaitu kalau ia tidak mengikut syarat-syarat Undang-Undang Kecil Bangunan maka kita pastikan bahawa ia akan menurut Undang-Undang tersebut. Tentang premium bukan sahaja syarikat kecil tetapi menjadi satu amalan dulu bahawa projek itu boleh diluluskan, boleh mendapat kebenaran merancang, boleh mendapat kebenaran kelulusan bangunan walaupun tidak bayar premium, walaupun tidak ada *conversion* daripada mungkin daripada pertanian kepada bangunan kepada kediaman, sebab ada projek di mana kita menghadapi masalah untuk memberikan CF dengan izin oleh sebab ia masih lagi status pertanian. Jadi ini kita perlu selesaikan satu demi satu. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ya, Yang Berhormat EXCO apa definisi dan maksud projek berlesen diselesaikan. Merujuk kepada flat Sungai Sireh di mana walaupun sudah selesai tetapi sebahagian besar daripada pembelinya tidak mendapat pembiayaan oleh itu tidak dapat pemindahan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Maksud tanpa lesen adalah banyak pemaju yang menjalankan kemajuan tanpa ada lesen pemaju, bermakna dia tidak berdaftar dengan KPKT langsung dia buat sahaja projek. Sama ada pemilik atau pembeli mendapat pembiayaan atau tidak itu kita bincang dalam hal yang lain sebab dari segi CF ianya tidak ada kait mengait langsung dari segi keupayaan pembeli mendapat CF atau tidak. Sebab itu memang dalam perbincangan kalau kita lihat bawah manifesto Pakatan Rakyat untuk Negeri Selangor untuk PRU ke13 bahawa ada satu skim iaitu Skim Pinjaman Kerajaan Negeri iaitu sebanyak RM 50 juta sebulan iaitu kita akan uruskan melalui skim tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan EXCO berhubung dengan rumah terbengkalai ni, ada satu projek perumahan di Taman Rakan di DUN Dusun Tua. Sekarang ni projek tu dah nak siap dah 23 tahun projek perumahan ni baru sekarang ni siap. Soalan saya ialah, pembeli rumah ini telah tertipu dua kali oleh projek ini dan tiga syarikat yang menguruskan projek ini yang sekarang ini baru berjaya dan apabila disemak balik pemaju yang menguruskan sekarang ini rupanya pemaju yang pertama dulu dia hanya tukar sahaja nama, nama syarikatnya dan perkara ini dilihat boleh dikatakan satu penipuan dan bagaimana kerjasama antara

pihak negeri dan kerajaan perumahan dan tempatan berhubung perkara ini kerana jujurnya lah saya sendiri pun telah tertipu masa pertama saya beli tu dia minta *ten percent*.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua terus pada soalan.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Ya. Soalan saya bagaimanakah adakah duit yang kita dah bagi tu boleh ambil balik ke atau macam mana, tindakan ini. Jadi minta kerjasama daripada EXCO Perumahan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: ADUN pun boleh kena tipu apakan lagi rakyat biasa. Insya-Allah saya akan lihat kes itu secara *detail* la tapi pokoknya sentiasa ada perbincangan di antara pihak KPKT dan juga Kerajaan Negeri cuma untuk projek-projek terbengkalai dan banyak-banyak hal lain. Cuma mungkin saya nak buat permohonan di dalam Dewan ini saya dah tiga menteri, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, setiap kali tukar menteri saya tulis surat untuk jumpa tapi tidak pernah sekali pun dia jawab surat saya.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan ya. Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Puan Speaker. Saya difahamkan bahawa sejak 1 hari bulan 2003 sehingga sekarang terdapat 138 projek perumahan yang tidak disempurnakan ataupun terbengkalai di mana terdapat 36,616 unit yang terlibat dalam projek terbengkalai ini dan memang kita faham ini adalah punca utama disebabkan Kementerian Perumahan telah gagal berfungsi tapi saya ingin nak tanya adakah Kerajaan Negeri mempunyai sistem menyenaraihitamkan pemaju-pemaju yang terlibat dalam projek terbengkalai kerana kita lihat ada pemaju yang terus mengadakan projek yang baru walaupun dia ada projek yang kurang memuaskan ataupun terbengkalai. Itu soalan saya.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ada banyak usaha di mana kita cuba menghalang pemaju-pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai daripada mengulangi akan jenayah mereka la senang cerita. Di antara nya bukan sahaja kita menyenaraihitamkan pemaju-pemaju tersebut, tetapi ada nama mereka-mereka yang terlibat, atau nama-nama pengarah. Sekarang ni yang penting bukan syarikat, sebab syarikat akan bertukar sebab setiap pemaju akan menggunakan satu syarikat untuk satu projek jadi bermakna nama mereka itu kita *black-list* lah. Juga kita pun ada usaha di mana kita cuba memasukkan *caveat* ke dalam projek-projek terbengkalai supaya ia

tidak dapat dijual. Walau bagaimanapun kita telah kalah di mahkamah di atas usaha kita itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih atas jawapan diberikan. Saya difahamkan bahawa sekarang dalam akta yang baru Akta 118 dia juga boleh mengambil tindakan terhadap *Directors* dengan izin pemaju-pemaju tetapi ini juga tidak berkesan untuk menghalang untuk mengelakkan pemaju yang sebenarnya untuk mengulangi, jadi adakah Kerajaan Negeri bersedia ataupun bersedia untuk menyenaraihitamkan pemegang syer dan saya rasa itu akan menghalang ataupun mengelakkan pemaju dengan mengadakan projek yang baru secara efektif.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: HDLA dengan izin *Housing Developer Licencing Act* ini sebenarnya telah dipinda baru-baru ini dan menurut pindaannya adalah lebih ketat termasuk kalau tak silap saya ialah '*jail*' term (*criminal*) sebabnya ia adalah satu kesalahan jenayah. Jadi bermakna kita berharap lah tapi saya akan percaya bila lihat ada *developer* yang masuk jel akibat daripada kesalahan mereka tapi ia telah dipinda. Bagi pihak Kerajaan Negeri memang kita akan senaraikan mereka yang melakukan kesalahan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRON BIN JACOMAH: Puan Speaker, soalan no. 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: PENCEMARAN SUNGAI SELANGOR

39. Sungai yang sedia ada perlu dijaga dan mewariskannya kepada generasi akan datang, khususnya dari kawasan Kampung Asahan ke Kuala Sungai Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sedarkan kerajaan negeri berlakunya hakisan tebing sungai dan pencemaran akibat daripada penerokaan/pembersihan tanah termasuk sampah sarap turun naik mengikut arus pasang surut?

- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi permasalahan tersebut?
- c) Agensi manakah yang bertanggungjawab untuk memantau dan mengambil tindakan supaya tidak terjejas aktiviti nelayan sungai dan pelancongan kelip-kelip di Kuala Selangor?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Bukit Melawati. Puan Speaker Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan terhadap isu hakisan tebing dan pencemaran sungai melalui mekanisme seperti berikut:

- 1) Pasukan Petugas Lembangan Sungai;
- 2) Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor;
- 3) Tindakan Bersepadu bagi kes-kes kecemasan yang melibatkan henti operasi di Loji Pembersihan Air melalui Jawatankuasa Kecemasan Sumber Air; dan
- 4) Pasukan Petugas dan Jawatankuasa sedia ada melibatkan agensi dan jabatan lain dalam menangani masalah berkaitan pengurusan sungai termasuk pencemaran. LUAS mengetuai tindakan yang dijalankan dan bertindak sebagai penyelaras.

Soalan kedua, LUAS telah mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi mengatasi masalah tersebut untuk jangka masa panjang iaitu:

- i) Menyediakan polisi pengurusan sumber air seperti kertas, kedudukan strategi pengurusan sungai Negeri Selangor selaras dengan Enakmen LUAS 1999. Dasar ini bertujuan memastikan adaptasi sungai secara semula jadi dalam setiap aktiviti pembangunan bagi memastikan pengekalan morfologi sungai yang mana ia berkaitan dengan bentuk dan struktur sungai yang mempengaruhi hidrologi dan biodiversiti termasuk alam persekitaran semula jadi sungai.
- ii) Cadangan Pewartaan Zon Perlindungan Di Bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 (Sungai Utama) berserta rizab 50 meter kiri dan 50 meter kanan. Tujuan pewartaan adalah untuk memelihara, memulihara serta mengawal

semua sungai dan rizab sungai dari dicemari dengan aktiviti-aktiviti pembangunan yang tidak dibenarkan.

- iii) Di samping itu, memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan seperti di bawah:
 - 1) Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor 2013).
 - 2) Peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Sel.P.U. 43) 2012.

Soalan ketiga, LUAS berperanan untuk memastikan aktiviti nelayan sungai tidak terjejas dengan memantau dan menangani punca pencemaran sungai melalui mekanisme sedia ada. LUAS juga mengambil langkah kawalan untuk jangka masa panjang dengan menguatkuasakan Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber, Peraturan Navigasi Jalan Air Pedalaman dan Peraturan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Pencemar. Ini dapat membantu memelihara habitat ikan dan ekosistem di dalam sungai agar tidak terjejas disebabkan pencemaran di dalam sungai.

LUAS juga berperanan untuk memulihara habitat kelip-kelip Sg. Selangor selaras dengan Pelan Pengurusan Lembaga Sungai Selangor di bawah polisi ke-4 iaitu Pemuliharaan Kelip-kelip. Terdapat tiga (3) strategi yang telah dilaksanakan dalam dasar tersebut :

- i) Pembangunan Zon Perlindungan;
- ii) Penambahbaikan program pelancongan kelip-kelip;
- iii) Meneruskan pemantauan dan penyelidikan berkaitan dengan kelip-kelip.
- iv) Pewartaan Zon Perlindungan di bawah Seksyen 48 Enakmen LUAS 1999;
- v) Pelaksanaan Kajian Pemantauan Populasi Kelip-Kelip Sungai Selangor (2006 sampai tahun ini) dan program kerjasama dengan pelbagai agensi dan juga pihak berkepentingan seperti pihak swasta, AEON Co. Bhd, Lembaga Urus Air Selangor, PTD Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor, FRIM dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO menjawab, ye. Jadi kita dapat lihat peranan agensi ataupun petugas-petugas yang diberi tanggungjawab untuk menyelia dan mengawas sungai. Saya fokuskan kepada kawasan saya, daripada Kampung Asahan turun ke Kuala Sungai Selangor. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah pihak-pihak yang disebutkan tadi mempunyai perancangan yang terdekat, ye.. bagi membolehkan menanam, menanam pokok-pokok, khasnya pokok berembang, memastikan supaya kelip-kelip ini, supaya tidak terhapus dengan sendirinya tanpa pokok berembang ini. Jadi saya nak tanya dengan Yang Berhormat, adakah mana-mana pihak yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi turun ke sungai Selangor itu khasnya kawasan saya membolehkan aktiviti menanam pokok dijalankan bagi membolehkan saya terlibat sama kerana saya dah tiga kali dah menjalankan aktiviti di sana, jadi saya nak peranan agensi yang terlibat untuk sama-sama kita menanam pokok khasnya, pokok berembang. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Melawati. Memang kalau kita ada program-program di mana ahli dewan negeri dijemput, saya turut akan jemput Yang Berhormat bersama dengan pasukan dan juga agensi-agensi dari Kerajaan Negeri, saya tidak ada masalah. Dulu, dua bulan yang lalu pun kita bersama dalam satu program untuk menyambut pelajar-pelajar dari Australia yang ada program *tuning* dengan pelajar-pelajar yang duduk dekat Kuala Selangor di Kampung Kuantan. Tentang terus kepada soalan penanaman berembang, sebenarnya penanaman pokok berembang hanya langkah pertama kerana :

- i) Kita perlu satu zon penampang yang agak besar. Oleh sebab itu dalam, semasa kita membuat zon perlindungan atau pun santuari kelip-kelip di Kampung Kuantan, kita telah mengambil tanah termasuk tanah persendirian kerana zon penampang tersebut juga memerlukan ekosistem yang khas termasuk kita perlu pokok nipah di sana, kita perlu sago dan sebagainya. Jadi zon penampang tersebut hampir 100 kaki, jadi penanaman berembang langkah pertama.
- ii) Kita ada sedikit masalah kerana setakat ini termasuk universiti-universiti dan juga pakar-pakar memang boleh, pokok berembang boleh ditanam, boleh berkembang tetapi belum di tahap memuaskan. So ini adalah satu perkara di mana pakar sains atau pun pakar botani perlu mengambil lebih banyak masa untuk kaji dan kita bekerjasama dengan pihak FRIM untuk memastikan bahawa pokok-pokok berembang yang ditanam itu boleh tahan sungai ke atau pun keadaan di mana pokok yang ditanam itu.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Puan Speaker. Mengenai dengan pengawasan pembangunan di sungai, apa yang saya sebut ini berlaku di depan mata saya sendiri, kenapa pengawasan ini tidak dibuat awal. Apa yang saya lihat, pembangunan ini dah hampir siap di BNO (Bagan Nakhoda Omar) di mana penternakan ikan yang hampir menelan berjuta ringgit dan apa yang saya lihat mereka ini merayu kepada LUAS jangan diruntuhkan dan akhirnya bangunan atau pun penternakan ikan ini diruntuhkan dengan sedih sekalilah, sebab mereka ini telah berbelanja berjuta-juta ringgit.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar,

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Ya.

TUAN SPEAKER: 30 saat untuk tanya soalan tambahan.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Soalan tambahan saya, kenapa pengawasan pembangunan di sungai ini tidak dibuat lebih awal, kenapa selepas bangunan itu dibina baru diambil tindakan. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Maaf kerana saya tidak dapat jawab soalan tersebut kerana bukan di bawah bidang kuasa saya. Soalan ini tentang pencemaran sungai, kalau jeti dan sebagainya, saya cadangkan, syorkan kepada Yang Berhormat untuk masukkan soalan kepada sesi yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Kita faham, tadi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO mengenai pencemaran sungai. Kita pun lihat di antara berlakunya pencemaran sungai adalah akibat dari laluan air seperti parit dan juga aliran semula jadi di tanah-tanah persendirian yang tidak dikawal dengan baik. Jadi apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa laluan air ini tidak diganggu atau pun tidak diusik alirannya dengan mewartakan rizab, sebagai rizab kerajaan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Untuk makluman Tanjung Sepat dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor telah mewartakan tiga sungai besar iaitu Sungai Selangor, Sungai Langat dan juga Sungai Klang dan untuk tahun depan ada satu proses untuk mewartakan anak-

anak sungai. Jadi, tahun depan kita akan menguatkuasakan rizab, penggunaan tanah dan sebagainya, khasnya di anak-anak sungai. Selain daripada itu, selain daripada Lembaga Urus Air Selangor, memang kita boleh juga bergantung kepada agensi-agensi lain seperti PBT atau pun Pejabat Tanah, JPS dan sebagainya termasuk Pejabat ADUN-ADUN kerana dengan kerjasama semua pihak barulah kita boleh dapat satu program pemantauan yang lebih mantap. Setakat ini, memang pelbagai agensi seperti PBT khasnya PBT dan juga Pejabat Tanah, JPS, LUAS mereka keluar hampir setiap hari untuk menangani isu atau pun aduan yang diterima daripada Yang Berhormat ataupun orang awam tentang pencemaran atau pun salah guna rizab sungai.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang, tidak hadir. Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih, Puan Speaker. Soalan saya ke-42.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: INDUSTRI BURUNG WALIT

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimakah rancangan kerajaan Selangor dalam membangunkan industri Pembelaan Burung Walit di Negeri Selangor?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan Undang-Undang Kecil Burung Walit bagi memastikan industri ini dapat dibangunkan mengikut peraturan yang ditetapkan. Pada dasarnya industri Pembelaan Burung Walit ini hanya dibenarkan diusahakan di tanah berstatus pertanian sahaja.

Kerajaan Negeri juga memberikan tempoh masa yang secukupnya untuk para pengusaha yang beroperasi di kawasan komersial dan sawah padi berpindah ke kawasan pertanian. Lesen hanya akan dikeluarkan kepada pengusaha Burung Walit yang beroperasi di kawasan komersial dan kawasan sawah padi yang memohon ke PBT sebelum 31 Disember 2013. Tiada lagi lesen akan dikeluarkan kepada pengusaha burung walit yang beroperasi di premis perniagaan dan kawasan sawah padi selepas tarikh itu.

Tempoh kuat kuasa lesen bagi kawasan komersial hanya tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2016 manakala untuk pengusaha yang beroperasi

di kawasan sawah padi tempoh kuat kuasa lesen hanya tujuh (7) tahun bermula 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2020 diberikan. Pembaharuan lesen adalah secara tahunan. Manakala bagi kawasan sawah padi pembaharuan boleh dibuat setiap tiga (3) tahun.

Pengusaha yang berpindah ke kawasan pertanian (selain sawah padi) sebelum atau pada masa tamat tempoh tersebut, akan mendapat insentif berupa pengecualian cukai taksiran, cukai tanah dan lesen perniagaan untuk tempoh selama 5 tahun bermula daripada tarikh keluar premis asal.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Puan Speaker, diusulkan soalan tambahan. Lokasi Sungai Pelek berdekatan dengan Lapangan Terbang KLIA. Adakah hak lingkungan ditentukan dalam permohonan mendirikan rumah burung walit.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, memang ada undang-undang yang sedia ada di mana dalam lingkungan kalau tidak, tak silap saya, 20 kilometer daripada Lapangan Terbang itu dilarang untuk menjalankan usaha burung walit ini. Ini bukan undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi ini adalah undang-undang yang ditetapkan di bawah, atau pun peraturan di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih, Puan Pengerusi. Soalan tambahan Sungai Burong ialah apakah tindakan yang akan diambil kepada pengusaha-penguasa burung walit di atas bangunan komersial yang telah tidak dibenarkan dasarnya pada hari ini kerana mereka tidak dapat berpindah ke kawasan pertanian dan juga mengenai dasar mengenakan cukai tafsiran ke atas tanah-tanah pertanian yang melaksanakan atau membina bangunan di atas mereka didapati dasar sekarang ialah menekan, dasar penilaian berdasarkan penilaian semasa. Adakah Kerajaan Negeri boleh menimbangkan untuk menilai oleh kerana ini kawasan pertanian digunakan untuk industri yang belum tentu memberi kepastian pulangan kerana tidak semestinya rumah burung-burung walit yang dibina ini dihuni oleh burung tersebut.

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM: Yang pertamanya Tuan Speaker, di bawah Undang-undang bangunan yang sedia ada tindakan sudah diambil tetapi Kerajaan

Negeri membuat keputusan untuk memberi kelonggaran, di mana kita tidak ambil tindakan drastik untuk meroboh dan tindakan yang lain terhadap mereka yang menjalankan pengusahaan burung walid di dalam kawasan premis perniagaan. Kita mengambil satu *approach* yang menjaga kepentingan semua pihak. Sebab itu kita tidak menyediakan. Kita berikan lesen selama tiga tahun supaya mereka ada *grey period* dengan izin supaya impak terhadap mereka dikurangkan. Ini langkah setakat ini yang terbaik yang pernah kita tawarkan di mana-mana Kerajaan Negeri dalam Malaysia ini.

Yang keduanya cukai taksiran sebenarnya untuk tanah kosong pun PBT memberi kuasa untuk mengenakan kuasa cukai taksiran. Jadi akan melihat perkara itu untuk pengusahaan ini kita beri intensif. Tidak ada Kerajaan di Malaysia ini yang pernah memberi intensif kepada perusahaan burung walid ini. Kerajaan Negeri Selangorlah yang negeri pertama di mana kita menggalakkan mereka berpindah kita bagi kelonggaran *grey period* dengan izin bagi kelonggaran 3 tahun. Selepas itu kita tambah lagi. Berpindah kita bagi lesen 5 tahun. Cukai pintu 5 tahun atau cukai taksiran. Cukai tanah 5 tahun. Saya rasa tawaran yang baik. Selepas kita mengadakan dialog dengan pihak pengusaha dan juga pihak persatuan tuan burung walid pada bulan September lalu sehingga hari ini. Sehingga kita buat pengumuman, tidak ada memorandum atau pun apa-apa bantahan secara terus disampaikan kepada Kerajaan Negeri. Hanya selepas kita membuat keputusan kita menerima memorandum tetapi dalam tempoh 2 hingga 3 bulan tidak dapat respons daripada pengusaha itu secara bertulis. Jadi kita telah memberi peluang yang mencukupi untuk semua pihak bagi membincangkan perkara ini. Sebenarnya Undang-undang kecil kita luluskan ini telah pun digubalkan lebih daripada 2 tahun. Masa sudah cukup diberikan kebanyakan majoriti pengusaha ini telah berusaha lebih dari 100 tahun. Ini yang sebenarnya dimaklumkan kepada pihak kerajaan. Mereka telah berusaha sejak tahun 2002.

Jadi sebenarnya kalau nak dapatkan keuntungannya. Yang tidak dapatkan keuntungannya memang tidak mungkin dapat keuntungannya sebab burung tidak datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan. Terima kasih Puan Speaker. Mengenai penternakan burung walid ini. Arahan garis panduan Undang-undang Kecil dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini adakah ia bercanggah dengan Undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat. Saya hendak tahu kepastian ini. Terima kasih.

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker setakat ini belum ada Kerajaan Pusat belum buat apa-apa Undang-undang tentang pengusahaan burung walid ini. Ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Tempatan. Jadi hanya diadakan di peringkat Kerajaan Pusat ada satu garis panduan dan di peringkat Negeri juga di Selangor ada garis panduan. Negeri Selangor adalah negeri pertama yang meluluskan Undang-undang Kecil bagi melesenkan perusahaan ini. Saya rasa ini satu usaha yang baik kita melesenkannya. Kita menghalalkannya. Jadi saya tidak nampak sebab yang kukuh untuk mana-mana pihak yang membantah usaha yang menghalalkan aktiviti-aktiviti yang selama ini tidak tentu apa kedudukannya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Permatang

Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya ingin bertanya selain daripada isu perlesenan kita sedia maklum industri burung walid ini waktu beberapa tahun lepas menghadapi masalah dari segi permasalahan. Jadi adakah Kerajaan Negeri membantu pengusaha-pengusaha burung walit ini dari segi membantu pemasaran di peringkat antara bangsa terutama di China yang dan sebagainya menjadi isu.

Kedua saya hendak bertanya isu mengenai Sg. Burung yang bertanya ada pengusaha yang tinggal dengan burungnya. Nampak lucu tetapi sebenarnya mereka tinggal sekali dengan sarang burung di bawah rumah di atas sarang burung beroperasi hampir 10 tahun. Jadi nak bagi tempoh 3 tahun berpindah jadi bagai mana tindakan ini boleh dibuat oleh Pihak Kerajaan.

Kalau tempat yang mereka jamin itu adalah rumah kediaman sudah tentu ada Undang-undang bangunan sedia ada tindakan untuk ambil tindakan. Kalau premis itu adalah premis perniagaan juga tetap sama Undang-undang bangunan yang sama. Jadi itu adalah dari segi perundangan.

Berkenaan dengan usaha membantu memasarkan burung walit ini saya rasa itu bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan bukan bidang kuasa kita, Apabila kita mengambil alih Putrajaya kita akan usulkan.

TUAN SPEAKER: Rawang. Tidak hadir. Kuang.

Y.B DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Puan Speaker soalan 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIAPADA
Y.B DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK: KAMERA AUTOMATED ENFORCEMENT SYSTEM (AES)

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan kamera AES dipasang di Selangor mengikut PBT?
- b) Apakah pendirian kerajaan terhadap inisiatif ini?
- c) Apakah inisiatif negeri untuk mendisiplinkan pemandu Selangor selain pendekatan kamera AES?

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM: Terdapat dua (2) kamera AES yang dipasang di Selangor iaitu di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang :

Bil	Kilometer	Lokasi
1	Km 301.7	Arah ke Kuala Lumpur, Lebuhraya Utara Selatan.
2.	Km 6.6	Arah ke Kajang Lebuhraya SKVE

Kerajaan Negeri pada dasarnya menyokong agar penguatkuasaan Undang-undang dikenakan ke atas pemandu yang memandu melebihi had kelajuan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pemasangan kamera AES tersebut kerana ia dikendalikan secara penswastaan. Kaedah ini lebih memberi keuntungan kepada pihak syarikat swasta. Selain itu, Kerajaan Negeri berpandangan pemasangan kamera tersebut perlulah merujuk kepada PBT seperti yang termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 33).

Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor untuk mendidik dan mendisiplinkan untuk pemandu Selangor dengan melancarkan kempen-kempen kesedaran pemanduan terutamanya semasa menyambut perayaan yang besar.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Puan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIAPADA
Y.B TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PROGRAM PENCEGAHAN BANJIR DI SEKITAR MERU

45. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah cadangan-cadangan daripada pihak JPS, JKR, MPK dan PTD bagi pencegahan banjir di DUN Meru dan apakah bentuk-bentuk halangan yang dihadapi bagi laksanakan cadangan-cadangan tersebut?
- b) Bagaimanakah status terkini Projek Kolam Takungan Air di Meru?
- c) Apakah status cadangan melebar dan menaik taraf parit di sepanjang Persiaran Hamzah Alang?

Y.B TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Cadangan dari MPK : Bagi pencegahan banjir di DUN Meru, Pihak MPK mempunyai cadangan atau program seperti berikut:

- i) melaksanakan program berterusan secara berkala iaitu penyelenggaraan pembersihan parit-parit utama sedia ada di bawah seliaan Majlis seperti di Jalan Teratai, Jalan Haji Salleh, Jalan Kasban, Jalan Jabbar, Jalan Kassim, Jalan Khamis, Jalan Puding, Jalan Bunga Raya dan Jalan Haji Abdul Manan. Kerja-kerja dilakukan secara kontrak dan Jabatan (*inhouse*).
- ii) Majlis juga melaksanakan kerja-kerja pembaikan longkang dan parit sedia ada.
- iii) Menaik taraf perparitan sedia ada secara berperingkat-peringkat mengikut peruntukan pembangunan yang ada.
- iv) Beberapa halangan yang dihadapi bagi perlaksanaan cadangan-cadangan tersebut adalah:
- v) Terdapat binaan-binaan pembetung / jambatan kecil penduduk tanah-tanah lot persendirian dibina tidak mengikut spesifikasi, bersaiz kecil dan

aras yang tinggi menyebabkan air di dalam parit bertakung, menghalang kelancaran aliran air dan seterusnya boleh menyebabkan banjir.

- vi) Ketiadaan rizab parit yang terancang sehingga selepas pembangunan hartanah dilaksanakan. Pada masa ini hanya terdapat parit-parit di tepi rizab jalan.
- vii) Kebanyakan kawasan banjir adalah kawasan-kawasan yang belum dibangunkan dan merupakan tanah hak milik persendirian yang mana parit alir keluar utama sedia di bawah pengurusan organisasi lain seperti JPS.
- viii) Majlis tidak mempunyai peruntukan lebih bagi kerja-kerja pembangunan mengatasi banjir seperti membina parit-parit konkrit.

Cadangan dari JPS:

Cadangan projek bagi pencegahan banjir di kawasan ini ialah merangkumi:

- i) Kerja-kerja projek bagi pembinaan 5 buah kolah takungan
- ii) Menaiktaraf sistem saliran sedia ada.
- iii) Menggantikan jambatan sedia ada yang menjadi halangan aliran air.
- iv) Membina pintu kawalan pasang surut air.
- v) Antara projek pencegahan yang telah dilaksanakan:
- v) Pembinaan kolam takungan banjir di Kampung Budiman
- vi) Menaik taraf parit utama di Jalan Iskandar, Bukit Kapar, Meru.

Antara kaedah pencegahan bukan struktur yang telah dilaksanakan:

- i) Kerja-kerja pembersihan dan pengorekan parit di kiri dan kanan secara berkala.
- ii) Antara bentuk-bentuk halangan yang dihadapi adalah:

- iii) Kerja-kerja pembersihan dan pengorekan parit di kiri dan kanan secara berkala.

Antara bentuk-bentuk halangan yang dihadapi adalah:

- iv) Masalah proses pengambilan balik tanah bagi pembinaan kolam takungan yang mana ia melibatkan tanah-tanah persendirian .
- v) Memerlukan kos yang tinggi.
- vi) Penggantian jambatan baru akan melibatkan perobohan jambatan lama dan ianya akan mengganggu keselesaan dan keselamatan orang awam.
- vii) Dari MPK
- viii) Berkaitan cadangan kolam di kawasan DUN Meru perlu ada perbincangan khas kerana melibatkan Pejabat Tanah, Majlis, JPS, pemilik tanah dan UPEN bagi tujuan pengambilan tanah yang melibatkan kos yang tinggi dan penentuan tanah-tanah yang dicadangkan untuk dijadikan kolam tадahan banjir.

Dari JPS:

Secara umumnya projek kolam takungan air di Pekan Meru telah siap sepenuhnya. Pada masa kini kerja-kerja penyelenggaraan kolam seperti pengorekan dan pemasangan pagar sedang dijalankan. Skop bagi kerja-kerja pengorekan kolam takungan termasuk:

- i) Mendalamkan kolam.
- ii) Mengeluarkan segala rumpai air dari kolam
- iii) Membersihkan kolam termasuk kerja-kerja *trimming of slope*
- iv) Kerja-kerja pemasangan pagar jejaring berangkai dengan disaluti pvc di sekeliling kolam takungan.

Walau bagaimanapun Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas kolam tersebut dari masa ke semasa.

d) Dari MPK:

- i) Kerja-kerja menaik taraf parit dan pembetungan di Persiaran Hamzah Alang Meru di sebelah kiri (Parit milik Majlis) sudah dimaklumkan kepada PWN dan akan di bentang dalam Mesyuarat MTES setelah mendapat kelulusan.
- ii) Kos anggaran bagi kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM5.6 juta bermula daripada simpang Pekan Meru sehingga persimpangan Jalan Abd. Manan.

Dari JPS:

- i) Jabatan Pengairan dan Salinan Negeri Selangpr bercadang untuk menaik taraf Sungai Binjai di sepanjang jalan Persiaran Hamzah Alang pada tahun 2014 dengan menggunakan peruntukan Negeri yang disalurkan melalui akaun amanah caruman parit.
- i. Kemajuan kerja ketika ini adalah di peringkat:
 - ii) Peringkat perlaksanaan kerja ukur dengan anggaran 3 km panjang dari Pekan Meru sehingga Sungai Kapar Besar.
 - iii) Kerja-kerja reka bentuk akan dilaksanakan secara “*in-house*” dengan cadangan tajuk kerja adalah ‘manik taraf parit tanah ke parit jenis *U-Drain* di sepanjang Jalan Persiaran Hamzah Alang.

Terima kasih.

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker. Dalam jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat pada Dewan ini dimaklumkan bahawa kolam di kawasan Meru pun sudah pun siap sepenuhnya. Jadi persoalannya kalau kolam tadahan telah siap kenapa berlaku juga banjir

Kedua di Sri Muda khususnya Johan Setia, kolam tadahan tidak ada. Jadi bolehkah Yang berhormat bayangkan yang ada kolam pun boleh banjir. Kawasan yang tak ada kolam macam mana keadaan banjir. Terima kasih.

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Seri Muda. Saya kira isu masalah menyelesaikan masalah banjir ini hanya bergantung kepada kolam semata-mata dan sudah tentulah sebuah kolam tidaklah menyelesaikan kesemuanya. Kalau di Meru ini cadangannya adalah untuk menyediakan beberapa kolam sebagai jalan penyelesaian yang mana sudah tentunya memperuntukkan perbelanjaan yang besar dan saya melihat bahawa satu kajian sebenarnya termasuk beberapa kawasan yang mudah banjir di kawasan Selangor ini dan sebahagiannya telah melalui proses kajian ini dan di dalam perlaksanaan untuk penyelenggaraan bajet dapat dilakukan dengan sebaiknya. Mungkin walaupun tidak termasuk di dalam tajuk yang dibincangkan pada hari ini isu Sri Muda saya rasa perlu satu kajian yang menyeluruh sebelum kita membuat sesuatu pun begitu isu banjir akan tetap berlaku tetapi sekurang-kurangnya program-program berkala dapat dijalankan untuk mengurangkan ataupun mengatasi sedikit masalah banjir yang berlaku tetapi untuk menyelesaikan masalah yang sepenuhnya sudah tentulah satu projek yang besar perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah banjir terutamanya di Seri Muda. Terima kasih.

Y.B TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker, mengenai banjir ni saya rasa bukan sekadar berlaku di Meru ataupun di Seri Muda semata-mata tetapi yang berlaku di seluruh Negeri Selangor dan isu ini mesti ditangani secara menyeluruh dan kalau kita ingin melihat bahawa sekiranya kita ingin melihat pasal banjir ini selesai dengan sempurna ataupun sekurang-kurangnya ianya mengurangkan masalah banjir saya kira Kerajaan Negeri patut meneliti balik tentang terma-terma ataupun kontrak dilakukan ataupun diutarakan kepada kontraktor-kontraktor penyelenggaraan. Oleh sebab itu saya mencadangkan boleh tak Yang Berhormat EXCO untuk melihat kembali tentang kekerapan penyelenggaraan longkang-longkang dan parit-parit itu agar kekerapan ini boleh diperbaiki dari aspek penyelenggarannya dari masa ke semasa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 46.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK: HASIL KUTIPAN CUKAI TANAH

46. Bertanya kepada Y.A.B..Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemuka butiran terperinci jumlah kutipan cukai tanah Negeri Selangor bagi tahun 2008-2012 mengikut pecahan daerah ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah tunggakan cukai tanah yang gagal dikutip bagi tahun 2008-2012 mengikut pecahan daerah ?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menambah hasil kutipan cukai tanah semasa dan mengurangkan tunggakan cukai tanah ?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker. Sekinchan menyoal tentang hasil kutipan cukai tanah. Jawapan ini saya akan jawab bersama dengan soalan 108 dari Sungai Burung, 168 Yang Berhormat Permatang. Pertama, kutipan Cukai Tanah saya rasa sudah mula menunjukkan keadaan yang memuaskan dari 2008 sehingga 2012 setiap tahun kita telah mula dapat mengutip RM 335.7 juta setiap tahun dan angka ini meningkat. Kedua, tunggakan cukai juga mula merosot. Jadi untuk perhatian pendapatan Cukai Tanah yang tertinggi ialah dari Daerah Petaling RM 137 juta diikuti oleh Klang 91 juta dan yang paling rendah ialah Sabak Bernam RM 2.6 juta jadi dia yang paling rendah. Dan Gombak RM 42 juta. Sepang RM 23 juta dan kutipan dilakukan dan pemantauan kutipan dilakukan setiap bulan dan tahun ini untuk tahun 2012 Daerah Gombak memenangi hadiah kerana kutipan yang terbaik diikuti oleh Daerah Petaling. Untuk makluman juga cukai tanah ini tidak termasuk dengan pendapatan cukai premium. Cukai premium yang kita dapat ialah, ah! cukai premium yang kita dapat di Klang kita telah dapat mengutip RM 85 juta, Petaling RM 295 juta, Hulu Langat RM 190 juta dan jumlahnya melebihi RM 900 juta. Kedua-dua kutipan ini menunjukkan proses usaha pengutipan berkesan dan soalan yang ditanya ialah apakah langkah-langkah proaktif kerajaan untuk mengutip cukai. Jawapannya sistem kita mesti terkini. Jadi tak ada lagi orang boleh tanya, boleh tanya sama ada dia dah bayar cukai atau tidak. Nanti kita tunggu satu minggu baru dapat jawab. Kita boleh beri jawapan masa itu juga. Maknanya kalau dia ingat nombor lot tanah, boleh jadi dia tak ingat, itu satu... atau pun dia ingat nombor kad pengenalan dia, kita boleh carikan dekat mana tanah dia punya dan di mana dia, sama ada dia bayar hasil ke tidak. Jadi, kita dah sampai kesatu peringkat pengutipan hasil. Besok kita mungkin mereka sudah tak payah datang ke pejabat bayar hasil *on-line*. Ah! Itu pun kita akan lakukan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai dengan hasil kutipan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kerana kerajaan Negeri Selangor berusaha keras untuk meningkatkan kutipan hasil dengan sistem ini. Jadi, persoalan saya ialah bagaimana kita hendak menangani tunggakan hasil cukai mereka yang tegar, yang tidak mahu bayar tunggakan walau pun kita mengenal pasti sudah ada cukai yang telah dibayar. Bagaimana tindakan kita untuk menangani supaya tunggakan itu boleh dikecilkkan lagi. Sekian terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker. Perkara ini sudah mula kita jalankan iaitu Pejabat Daerah boleh mengeluarkan Notis 6A atau pun Notis 8A rampasan tanah. Jadi, saya tidak menggalakkan usaha ini dilakukan tetapi kita mula adakah usaha *tracking*. Jika kita dapati mereka tidak membayar cukai lebih daripada sepuluh tahun, jadi kita mula menghantar surat mengingatkan kepada mereka kita boleh menggunakan 8A. Jadi oleh sebab itulah kita bagi yang sepuluh tahun dan yang tiga tahun kita akan hantar pegawai untuk jumpa mereka.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Puan Speaker, soalan No. 47.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK: PROGRAM MIMBAR

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peminjam skim ini bagi seluruh Selangor dan huraikan jumlah peminjam bagi setiap daerah.
- b) Apakah langkah kerajaan bagi mendapatkan semula hutang dari mereka yang ingkar membayar semula pinjaman

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Sri Muda. Ah! Puan Speaker, saya ingin menjawab isu yang berbangkit berkaitan dengan program MIMBAR atau pun Mikro Kredit Miskin Bandar. Berapakah peminjam skim ini untuk seluruh Negeri

Selangor mengikut daerah. Jadi, kalau ikut data yang ada di tangan saya jumlah keseluruhan peminjam yang diluluskan adalah seramai 5,731 orang yang mana ianya meliputi daripada lapan daerah yang jumlah pembiayaan yang dikeluarkan adalah sebanyak RM 11,460,200. Mengikut daerah, daerah Gombak bilangan peserta yang terlibat adalah 1,052, Hulu Langat 1,221, daerah Kelang 1,421, daerah Kuala Langat 3, daerah Kuala Selangor 30, daerah Petaling 1,849 dan daerah Sepang seramai 155 orang. Yang kita, yang ditanya seterusnya apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan bahawa individu yang telah pun meminjam dengan Kerajaan Selangor melalui MIMBAR, apakah langkah untuk mendapatkan semula hutang. Jadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa berbagai-bagai langkah yang telah dilakukan bagi memastikan peminjam tidak lari daripada tanggung jawab. Di antaranya adalah yang pertama pemantauan dan kutipan. Pemantauan dan kutipan ini maknanya dibahagikan petugas-petugas pekerja daripada MIMBAR untuk setiap pegawai, zon-zon untuk memastikan peserta itu dapat membayar balik. Pemantauan ini dibuat dalam konteks sentiasa turun padang memantau perniagaan yang dijalankan serta corak pembayaran mereka balik. Yang keduanya, operasi turun padang. Berlaku juga kepada pegawai MIMBAR mereka, kita sentiasa mengkaji corak pembayaran jika berlaku pembayar-pembayar yang dikategorikan contohnya liat atau pun ada masalah ya, jadi operasi turun padang ini dilaksanakan secara giat oleh majoriti pegawai-pegawai yang telah tugaskan. Yang ketiganya melalui surat peringatan. Tiga langkah yang lebih tegas kita laksanakan, kita juga mendapati peserta tidak membayar, jadi kita memberikan satu surat peringatan tegas dan ia juga, surat peringatan itu bukan sahaja akan disampaikan ke rumah kediaman tetapi di premis perniagaan yang dijalankan. Yang keempat, kerjasama dengan ketua-ketua masyarakat MIMBAR juga mengambil pendekatan lakukan perbincangan bersama dengan ketua masyarakat untuk bersama-sama memberikan kaunseling dan juga bimbingan kepada mereka yang bermasalah dan yang kelima, menjadualkan semula, kalau diikutkan MIMBAR ini Mikro Kreditnya diberikan pinjaman dan pemulangan balik dalam tempoh lapan belas bulan, tetapi jika benar-benar peserta tersebut mempunyai masalah, kadang kalanya kemalangan dan sebagainya jadi penjadualan semula pembayaran dilakukan oleh pihak MIMBAR. Itu sahaja Puan Speaker. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Templer

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Setakat ini berapakah peratus, ah! bayaran balik program MIMBAR dah apakah status program ini sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Di dalam data yang diberikan kepada saya bayaran balik telah didapati boleh dikatakan sebanyak 73.7% yang tidak bermasalah. Tetapi, kategori yang bermasalah, contohnya yang sedikit liat itu seramai 16 orang atau pun sebanyak 16.31% dan yang benar-benar masalah maknanya setiap kali kita kena kejar atau pun ada NPL di situ adalah sebanyak 9.91 %. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker. Dalam maklumat yang dihantar ke pejabat-pejabat Ahli Dewan, kita dapati khususnya di Sri Muda, saya dapat balasan peminjam yang tidak membayar balik satu sen pun tidak bayar balik kepada pinjaman yang dibuat. Jadi, saya berkesempatan untuk bertemu beberapa orang dan bertanya jawapan yang dikemukakan oleh mereka ialah tak perlu bayar, kerana kalau tak bayar pun tidak ada tindakan seperti bank yang diambil ke atas mereka. Jadi, dengan jawapan ini menandakan bahawa mereka mungkin tidak berniat untuk membayar balik. Jadi, apakah kerajaan perasan tentang keadaan ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Bagi mereka yang mempunyai sikap yang begitu ya, tidak mahu membayar balik sebenarnya kerajaan Selangor telah pun sekarang ini menyediakan satu sistem yang dinamakan *i-workfare* di mana data-data seluruh mereka yang pada mulanya datang berjumpa dengan kerajaan Selangor sama ada untuk memohon pinjaman atau pun meminta bantuan kebijakan dan sebagainya, mereka itu telah pun dikenal pasti di *database*. Jika mereka di dalam golongan yang tidak membayar balik, jadi dalam data sistem itu akan dikategorikan pihak mereka ini tidak bertanggung jawab dan juga tidak memberikan apa ini bertanggung jawab sepenuhnya untuk membayar balik dan mereka akan di *blacklist* kan. Jadi kalau itu, mereka kemungkinan besar atau pun, bukan kemungkinan besar ya, maknanya dikategorikan individu yang jika datang tampil semula untuk bekerjasama dengan kerajaan Selangor atau pun memohon apa-apa bantuan kita akan kategorikan sebagai individu yang perlu disiasat lebih lanjut tentang apakah perlu beliau diberi atau tidak bantuan lagi. Jadi sistem itu sebenarnya memudahkan, ya! Kerajaan Selangor memantau tentang apakah karakter atau pun jenis individu yang sentiasa datang dan berjumpa dengan kerajaan Selangor, apakah mereka benar-benar dalam konteks kemiskinan yang ingin dibantu atau pun sengaja *at the end* mendatangkan atau pun mengambil kesempatan di atas usaha kerajaan memberikan kebijakan kepada rakyat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 48

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: MESIN SLOT JUDI KUDA

48. Pertumbuhan pusat-pusat mesin slot judi kuda semakin banyak dan menimbulkan impak sosial yang amat negatif kepada masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan konkret yang diambil oleh pihak kerajaan tempatan dalam menangani masalah ini, jika diperhatikan di kebanyakan tempat kita operasi dilakukan pada hari ini tak sampai 24 jam mereka kembali beroperasi?
- b) Apakah statistik terkini jumlah pusat mesin slot judi yang ada di Negeri Selangor, termasuk di DUN Dengkil?

Y.B. DATO ' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker. Pelesenan mesin slot judi kuda ini sebenarnya adalah untuk pelesenan geran judi adalah di bawah bidang kuasa kerajaan pusat. Kerajaan negeri tidak kuasa untuk mengeluarkan lesen untuk perjudian termasuk mesin kuda ini. Dan apa yang boleh dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah untuk membuat tindakan sitaan dan kompaun terhadap premis yang disyaki beroperasi sebagai premis pusat perjudian. Tetapi tangkapan pendakwaan hanya boleh dijalankan oleh pihak Polis. Dan setakat itu yang mampu dilakukan. Tetapi kalau mereka menggunakan komputer, menggunakan *cyber cafe* maka kita boleh mengambil tindakan untuk menyita komputer tersebut dan kerajaan Negeri sedang dalam kajian untuk merangka satu enakmen yang boleh dipakai oleh semua PBT seperti kuasa yang lebih besar diberikan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap *cyber cafe* yang tidak berlesen.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARAIF: Terima kasih tuan Speaker. Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Saya ingin bertanya terdapat 68

premis *cyber cafe* yang dijejaki sebagai pusat perjudian yang telah diambil tindakan. Yang itu, statistik untuk satu Selangor atau pun kawasan-kawasan tertentu. Dan yang keduanya, prosedur penguatkuasaan sebaik sahaja aduan diterima, apakah prosedur penguatkuasaan yang ditetapkan oleh PBT dan apakah setelah disita pemantauan dibuat dari semasa ke semasa. Terima kasih.

sahaja aduan diterima apakah prosedur penguatkuasaan yang ditetapkan oleh PBT dan apakah setelah di sitar pemantauan dibuat dari masa ke semasa. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Speaker, angka 68 ini adalah hanya pada Sepang kerana kita mempunyai banyak lagi di kawasan khususnya di kawasan Subang Jaya dan kawasan-kawasan yang lebih pesat pembangunannya. Jadi oleh disebabkan kuasa yang sedia ada hari ini tidak membenarkan kita mengambil tindakan yang lebih berkesan maka sebab itu Kerajaan Negeri sedang mengkaji untuk merangka satu Enakmen yang lebih berkesan dan dalam penguatkuasaan juga Kerajaan juga dalam usaha untuk membekalkan peralatan keselamatan penguat kuasa kerana mereka menghadapi risiko keselamatan apabila mereka menjalankan tugas. Jadi Kerajaan Negeri dalam proses untuk membekalkan *thistle* untuk penguat kuasa di semua PBT supaya mereka mempunyai kelengkapan yang lebih baik dan dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi. Dan memang kerja pemantauan ada dijalankan tapi tindakan-tindakan itu memang kalau mengikut keadaan sekarang memang tidak dapat mencegah atau pun menghapuskan 100% Pusat Siber Kafe yang tidak boleh di sini.... Tapi juga pada masa yang sama Kerajaan dalam mengeluarkan lesen Siber Kafe untuk tahun hadapan adalah pun mesyuaratkan bahawa pemohon hendaklah menggunakan *software*. Ada dua jenis *software* yang dibenarkan sebelum mereka diberikan lesen. Jadi ini adalah salah satu caranya untuk memastikan Siber Kafe yang diberikan lesen menjalankan perniagaan mereka mengikut undang-undang dan sementara itu satu caranya untuk memastikan bahawa mereka yang beroperasi itu adalah berlesen. Selain daripada itu yang berlesen maka tindakan tegas akan sentiasa dijalankan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Kita dapati bahawa penguatkuasaan ada dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebagai contoh di Klang, di Kampung Johan Setia di Bandar Putera, di MBSA di Kota Kemuning tetapi yang kita ragu sedikit ialah selepas penguatkuasaan diambil selepas dua hari pusat yang sama membuka semula Pusat Judi ini. Jadi apakah yang boleh diambil atau pun dilakukan oleh Kerajaan Negeri misalnya bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional atau pun agensi yang lain supaya selepas

penguatkuasaan kali pertama mereka yang bertanggungjawab itu tidak lagi mengulangi perbuatan yang sama di premis yang sama. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, sebenarnya penguat kuasa di peringkat PBT memberi banyak tekanan. Pertamanya dari segi tenaga kerja yang ada. Yang keduanya mereka ditugaskan untuk menjalankan pelbagai penguatkuasaan. Penjaja kena diambil tindakan pelbagai jenis perniagaan dijalankan ditugaskan kepada penguat kuasa. Jadi oleh sebab itu untuk memastikan tindakan yang lebih berkesan maka undang-undang baru diperlukan termasuk juga di dalam pertimbangkan sekarang ini adalah untuk merampas harta iaitu merampas premis untuk dilelongkan merampas premis yang menjalankan siber kafe tanpa berlesen ini. Dan sebenarnya siber kafe ini dia perniagaan yang mudah ia hanya perlu membeli komputer dan dengan modal yang sedikit ia dapat menjalankan perniagaan sebab itu kita dari pihak Kerajaan Negeri sedang mengkaji satu cara yang lebih menyeluruh ya termasuk juga *digital* sekarang. Kalau sekarang ini mengikut peruntukan yang sedia ada apabila komputer mereka atau peralatan *digital* ia perlu dikembalikan apabila dimohon. Hanya dikenakan kompaun RM1,000.00 jadi dalam rangka undang-undang yang baru ini akan dipertimbangkan adalah kita rampas dan tidak kembalikan lagi dan kita mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk juga dalam pertimbangan adalah hukuman penjara untuk kesalahan-kesalahan itu. Jadi kita sedang mengkaji satu cara yang lebih *holistik* bergantung pada keadaan sekarang ini yang menghadapi banyak tekanan termasuk juga apabila ada cadangan untuk memotong bekalan elektrik itu perlu permohonan perlu dibuat pada Polis dan Polis kepada Tenaga Nasional. Tenaga Nasional pula ada alasannya sebab dia melihatkan itu bukan satu perkara yang serius bagi pihaknya. Itu akan menjelaskan perniagaan mereka sebab itu yang menyebabkan kesan apa tu salah satu memotong bekalan itu menjadi satu langkah yang tidak begitu berkesan dan sambungan kalau dipotong pun nak disambung amat senang untuk amat mudah untuk pemilik premis itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Ahli-ahli Y.B. Sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi Pertanyaan untuk Urusan seterusnya.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan(2014), 2013 (semua peringkat.)

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Sg Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: *Bismillahir rahmanir rahim.*
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Pegawai-pegawai Kerajaan Sg Panjang pun izin untuk turut serta di dalam Perbahasan ini. Namun izinkan saya mulakan perbahasan ini dengan mengambil apa yang disebut ketika Soalan Mulut saya tentang Laporan Prestasi Kerajaan Negeri sepanjang 2008 – 2012. Di dalam jawapan bertulis tersebut diperlihatkan Dokumen Prestasi Kerajaan Negeri boleh dilihat melalui Laporan Audit dan juga ada sebuah buku yang bertajuk *Governor Selangor Policy and Facts* 2008 – 2012. Saya menukilkan kenyataan ini kerana saya berasa ada keperluan lebih banyak Dokumentasi-dokumentasi bertulis terhadap kejayaan Kerajaan-kerajaan Negeri yang boleh diakses, yang boleh diperlihatkan dan yang boleh dinilai oleh rakyat kerana apa kerana saya tidak mahu Kerajaan Negeri ini seperti burung merak yang kelihatan cantik pada cermin rumahnya sahaja tanpa mengambil kira cermin daripada orang lain. Saya memperlihatkan keseluruhan teks yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terhadap belanjawan berhemah impak tinggi dan masalah rakyat dan menukilkan sebanyak lima buah pantun dan saya juga mengambil pembayang daripada pantun tersebut. Biar runtuh baju di badan usah tua merasa gundar marilah kita berganding tangan janganlah kita bantah membantah. Tuan Speaker yang saya kasih sekalian dalam Bajet 2009 ada satu perkara yang penting yang telah disebut terhadap penubuhan Kumpulan Semesta KSSB dengan pulangan yang dijangka RM150 juta setahun. Dan apabila kenyataan ini diulang-ulang kali diungkapkan dan apabila saya melihat daripada Ucapan Bajet yang saya muat turun daripada portal MB kenyataan RM150 juta itu sudah tidak ada tetapi pada *Handsard Parlimen* ada yang disebut berlipat-lipat ganda dijangka RM150 juta hadapan. Apabila saya membuat susulan kajian terhadap apa yang disebut oleh Y.B. Bukit Antarabangsa juga memperlihatkan RM150 juta itu ada. Kerana itu pada saya sudah ada keperluan supaya dokumen-dokumen ini ditambahbaikan diberikan sebegini banyak akses supaya rakyat boleh membuat penilaian. Pada bajet 2010 disebut tentang peruntukan sebanyak RM391 juta terhadap pengambilan alih hutang Talam. Apakah status pengambilan tersebut sehingga hari ini? Dan pada bajet 2010 juga disebut terhadap pakej rangsangan ekonomi melebihi RM50 bilion terhadap penambahbaikan Sg Klang, Peningkatan Hasil Padi dan juga Peningkatan Lembah Klang itu sendiri dan apakah statusnya sehingga hari ini.

Pada tahun 2011 disebut lagi tentang Majlis Pengangkutan Selangor yang akan menyediakan satu unit pengangkutan di setiap Majlis Kerja Tempatan. Apakah statusnya hingga pada hari ini? Dan pada tahun 2012 juga disebut berkaitan tentang bajet sebanyak RM3 juta terhadap aktivis budaya dan apakah statusnya juga hingga hari ini? 2013 disebut lagi tentang potensi air bahan mentah terhadap teknologi Teknologi Tebing Sungai apakah potensi-potensi? Apakah peruntukan-peruntukan dan

apakah statusnya pada hari ini? 2009, 2014 disebutkan beberapa kali tentang sebuah negeri yang baik aman dan sejahtera dan unjuran sebanyak 1.85 bilion daripada segi hasil. Dan apa yang diperlihatkan terhadap perkara ini iaitu bajet ini merupakan satu bajet belanjawan berhemah, berimpak tinggi dan masa had rakyat. Apakah yang disebutkan sebagai masalah rakyat sebagai sesuatu yang berfaedah dan mendatangkan faedah. Persoalannya adakah benar-benar bajet ini memberikan faedah? Faedah secara menyeluruh atau faedah secara separuh-paruh. Saya akan membawakan beberapa isu yang berlaku di Sg Panjang, di dalam daerah Sabak Bernam. Tentang isu yang nak saya kaitkan tentang masalah rakyat ini. Bagaimanakah seorang penjaja nasi lemak di kompaunkan sebanyak RM1,000.00. Ini berlaku di Sg Panjang, menyebut tentang ia memberi masa hak kepada rakyat disebut ia akan memberi kebaikan kepada rakyat tetapi bagaimana kah seorang makcik menjaja nasi lemak diberi kompaun sebanyak RM1,000.00. Betul, benar kalau benar penjaja ini tidak ada lesen kenapa tidak satu kaedah awareness kesedaran diberikan kepada penjaja-penjaja kecil ini. Terlebih dahulu bukan itu sahaja berlaku di Sg Panjang, apa yang berlaku di Sg Panjang begitu ramai pengadu mengadu kepada saya bahawa peningkatan cukai pintu sama ada apa yang disebut nanti bukan cukai yang naik tetapi kaedah untuk menilai cukai tersebut. Mereka tidak pernah terbeban dengan kenaikan yang sebeginu banyak. Penduduk-penduduk Taman Perumahan merasa sangat dukacita dengan kenaikan ini dan apabila ditanya kepada pihak berkuasa kenaikan ini kerana apa... kerana-kerana ini, kerana ada berlaku penambahan soyok jubin dan sebagainya. Bukan ini, bukan ini sahaja berlaku di Sg Panjang *premium* terlalu tinggi diadu oleh penduduk-penduduk Sg Panjang. Bagaimana penduduk di Sg Panjang di kawasan Hala cara baru mereka membayar dikenakan sebanyak RM28,437.00 bagi tanah seluas 457 meter persegi. Ini berlaku di Sg Panjang. Rakan-rakan, Tuan Timbalan Speaker yang saya kasih sekalian episod-episod ini sangat menyediakan rakyat. Sebab itu apabila perkataan maslahat itu diulang-ulang kali jadi menimbulkan persoalan, menimbulkan keraguan, menimbulkan tanya-tanya. Satu kes yang sangat menyediakan apabila penjaja-penjaja kecil di bahagian Sg Panjang mereka menjaja gerai makanan, mereka memberikan hiburan karaoke dengan membayar RM1 satu lagu tetapi dia baik dikenakan kompaun sebanyak RM50,000. Tuan-tuan bayangkan itu hasil yang mereka gunakan untuk menyekolah anak itulah pendapatan mereka gunakan untuk membiayai anak di Universiti dengan hanya 1 lagu RM1 yang orang-orang kampung ini berhibur-hibur di bawah pokok sawit. Yang orang-orang akan berhibur-hibur di tepi laut barang kali bagaimana mungkin mereka mahu membayar kompaun sebanyak RM50,000. Adakah ini yang disebut masa had oleh Kerajaan Negeri? Adakah ini yang dimaksudkan dengan memberi faedah kepada orang-orang dijalanan. Adakah orang ini dimaksudkan memberi kebaikan kepada penjaja-penjaja kecil.

Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian, jadi ini diperlihatkan juga apa yang disebutkan sebagai satu peruntukan yang besar diberikan sebanyak RM121 juta kepada JKR dan juga RM120 juta kepada MAIS. Saya merujuk kepada Dokumen yang dibekalkan ini kertas Bil. 15/20 dan saya melihat dalam Daerah Sabak Bernam yang mana kita berkongsi Parlimen, iaitu Parlimen Sg Besar, Parlimen Sabak Bernam hanya lebih kurang 28 sahaja jumlah kenaikan taraf jalan yang ada di dua Parlimen ini. Betul ini kawasan Parlimen yang agak penghujung utara Negeri Selangor. Sepatutnya diberikanlah lebih peruntukan kepada Daerah ini. Saya melihat juga apa yang diberikan kepada pihak JAIS iaitu daripada segi Pembinaan Masjid. Disebutkan juga tiga Masjid iaitu Masjid An Nur Sg Haji Dorani, Masjid Binjai Jaya, Masjid Taman Padu Permai. Masjid-masjid ini disegerakan kerana isu penubuhan pula ini sudah bermula semenjak tahun 2006 – 2007 lagi.

Tuan Timbalan Speaker yang saya kasihi sekalian, saya ingin menyebut apa yang dinukilkan di Laporan Audit yang dikemukakan. Saya buka dari segi Laporan Audit ini terhadap perkara-perkara yang disebut berkaitan dengan Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 5 perkara utama yang disebut terhadap penemuan Audit ini adalah mengambil alihan pelajar yang tidak mencapai sasaran. Jumlah pelajar aktif melebihi kapasiti akademik, tunggakan yuran dan sebanyak 195,000 naskhah buku Perbendaharaan Al-Quran dengan kos RM1.06 juta tidak dapat dijualkan sambutan yang tidak menggalakkan. Buku ini telah diberi secara akan diberi sumbang kepada Badan Awam dan orang awam. Saya nak sebutkan apa yang berlaku di kod ACDE sebab saya difahamkan sebanyak seramai 190 orang Tenaga Pelajar telah menghantar Memorandum kepada Pengurusan Kuis. Saya fikir maklum balas yang diterima daripada Pengurusan Kuis ini sangat mengecewakan. Dia tidak seperti Y.A.B. Menteri Besar walau pun dia menerima Memorandum tapi dia senyum sahaja dengan perasaan yang terbuka. Apa yang berlaku di Kuis ini mereka telah mengemukakan bahawa ke tidak cakapan terhadap pengurusan yang menyebabkan pada tahun sebelumnya Kuis 2011 menyebabkan Kuis rugi sebanyak RM11.3 juta pada hal 3, 4 tahun sebelumnya Kuis dalam keadaan rugi. Di dalam Memorandum tersebut disebutkan juga bagaimana agaknya sebuah IPTS boleh menuju Sekolah Bina Insan iaitu ada Sekolah di dalam sebuah Institusi tersebut dan saya difahamkan maklumat-maklumat yang diterima bahawa penubuhan Insan ini dikatakan bertentangan dengan Akta 555 iaitu sebuah Institusi IPTS tidak boleh menuju sebuah Sekolah. Saya pohon penjelasan apabila dalam penggulungan pada esok hari.

Tuan-tuan Yang Saya Kasihi Sekalian, saya telah melihat sebahagian besarnya daripada Laporan Audit ini, daripada Laporan, daripada hujah Perbelanjaan ini bahawa pimpinan Kerajaan Negeri Selangor yang bernaung Di bawah D.Y.M.M. Sultan Selangor menjunjung kasih akan selari dengan Demokrasi berparlimen Raja

Berperlembagaan yang menjadi amalan semenjak tahun 2.. semenjak menjadi amalan semenjak Merdeka. Saya usulkan perkara ini kerana sepanjang 2 hari perbahasan ini saya melihat yang keluar daripada kata-kata Y.A.B. Dato' Menteri Besar atau pun rakan-rakan daripada PAS. Sama sekali mereka tidak ada satu hujahan pun terhadap titah Tuanku yang bertegas terhadap isu kalimah ini. Saya sepanjang dua hari menilai, saya meneliti mana rakan-rakan saya daripada PAS yang berjuang kehendak keseluruhan ke Islam terhadap titah yang dikemukakan oleh Sultan Selangor ini. Kerana itu saya memberikan rasa yang sangat agak luar biasa titah yang dikemukakan pada tanggal 4 November ini saya fikir setidak-tidaknya perlulah disambut dan disahut oleh Menteri Besar atau setidak-tidaknya wakil.

TUAN SPEAKER: Ya Kg Tunku, Sg Panjang, Kg Tunku minta mencelah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya wakil dari PAS.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Ya kah?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya satu soalan kepada Sg Panjang. Kalau sudah terang apa pulak nak disuruh lagi?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tidak ada masalah selain, tetapi ada juga orang dalam keadaan rabun dalam keadaan terang, dalam keadaan buta dalam keadaan gelita.

Tuan Speaker yang saya kasih sekalian, laluan dengan Speaker, bukan dengan saya.

TUAN SPEAKER: Ya Meru, minta mencelah .

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Boleh.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker,saya nak menjelaskan sedikit apa yang disebut oleh Sg. Panjang. Sebenarnya saya sudah respons. Tiga telah tanya saya Post, Berita Harian dan juga Sinar Harian tapi yang keluarkan hanya Sinar Harian sahaja dan Berita Harian tak keluar dan mungkin antara Post keluar dalam dia punyai Web. Itu saya sebagai PAS Selangor takut 100% apa yang disebutkan oleh Sultan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ: Terima kasih. Itulah sebenarnya semangat itulah kehendak rakan-rakan di dalam Barisan ini kerana setidak-tidaknya isu yang diperjuangkan. Kenyataan daripada Perintah Tuanku itu disokong oleh mana-mana Wakil Rakyat.

TUAN SPEAKER: Sg Panjang dan Meru saya nak dapatkan penerangan. Apa kaitan Kalimah Allah dengan Rang Undang-Undang Perbekalan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ: Saya nak sebutkan di dalam perkara 5 ini bahawa di dalam Kerajaan Negeri Selangor seluruhnya bernaung di bawah . itu Fakta yang pertama. Fakta yang kedua saya nak sebutkan juga terhadap Aku Janji yang ada bersama dikemukakan bersama Y.A.B. Dato' Menteri Besar bersama dengan Sultan Selangor dan saya nak merumuskan kedua-duanya. Itu mestilah ada sambutan daripada kenyataan Titah yang dikemukakan oleh Sultan Selangor tersebut. Jadi pada saya, saya tidak perlukan teks yang kata laluan, cukup sekadar daripada yang dikemukakan daripada Y.B. Meru tadi.

TUAN SPEAKER: Ini adalah Perbahasan Menjunjung Titah Ucapan Tuanku saya benarkan tetapi ini adalah Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan jadi teruskan kepada Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ: Saya fikir Tuan Speaker berilah sedikit keadilan kepada kita kerana dalam keadaan ini saya fikir semenjak dari semalam begitu juga banyak ruang yang diberi terutamanya dari segi perbandingan antara apa yang disebut. Walau kita membincangkan isu bajet yang dikemukakan di Peringkat Kerajaan Negeri tetapi digunakan juga fakta-fakta hujahan terhadap isu daripada bajet Kerajaan Persekutuan. Pada saya, pada pandangan saya, saya memikirkan itu daripada rumusan yang hendak dikemukakan.

TUAN SPEAKER: Pada Rang Undang-Undang Perbekalan. Ya, Sg Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ini ada Peraturan Tetap 367 iaitu nama D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Agong atau nama D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu atau Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi di Dewan. Ini adalah satu perkara yang *serious* jangan gunakan Titah Tuanku di sini untuk menyokong hujah-hujah kerana ia adalah menyalahi Peraturan Tetap Ini.

TUAN SPEAKER: Itu sebab Sg Panjang terus kepada Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan. Nak cakap fasal Bajet saya bagi 1 jam pun saya bagi Sg Panjang. Saya bagi ruang cepat.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker, Meru...Meru beri kenyataan sedikit.

TUAN SPEAKER: Meru minta mencelah. Meru belum cakap lagi.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: *Something to do with the teguran tadi,* saya cuma nak beritahu. Dalam Sinar Harian pun Sultan mengingatkan supaya isu Kalimah Allah ini jangan dipolitikkan.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Ya.

TUAN SPEAKER: Sg Panjang.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Saya fikir tentulah ada perbezaan dengan perkataan mempolitikkan itu dengan mengemukakan fakta dan saya fikir itu satu benda yang berbeza.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Saya akan teruskan. Saya nak rujuk kepada Manifesto Pakatan Rakyat di Selangor yang dikemukakan yang akhirnya dilihat ini mempesonakan rakyat dan akhirnya menyebabkan kemenangan lebih daripada 2/3 rakan-rakan Pakatan di Selangor. Daripada segi Pembangunan ke Pertanian sudah disebut tetapi daripada segi Manifesto Halal Hub itu sendiri iaitu menubuhkan sebuah Halal Hub di peringkat negeri termasuk mengeluarkan Pensijilan Halal Hub di negeri Selangor. Saya telah meneliti sebenarnya apabila saya membuat rumusan Penyelidikan antara apa yang ada pada manifesto dengan apa yang tertera dalam Belanjawan. Saya fikir kalau perkara itu ada berlaku kekurangan daripada segi Penyelidikan sebab saya teliti perkara itu tidak dinyatakan di dalam Belanjawan ini.

Tuan Speaker Yang Saya Kasihi Sekalian, isu yang saya ingin jelaskan juga antara isu penting yang saya ingin bawakan ialah dari segi pengangkutan. Dan kalau kita melihat beberapa siri bajet yang dikemukakan dari tahun 2009 isu pengangkutan ini sering di war-warkan, sering dilihat sebagai suatu isu sebagai satu masalah dan saya melihat dia berubah daripada segi nama sahaja. Kalau dulu ada Majlis Pengangkutan Awam Selangor dan kemudian dulu ada disebut sebagai Majlis Pengangkutan Negeri tetapi sebenar rakyat di Negeri Selangor sebenarnya berhadapan dengan isu pengangkutan. Daripada Kuala Selangor hendak ke Sabak Bernam daripada segi pengangkutan awam

yang ada pada hari ini hanyalah teksi, bas sama ada dari segi bayar meter atau bas berhenti-henti sudah hampir dua tahun tidak ada di daerah Kuala Selangor hingga ke daerah Sabak Bernam. Apa yang ada, adalah bas ekspres sahaja. Itu pun mereka mahu ke Klang atau pun mereka yang mahu ke Kuala Lumpur. Sebab itu isu pengangkutan ini ideologi politik, sebab isu pengangkutan ini sangat penting kerana ada di kalangan makcik-makcik di kampung ini mahu ke Hospital yang berdekatan, mahu ke Hospital yang lebih baik, dia perlukan pengangkutan awam yang lebih baik.

Tuan Speaker Yang Saya Kasihi Sekalian, saya daripada segi ini tidak ada hasrat untuk berucap lebih lama untuk berbahas lebih lama. Saya fikir ada ruang yang patut saya beri kepada rakan-rakan pembangkang. Cuma saya ingin mengingatkan suatu perkara apabila Menteri Besar menyebut tentang pantun yang akhirnya itu iaitu berkaitan dengan tempe dan juga *pudding* dan juga rojak. Saya juga sebutkan tempe, *pudding*, rojak dan kutu makanan rakyat negeri harmoni. Bukan semuanya Kerajaan tahu apa yang kurang kami maklumi. Sekian Perbahasan saya Sudah dengan *Wabillahi taufik Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Pagi. Tuan Speaker, pertama saya mengucapkan terima kasih kerana beri laluan kepada Taman Templer untuk mengambil peluang dalam Perbahasan Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor 2014. Pertamanya saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah pun membentangkan Belanjawan yang berimbang untuk tahun 2014 yang dengan bertemakan Belanjawan berkhidmat dan berimpak tinggi rakyat. Bila kita mengatakan Belanjawan berkhidmat seperti mana yang telah di definisi disebutkan oleh rakan saya daripada Hulu Klang semalam. Berkhidmat bermaksud cermat tidak boros dan tidak kedekut dan ini bertepatan dengan 67 dan juga mereka yang Allah itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya tiada batas dan tiada kedekut. Dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara boros dan itu. Jadi saya mengucapkan tahniah kerana Belanjawan yang berimbang yang berjumlah RM1.8 bilion ada peningkatan dari tahun 2013 RM1.6 bilion. Dan saya yakin bahawa jumlah ini menetapi berkhidmat tersebut. Di sini juga disebutkan dengan tema berimpak tinggi, memberi kesan yang optimum kepada rakyat. Ini juga satu tema yang cukup baik dan kita mendoakan apa sahaja yang digariskan program yang dianjurkan Insya-Allah mampu memberi impak dan kesan yang tinggi dan ini juga selaras dengan kehendak seperti yang mana dinyatakan Allah SWT tujuan manusia diadakan adalah untuk menguji. Adakah kerja yang kita lakukan ini berkesan baik dan juga berimpak yang positif. Sebagaimana Allah SWT dia Allah yang menjadikan hidup dan mati itu

untuk menguji sama ada manusia ini manakah yang lebih baik amalannya. Dalam tafsiran Ibnu Kathir menyebut, Allah SWT tidak menyebut, ‘aksar uamalah’ iaitu amalan ataupun kerja yang banyak tetapi khususnya dalam konteks kita pada hari ini kepada rakyat ataupun seluruh pengundi dan juga seluruh rakyat di negeri Selangor ini. Dan ketiganya, disebut tentang maslahat rakyat. Tentang maslahat rakyat, yang mana kita lihat dari sudut keperluan rakyat sebagaimana yang telah pun juga disentuh oleh rakan saya daripada Hulu Kelang semalam. Bila berbicara berkenaan maslahat ini, ada beberapa kategori daripada sifatnya. Seperti mana yang disebut oleh ilmuwan Islam, Al Imam As Syatibi, dalam kitabnya, Al Ashbah Wan nazo’ir, menyebut bagaimana dikategorikan kepada tiga sifat yang mana tiga sifat ini juga kita perlu lihat dari sudut prioritinya, keutamaannya. Dan saya melihat bagaiman bajet yang dibentangkan untuk 2014 menepati dari sudut keutamaan, Aulauyat, dengan izin, ataupun *priority*.

Yang pertamanya, maslahat rakyat bersifat daruriyat, yakni satu keperluan, satu kemestian, tidak dapat tidak mesti ada. Seperti tempat berlindung, rumah, seperti air, elektrik, keselamatan dan seumpamanya. Yang kedua, maslahat rakyat yang bersifat hajjiyat, ataupun berkehendak. Seperti kemakmuran kemudahan-kemudahan, jalan-jalan raya dan seumpamanya. Dan yang ketiganya, maslahat rakyat yang bersifat tahsiniyat, iaitu penambahbaikan kualiti dan satu benda yang bersifat aksesori. Tiga perkara ini perlu dilihat dari sudut keperluan rakyat ataupun maslahat rakyat, dari sudut *priority* nya. Dan saya melihat bagaimana belanjawan Kerajaan Negeri Selangor yang telah di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar banyak menepati apa yang disebut berkaitan dengan maslahat rakyat. Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Antaranya berkenaan dengan pendidikan, dalam peruntukan bagi sektor sosial, yang telah pun memperuntukkan RM26 juta untuk pendidikan. Pendidikan adalah sebahagian daripada maslahat rakyat yang bersifat darruriyat, yang mesti diberikan, yang perlu dan wajib ada. Kita mengharapkan dengan peruntukan RM26 juta ini mampu memenuhi keperluan dan juga maslahat rakyat. Khususnya sekarang kita melihat dari sudut, *demand*, dengan izin ataupun kehendak rakyat di negeri Selangor ini khususnya berkenaan dengan sekolah-sekolah agama, yang kita melihat bagaimana permintaan cukup tinggi, seperti KAFA di sekolah rendah dan seperti mana yang diwar-warkan Kerajaan Negeri Selangor akan menuahkan KAFA di peringkat menengah. Begitu juga Tahfiz Sains dan seumpamanya. Kita mengharapkan supaya dengan bajet ini, dan mungkin ada bajet yang lain, mampu untuk memenuhi keperluan ini. Memenuhi maslahat rakyat ini yang bersifat darruriyat itu tadi. Kenapa di luar sana kita melihat bagaimana kehendak rakyat terhadap sekolah-sekolah agama ini cukup tinggi. Dan kita mengharapkan supaya untuk tahun ini kita mampu, setidak-tidaknya memenuhi keperluan ini lebih daripada 50 peratus, Insya-Allah.

Puan Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan, dikasihi dan dirahmati Allah sekalian. Yang keduanya berkenaan dengan modal insan. Diperuntukkan RM8 juta untuk modal insan. Di mana kita tahu bahawa sumber ataupun modal yang paling berharga adalah merupakan insan itu sendiri. Kita mengharapkan supaya dengan RM8 juta ini mampu digunakan dengan sebaik mungkin untuk meningkat dan membangunkan modal insan. Dan seperti mana yang kita ketahui, bahawa di Selangor ini, terkenal dengan program apa yang disebut sebagai SPIES. Walaupun agak sedikit mengecewakan saya, bukan kepada SPIES, tetapi ada celahan daripada ADUN Pembangkang, yang mengatakan bagaimana saya tahu SPIES, tapi saya tak tahu apa akronim ataupun maksud SPIES itu sendiri. Jadi ini sedikit teguranlah supaya kita sama-sama mengambil cakna dan prihatin apakah dasar polisi dan program yang telah pun dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor. SPIES, S adalah merujuk kepada kecerdasan spiritual, P merujuk kepada kecerdasan fizikal, dan I merujuk kepada kecerdasan intelektual dan E merujuk kepada kecerdasan emosi dan S merujuk kepada kecerdasan sosial.

Jadi untuk makluman, Dengkil tak ada ye. Dengkil yang sebut semalam, dia tak perasan, dia tak tahu. Jadi mungkin saya harapkan juga, supaya

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Yang Berhormat Speaker, mencelah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ya, silakan.

TUAN SPEAKER: Taman Templer bagi laluan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ya, bagi laluan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ini cuma bertanya pendapat Yang Berhormat Templer. Saya tengok tadi perbelanjaan yang disebut untuk sektor sosial lebih kurang RM26 juta. Rakyat negeri Selangor lebih kurang 7 juta. Jadi kalau kita bahagikan dua ni, maknanya seorang lebih kurang RM3.00, kadar per kepala rakyat negeri Selangor. Adakah ini merupakan satu cara baik untuk kita mencapai objektif. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ok, terima kasih. Saya kira untuk detail nya nanti akan dijawab oleh Yang Berhormat EXCO. Cuma program ini berperingkat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta penjelasan sedikit.

TUAN SPEAKER: Taman Templer, Sekinchan nak mencelah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker, terima kasih. Saya tadi dengar adalah celahan daripada Batang Kali, Yang Berhormat, mengenai penduduk Selangor lebih kurang 7 juta. Adakah fakta ini benar ataupun tiada kajian ataupun sengaja. Ini saya tanya Templer, saya minta Templer.

TUAN SPEAKER: Ini giliran Taman Templer bercakap. Nak mencelah kena tanya Taman Templer. Taman Templer bagi ke tak.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ini celahan atas celahan.

TUAN SPEAKER: Itulah, Itu saya cakap.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Dan saya minta Taman Templer teruskan dulu, nanti kalau nak, kena tanya Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Saya bagi kedua-duanya sekali.

TUAN SPEAKER: Bagi (Ketawa). Bagi satu dulu, lepas tu kita tengok kemudian. Nak bagi yang mana Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Dengkil nak dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya dengar nama saya disebut tadi.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Silakan, silakan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih. Yang Berhormat saya sekali lagi ingin bertanya pandangan daripada Yang Berhormat sendiri, kalau dari segi pelaksanaan program SPIES ini, adakah keberkesanan program SPIES ini, berapa ramai rakyat Selangor yang tahu kewujudan program SPIES ini dan adakah dari segi promosinya, dari segi bagaimana kerajaan sendiri untuk war-warkan program ini, adakah mencukupi sehingga ada lagi yang tertanya-tanya berkenaan dengan program SPIES ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Dengkil yang bertanya tentang keberkesanan. Itulah kalau yang bertanya sendiri pun semalam dia sebut, dia pun tak tahu apa maksud SPIES. Ialah kita jangan suka membangau, promosi tak ada. Kita sebagai ahli Dewan sepertutnya tahu lah apa itu SPIES, S itu apa. Jadi soalan itu mungkin akan dijawab secara panjang lebar oleh Yang Berhormat EXCO. Bagi saya sebagai ADUN, sekarang ini kalau kita turun ke bawah, sebut saja SPIES, orang akan tahu. Malahan orang boleh bagi tahu, S itu apa, P itu apa, I itu apa, E itu apa, S itu apa. Sekurang-kurangnya orang akan tahu. Timbalan Speaker, saya cuba sebut di sini kenapa penting. Bila kita sebut SPIES, S itu adalah kecerdasan spiritual, yang merupakan elemen yang sangat penting dalam diri manusia sendiri. Mungkin kalau saya tanya Dengkil lah, maksud katanya tanya, kalau kita tanyalah sidang Dewan sekalian, mana YB Dengkil. Mungkin kita akan tunjuk, mengeluarkan jari telunjuk kita kepada YB Dengkil. Tapi ketika itu bukan YB Dengkil, itu tangannya. Kalau tanya lagi mana YB Dengkil, tunjuk lagi, itu badannya, orang akan kata lagi, semuanya, daripada tangan, kepala, kaki, itulah YB Dengkil, misal kata. Tapi tuan-tuan sekalian, kalau contohnya, kalau adakah itu definisinya, kalaularah ditakdirkan, ini contoh sajalah, YB Dengkil ya, telah meninggal dunia, misal kata. Contoh. Terbaring di ruang tamu, tangannya ada kat situ, kepalanya ada kat situ, kakinya ada kat situ, tapi kita tanya mana YB Dengkil. Dah tak ada, dah tak ada, walaupun anggota jasadnya ada. Orang akan kata, dah kembali ke rahmatullah. Maknanya rohnya dah tak ada. Jiwanya, spiritual nya dah tak ada. Sekurang-kurangnya bila kita mengetahui itu, maka rakyat Selangor akan melihat bagaimana dalam tubuh badan manusia ada satu elemen yang disebut sebagai roh. Ataupun yang berkait rapat dengan spiritual yang ingin kita bangunkan. Sebab itulah saya sebutkan di sini sangat penting. Walaupun ada di antara Ahli Dewan yang menyebut bagaimana program SPIES ini yang tidak boleh di ukur, yang mungkin tidak boleh nampak kesan secara jangka masa pendek. Tetapi yakinlah bahawa bila mana elemen ini di sentuh, bila mana elemen ini di isi, kita yakin dan percaya sebagaimana yang biasa disebut oleh kita dalam konteks SPIES ini tujuannya untuk kita mengihsankan insan itu sendiri. Bila sebut tentang mengihsangkan insan ini, ihsan itu yang didefinisikan dalam Islam sebagai (Bahasa Arab), (yang bermaksud), kita melakukan sesuatu perkara itu seolah-olahnya Allah SWT berada di hadapan kita, kalau kita tak nampak, tidak boleh nak bayangkan, maka kita kena yakin bahawa Allah SWT sedang memandang dan melihat kita.

Bila perasaan ini ataupun keadaan ini wujud kepada setiap daripada warga Selangor ini, maka dia akan merasakan bagaimana dari sudut *monitoring system* nya kepada individu itu akan memastikan kerja-kerja yang dilakukan dengan penuh bertanggungjawab dan juga amanah. Tidak ada lagi mungkin kontraktor-kontraktor yang cuai dari sudut amalan tugasannya, tidak ada lagi penjawat-penjawat awam ataupun kerajaan yang mungkin terdedah dengan amalan-amalan rasuah. Hasil

daripada berjaya kita mengihsankan insan itu sendiri. Seterusnya berkenaan dengan, saya nak sebut berkenaan dengan RM100 juta bagi pembinaan rumah mampu milik, yang dicairkan daripada rizab yang jumlah keseluruhannya RM430 juta. Ini jugalah merupakan perkara darruriyat. Persoalan rumah mampu milik, dan ini saya cukup kagum dan cukup sokong dengan peruntukan RM100 juta bagi pembinaan rumah mampu milik ini. Walau bagaimanapun saya minta sangat supaya pihak kerajaan melihat juga secara serius kepada untuk mengatasi permasalahan rumah-rumah yang terbengkalai seperti mana yang kita dengar dalam pertanyaan mulut itu tadi. Kerana kebanyakkan dan banyak kedapatan. Di sana kita melihat bagaimana hasil daripada ketidakcekapan urusan kerajaan yang lama UMNO dan BARISAN NASIONAL, banyak kedapatan rumah-rumah terbengkalai. Sebagai contoh, saya bawa hadirin sekalian ke Selayang,Taman Templer, di mana rumah kos rendah di Selayang Mutiara, yang telah pun dijanjikan dahulu. Yang telah pun dibayar depositnya. Yang sebahagian daripada mereka adalah merupakan penduduk rumah setinggan yang tidak kurang, yang kurang mampu, yang rendah pendapatannya, yang telah pun selesai membuat perjanjian dengan pihak *developer*, dengan izin, dan juga telah pun meminjam wang daripada bank dan sekarang ini mereka membayar secara bulanan ansuran dan juga *interest*. Sampai sekarang, mereka mengadu kepada pihak ADUN dan seumpamanya dan menceritakan keadaan sebelum 2008. Ini adalah merupakan satu kezaliman yang diwarisi oleh kerajaan UMNO dan BARISAN NASIONAL, dan sampai ke hari ini, keperitan dan juga penderitaan itu dapat dirasai oleh mereka. Jadi saya minta sangat supaya kita melihat kembali perkara ini dengan lebih serius dan saya doakan kejayaan dari sudut perancangan yang telah pun diatur. Sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Juga saya nak sentuh berkenaan keselamatan. Juga satu perkara yang bersifat darruriyat.

Alhamdulillah kita dengar bagaimana kerajaan Selangor telah pun memperuntukkan ataupun telah menubuhkan PKK / Pasukan Keselamatan Kampung. Begitu juga dengan SEROJA, juga begitu juga dengan rondaan-rondaan yang dibuat di peringkat PBT. Saya nak terus menjurus kepada PKK, Pertubuhan Keselamatan Kampung yang mana kita telah pun memberi geran RM5 000 untuk, ataupun bersifat tahunan. Yang mana saya mendengar keluhan di peringkat bawahan. Ini satu permulaan yang baik cuma perlu difikirkan juga bagaimana mereka untuk menampung operasi mereka secara harian, mingguan dan juga bulanan. Tidak cukup hanya dengan RM5 000.00 habis sudah untuk membeli peralatan-peralatan tetapi kos operasi untuk harian, mingguan dan bulanan umpamanya elau kepada petugas-petugas perlu difikirkan supaya apa sahaja yang kita buat nanti akan memberikan impak yang tinggi. Bukan sekadar kita menjalankan fasa yang pertama tapi mampu lagi kita membeli harta, membeli impak yang tinggi. Seterusnya, kita lihat juga teras satu untuk memperkasakan pengurusan fizikal dan pragmatik antara yang disebut di sini adalah untuk meningkatkan

keberkesanan dan kecekapan PBT. Yang disebut dalam perkara, di antara yang disebut adalah kurangkan atau membatalkan cara pelancaran dan penganugerahan di hotel-hotel mewah serta lawatan-lawatan sambil belajar ke luar negara dan mampu katanya dalam pembentangan belanjawan penjimatan sehingga 20%. Ini perkara tahiayat yang kita buat bagus tapi kalau ditinggalkan ia tidak memudaratkan. Cuma saya mengharapkan supaya praktik ini yang sangat baik dari sudut menjaga amanah wang rakyat, penjimatan tetapi tidak hanya terhad kepada PBT sahaja maka pengamalan ini seharusnya kita laksanakan pada seluruh aktiviti-aktiviti Kerajaan Negeri itu sendiri. Kerana kita tidak mahu bermewah-mewah sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara ada di antara pemimpin yang sanggup sewa pesawat VVIP setahun kos sewa sahaja RM28.8 juta, selenggara RM5.5 juta, setahun keseluruhannya RM34.3 juta. Ini kemewahan yang melampau, sedangkan dalam rakyat di bawah merintih dan serba satu macam kekurangan. Saya mengharapkan praktik ini mampu dijalankan diadakan kesemua tempat dan ke semua institusi. Kita masih melihat bagaimana Sayidina Omar Abdul Aziz dengan amanah dan jimat ini dalam tempoh hanya mampu hampir menyelesaikan masalah kemiskinan sehingga tidak ada lagi golongan-golongan fakir miskin untuk menerima zakat dan seumpamanya kerana betul-betul amanah dan juga berjimat cermat sehingga sanggup memadamkan lampu yang dibiayai oleh kerajaan, bercakap dalam keadaan gelap bila urusan keluarga, bersembang dengan anaknya sendiri, begitu juga mengarahkan masjid-masjid yang bertinta ataupun bertatahkan emas, cabut kembali. Dan ini, roh inilah amanah dan juga jimat insya-Allah kita mampu menjadikan Selangor ini sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam penggulungan akhirnya bagi *Baldatun, tayyibatun, warrabbatul ghaffur*. Khususnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu banjir.

TIMBALAN SPEAKER: Minit terakhir ya, Yang Berhormat Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Minit terakhir, Banjir ini. RM1.2 juta diperuntukkan. Tema kita untuk memastikan belanjawan ini, belanjawan berimpak tinggi, mana katanya memberi kesan, kesannya, maknanya mungkin ini selepas ini tidak lagi nampak banjir ataupun sudah kurang banjir. Kita tidak mahu saban tahun kita luluskan bajet tetapi masih sama sahaja. Sidang dewan yang dimuliakan, kalau saya di Selayang, di Taman Templer di Selayang Baru setiap kali hujan lebat akan berlakunya banjir. Rumah-rumah di sekitarannya didirikan bendul yang tinggi ke paras lutut, depan dan belakang. Manakala bila hujan berlaku banjir di tahap buku lali tidak masuk air ke dalam rumah, tapi bila melebihi ke paras lutut maka air akan masuk ke dalam rumah. Dan, bila mana bila hujan berhenti, air sudah surut, masih kedapatan dalam rumahnya air-air banjir itu tadi. Ini berlaku tiap-tiap kali hujan lebat dan tidak selesai sehingga sekarang dan di sana keter dapatan anak-anak kecil yang menangis, di sana keter dapatan orang-orang tua yang sakit umpamanya. Jadi, saya di kesempatan masa ini

supaya kita memandang serius dalam perkara ini. Dan, dengan bajet yang kita ada, dengan bajet yang diperuntukkan RM1.2 juta ini kita mampu untuk memastikan pengurusan banjir ini memberi impak yang besar. Dan untuk akhirnya, impak yang tinggi hanya dapat dirasai, direalisasikan dengan *delivery system* (dengan izin) ataupun pelaksanaan sistem yang baik. Jadi saya mengharapkan supaya kita memandang serius di atas teguran Laporan Audit walaupun tidak banyak, kita tidak mahu seperti, sekali lagi saya hendak sebut, UMNO Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan yang Laporan Audit setiap tahun sama sahaja. Tiada perubahan, tiada penambahbaikan, tiada perkara-perkara positif yang dilakukan. Jadi saya mengharapkan kita akan mengambil rencana dan prihatin tentang tegur Laporan Audit dan saya ingin tutup dengan kisah bagaimana satu ketika dahulu bila mana Sayidina Omar Al Khatab pernah bertanya pada Amru Al-Has ketika dilantik gabenor Mesir. "Wahai Amru! Jika datang kepada kamu seorang pencuri, apa yang kamu lakukan?" maka Amru Al-Has menjawab: "aku akan potong tangannya" lalu Omar berkata " Sekiranya datang kepadaku seorang yang lapar, akan aku pula Omar ini akan potong tangan kamu" mana kata dari segi pemantauan untuk memastikan *delivery system* dari peringkat Kerajaan Negeri bagi memastikan bajet-bajet yang diperuntukkan ini kepada Jabatan-jabatan digunakan semaksimum mungkin. Kerajaan Negeri perlu memastikan memantau *delivery system* berjalan dengan baik supaya nanti dengan itu sahaja lah yang mampu kita memastikan belanjawan kita ini, belanjawan yang berimpak tinggi dengan belanjawan yang berhemah dari segi peruntukannya insya-Allah. Masalah rakyat dari sudut bersifat darurriyat itu tadi mampu kita tunai dan lunaskan.

Terima kasih sekali lagi kepada Timbalan Speaker di atas kebenaran untuk saya mengambil kesempatan ini. Terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

TIMBALAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker memberi peluang kepada Damasara Utama untuk berbahas dalam Belanjawan 2014 yang dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tuan Timbalan Speaker, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan salam sejahtera, salam reformasi dan salam muhibah. Mengapa kita berada di sini adalah untuk membahaskan belanjawan untuk membincangkan bagaimana untuk membelanjakan setiap ringgit rakyat Selangor supaya dapat memberi manfaat yang maksimum kepada rakyat. Mesti ada banyak perkara yang boleh dibincangkan, dan bagaimana hendak membelanjakan setiap ringgit. Damansara Utama ingin menggariskan tiga perkara sahaja di dewan yang mulia ini pada sidang kali ini. Pertama, untuk program sosial atau subsidi negeri, pengagihan kekayaan haruslah ada

kesan bersih, pengagihan kekayaan ke golongan atas piramid kepada di bawah golongan piramid masyarakat. Contohnya daripada kaya kepada yang miskin iaitu *concept principle* (dengan izin), pengagihan kekayaan produksi. Yang kedua, bukan di bawah piramid masyarakat, Kerajaan Negeri boleh memberi manfaat yang lebih banyak daripada subsidi terus kerajaan dalam perkara yang boleh menjana *supplier effect* (dengan izin) dalam bentuk impak ekonomi dan sosial, seiring dengan tema belanjawan berimpak tinggi. Maksudnya jika berbelanja RM1 untuk sesuatu perkara, RM1 itu kena menghasilkan jumlah ekonomi ataupun sosial yang lebih nilainya lebih dari RM1. Inilah belanjawan berimpak tinggi. Yang ketiga, sejauh mana yang mungkin wang rakyat tidak seharusnya dibazirkan di atas *in efisiensi* dan ketidakcekapan kerajaan tidak kira dalam agensi kerajaan mahupun syarikat berkaitan kerajaan GLC. Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya menjelaskan dengan lebih lanjut lagi pada ketiga-tiga perkara tersebut. Pertama, agihan kekayaan proaktif yang memberi kesan bersih, pengagihan kekayaan dari golongan atas piramid ke bawah piramid. Jika kita mengutip RM1 dan mengembalikan RM1 ini kepada sektor masyarakat yang sama atau wujudnya kerugian dari segi kos pentadbiran dalam proses mengutip dan mengembalikan wang RM1 ini. Contohnya RM1.00 telah menjadi RM0.80 sen dan RM0.20 sen di kos pentadbiran. Jika begitu lebih baiklah pengagihan kekayaan itu tidak berlaku. Namun sekiranya kita pindahkan RM1.00 ini kepada segmen masyarakat yang di atas piramid ke bawah golongan masyarakat yang memerlukannya ia akan menjanakan kesaksamaan sosial dan mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni. Ini adalah faedah tambahan masyarakat yang tidak boleh wujud tanpa pengagihan kekayaan tersebut. Bukan secara keseluruhannya akan menjadi lebih baik dengan agihan kekayaan tersebut. Inilah konsep. Inilah konsep *targeted subsidy* (dengan izin) ataupun produksif subsidi. Damansara Utama sangat bangga kerana Kerajaan Negeri cukup prihatin dan membelanjakan sebanyak RM143 juta untuk sektor sosial dalam tahun 2014. Antaranya 54.37% adalah melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) tapi saya dapati 2008 sehingga sekarang Julai 2013 kita telah membelanjakan sebanyak RM954 Juta dalam program MES. Antaranya kita membelanjakan lebih daripada 74% untuk air percuma, 11% untuk Skim Mesra Usia Emas, 6% untuk Skim Mikro Kredit Selangor, 4% untuk hadiah anak masuk universiti, 2% untuk pusat tuisyen rakyat, 1% untuk Skim Mikro Kredit Miskin Bandar (MIMBAR), jom *shopping*, perbelanjaan terbesar MES, air percuma dan MUE. Kedua-duanya bukan subsidi bersasar. Iaitu wang yang kita bayar bukan yang bersasar untuk sepenuhnya untuk golongan yang miskin sahaja. Pembaziran kos pentadbiran akan berlaku. Yang saya haraikan tadi nanti. So, untuk agihan lebihan kekayaan lebih efektif, sosial dan subsidi kerajaan negeri baru yang akan datang Damansara Utama menyeru supaya meletakkan syarat kelayakan mengikut keperluan seperti gaji bulanan dan lain-lain. Ini hanya untuk memastikan hanya golongan yang benar-benar memerlukan subsidi ini untuk mendapatkannya. Ini adalah konsep ... subsidi (dengan izin) ataupun *at least* sekurang-kurangnya *progress*

subsidi. Tuan Timbalan Speaker, dari segi sektor sosial Damansara Utama juga ingin bersuara satu golongan yang di bawah piramid masyarakat Selangor yang pada pendapat saya wajar lebih dapat tumpuan pada Kerajaan Negeri iaitu golongan miskin bandar. Sidang lalu, saya bertanya kepada Kerajaan Negeri tentang kemiskinan bandar dan mendapat statistik ini dan amat membimbangkan. Sekiranya kita guna RM1500.00 sebagai kadar garis kemiskinan terdapat 1.5 juta sebagai kadar garis kemiskinan. Terdapat 1.5 juta orang di Selangor yang hidup dalam kemiskinan. Dalam 1.5 juta ini 87% daripadanya hidup di kawasan bandar. Dengan kata lain Selangor sedang berdepan dalam populasi miskin bandar yang seramai 1.3 juta. Ini satu perkara yang serius, 1.3Juta orang adalah lebih kurang 20% daripada jumlah penduduk Selangor. 1.3 juta orang hidup dalam kemiskinan bandar. Seperti yang kita tahu kemiskinan selalunya melahirkan jenayah, mereka yang terdesak selalunya akan bertindak mencuri, bertindak ganas, demi memberi makanan kepada keluarga. Lebih daripada 50 kajian telah menunjukkan kecenderungan bertindak ganas lebih lazim dalam jurang pendapatan yang kurang. Oleh yang demikian, seandainya kerajaan dapat membantu mengurangkan kemiskinan kita bukan sahaja dapat mewujudkan masyarakat yang lebih saksama dan harmoni. Kita boleh juga kurangkan kadar jenayah dan mewujudkan masyarakat yang lebih selamat. Demi 1.3 juta miskin bandar dan kemiskinan rakyat di bandar saya menyeru kerajaan negeri untuk merangkap impresif untuk menangani kemiskinan bandar. Dalam Belanjawan 2014 ini di muka surat 27 dan 28 kita mendapati Kerajaan Negeri memberi RM50 juta untuk pembangunan usahawan dan belia, kita dapat 50 juta untuk pembangunan desa, 30 juta untuk pembangunan wanita tetapi tiada untuk miskin bandar. Damansara Utama pada belanjawan akan datang ataupun belanjawan tambahan Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan spesifik untuk kemiskinan bandar. Memandangkan lebih daripada 20% rakyat Selangor adalah di dalam kategori ini. Dari program sosial, Damansara Utama juga ingin memberi sedikit maklum balas ataupun teguran tentang pengurusan program-program MES yang sedia ada. Sekarang ini ada banyak jabatan yang mengendalikan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang berbeza-beza. Kita dapat ada banyak bertindihan fungsi. Saya menyeru Kerajaan Negeri menyusun semula program-program MES dan meletak semua program-program ini dalam satu pentadbiran supaya kita boleh membaiki kondensasi dan kecekapan program-program MES dan seterusnya mengurangkan kos pengurusan negeri.

Tuan Timbalan Speaker, pegawai kedua yang ingin saya mengemukakan di dalam dewan yang mulia ini adalah seperti berikut: Untuk golongan yang bukan dibawah piramid masyarakat, cara yang lebih baik untuk Kerajaan untuk membantu mereka adalah untuk membelanja di perkara yang boleh menjanakan *multiplier effect* dengan izin dalam bentuk impak ekonomi atau pun sosial. Iaitu membelanja itu di suatu perkara di mana satu ringgit menjadi lebih daripada dua ringgit. Dari kesannya nilainya

kalau kita menghiasinya jumlah nilai ekonomi dan sosial. Salah satu belanjawan kerajaan yang boleh menjana *multiplier effect* dengan izin yang baik untuk masyarakat ialah pengangkutan awam. Inilah kajian saya akan menghuraikan beberapa garis panduan yang dibuat. Kajian menunjukkan bahawa *multiplier effect* untuk pengangkutan awam ialah antara 2 hingga 36 di negara-negara berlainan. Di Switzerland sebuah euro bagi setiap satu euro dibelanjakan untuk pengangkutan awam iaitu *multiplier effect* 4.6. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa pelaburan satu ringgit dalam pengangkutan awam akan menjana lebih daripada satu ringgit dari segi manfaat ekonomi dan sosial kepada rakyat. Lembah Klang penuh dengan potensi ekonomi dan tugas kita sebagai Kerajaan bukan sahaja untuk mengekalkan status quo. Bukan sahaja untuk memastikan bahawa jalan tidak ada hos izin atau pun longkang tidak ada sumbat. Kita perlu menyediakan, sebagai kerajaan kita perlu menyediakan satu persekitaran untuk tumbuhan ekonomi di bandar-bandar ini supaya kita boleh menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat Selangor. Penambahbaikan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam mempertingkatkan produktiviti ekonomi dengan meningkatkan mobiliti dan seterusnya akses kepada pasaran buruh pelanggan yang lebih luas. Pengangkutan awam juga membolehkan ekonomi wang berkelompok di Bahasa Inggeris kita kata *economies* minta izin. Iaitu melalui penumpuan aktiviti ekonomi dan pejabat berkelompok kedai kegunaan kawasan yang lain sekitar pengangkutan awam. Aktiviti kelas sedemikian meningkatkan kecekapan melalui pengurangan kos buruh, komunikasi yang lebih baik, kos infrastruktur yang rendah, interaksi yang tinggi dengan perniagaan yang serupa. Di samping itu dengan izin memudahkan ekonomi dalam organisasi, antara ekonomi organisasi kerajaan, institusi latihan tenaga kerja dengan menyediakan akses kepada pekerja, peluang rangkaian perniagaan dan pembekal. Olehlah itu Kerajaan sangat-sangat penting dan Kerajaan Negeri dapat melabur dalam pengangkutan awam dapat meransangkan ekonomi. Biasanya pengangkutan awam menjadi pengangkutan awam yang lebih lazim bagi bandar-bandar membangun kerana ia mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menyokong corak penggunaan tanah yang lebih baik. Eric P. Penarosa ada berkata dengan izin itu bermaksud sebuah bandar yang maju bukanlah tempat yang miskin bergerak menggunakan kereta sebaliknya ia adalah suatu tempat di mana yang kaya menggunakan pengangkutan awam. Walau bagaimanapun ini tidak berlaku di Lembah Klang semakin bandar kita berkembang pesat, melihat kadar pengangkutan penggunaan pengangkutan awam dari 37% 1990an menurun kepada 19 sahaja pada tahun 2012. Berbanding dengan lebih daripada 60% penggunaan kegunaan di Singapura, Tokyo, Hong Kong dan lain-lain. Ini adalah disebabkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama, Kampung Tunku minta penjelasan. Duduk Damansara Utama beri laluan kepada Kampung Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ingin bertanya kepada Daman sara Utama dan Tuan Timbalan Speaker saya bertanya tentang pengangkutan awam sebab dalam ucapan bajet daripada Menteri Besar sebut tentang penubuhan Majlis Pengangkutan Awam Selangor. Saya ingin bertanya apakah pula cadangan daripada Damansara Utama apakah yang sepatutnya dilakukan jawatankuasa ataupun majlis ini dan apakah cita-cita yang ada pada Damansara Utama boleh kita kongsi bersama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya akan teruskan penjelasan di bawah ucapan. Saya teruskan dulu nanti jawapannya di ucapan. Apakah yang menyebabkan penggunaan pengangkutan awam yang sangat kecil di Klang? Adalah pengabaian selama tahun-tahun dalam pengangkutan awam oleh Kerajaan Barisan Nasional. Berbilion-bilion ringgit dibelanjakan bagi sistem api tetapi kita tetap melihat penurunan mendadak yang sedemikian dalam kadar pengangkutan awam. Ini adalah disebabkan oleh kurang terhubungkan dan aktiviti, tiada ketetapan masa, perkhidmatan yang buruk dan lain-lain. Ini mengakibatkan kesesakan dan membagi impak yang buruk negatif kepada ekonomi di Lembah Klang. Damansara Utama amat bangga apabila Dato' Menteri Besar mengumumkan penubuhan Majlis pengangkutan awam Selangor Public Transport Council saya sedikit kecewa ada Majlis pengangkutan awam sahaja tetapi tiada peruntukan untuk penyediaan pengangkutan awam.

Sebagai sebuah kerajaan negeri memang kita tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan langkah baik pulih yang ini pengangkutan awam bukan di bawah kuasa negeri tetapi kita boleh membuat sikit-sikit untuk membantu yang ini perkara-perkara tersebut adalah dengan Damansara Utama.

1. Kita boleh menyediakan bas pengantara dengan izin di lokasi strategik pada waktu yang puncak.
2. Untuk mengisi pautan yang hilang, *two missing link* dengan izin bagi menjadikan jaringan pengangkutan awam yang sedia ada sekarang intensif dengan keterhubungan yang lebih baik dan liputan yang lebih besar. Yang mungkin tengok sama ada kerajaan negeri mampu tak membayar menampung perkhidmatan awam. Sebenarnya kita mampu sebagai contoh di Pulau Pinang melalui kerjasama Syarikat bas penghantaran bila bas percuma waktu puncak *peak hour*. dengan izin yang ditanggung Kerajaan Pulau Pinang ialah kira-kira 160 ribu setiap pas setiap tahun, 160 ribu pada harga kita boleh menambah sekurang-kurangnya 100 buah bas penghantar

pada waktu puncak di Lembah Klang dengan membelanjakan hanya 20 juta setahun. Sebagai rujukan apakah maksudnya 100 bas ini di Lembah Klang? Sekarang ini kita ada lebih kurang 800 buah sahaja di Lembah Klang, dengan dapat menambahkan 100 bas lagi, ini bermaksud kita akan meningkatkan 12.5% kapasiti pengangkutan awam di Lembah Klang. Ini akan memberikan perbezaan yang sangat '*significant*' dan rakyat yang dapat tengok inilah '*multiplier effect*' yang kita nak inilah yang dapat memberi impak yang tinggi di ekonomi di Lembah Klang. Lain-lain usaha yang bukan pengangkutan yang boleh PBT lakukan membaiki sistem pengangkutan awam di Lembah Klang termasuk mewajibkan pemaju bangunan komersial ataupun bangunan tinggi untuk menyediakan bas dari bangunan ke stesen kereta api memastikan wujud hentian bas yang selesa dan selamat membina lebih baik banyak laluan pejalan kaki memberi maklumat mengenai jadual pengangkutan awam kerana mengikut kajian maklumat yang lebih baik meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam yang lebih baik yang lebih tinggi.

Yang 3, adalah untuk membina laluan basikal dan tempat letak basikal serta menggalakkan berbasikal di dalam Bandar. Saya berharap agar Majlis Pengangkutan Awam Selangor yang baru ditubuhkan ini akan mempertimbangkan cadangan saya dan membangunkan pelan pengangkutan awam negeri membolehkan Kerajaan Negeri untuk memainkan peranan yang aktif untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Selangor. Saya juga berharap sekali lagi di belanjawan tambahan terdapatnya peruntukan spesifik untuk pengangkutan awam di Lembah Klang.

Tuan Timbalan Speaker, di samping pengangkutan awam pelaburan bagi dalam memperkasa ekonomi wanita juga akan menjanakan *multiplier effect* dengan izin terhadap ekonomi.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, saya bukan anti wanita ya, cuma minit terakhir.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Erk, saya ingin secara khususnya meningkatkan menekankan kepentingan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja '*workplace child care*'. Penjagaan kanak-kanak adalah halangan terbesar bagi wanita di tempat kerja bagi semua Negara-negara yang mencapai kesaksamaan gender dengan baik penjagaan kanak-kanak di tempat kerja sentiasa menjadi elemen yang penting.

Perkara yang terakhir yang saya ingin mengemukakan dan harap Tuan Timbalan Speaker boleh bagi saya dua minit untuk mengemukakan penerangan ini, iaitu wang rakyat tidak boleh dibazirkan untuk menampung *efficiency* agensi kerajaan atau pun GLC. Menurut kajian *McKenzie return on asset* dengan izin iaitu purata pulangan bagi

aset untuk syarikat milik negeri atau kerajaan di China adalah kurang daripada separuh berbanding sektor swasta.

Perkara yang sama juga dapat diperhatikan di negara-negara lain. Salah satu sebabnya ialah banyak syarikat-syarikat kerajaan dilindungi daripada tekanan persaingan terdedah kepada birokrasi yang berat dan sering kali tidak cekap. Perkara yang sama juga berlaku di Malaysia termasuk di Selangor. Contohnya kalau kita membandingkan antara PKNS dan PNSB yang kedua-duanya dalam sektor hartanah dengan syarikat-syarikat hartanah yang lain yang tersenarai di bursa Malaysia kita akan melihat perbezaan yang amat ketara. PKNS dan PNSB mencatatkan sebanyak 0.083 dan 0.0027 yang masing-masing berbanding dengan YTL Land yang 1.21, Mah Sing Group 6.9, SP Setia 4.1, UEM Sime Raise 6.9. Begitu juga chart ini kita dapat tengok di *Return on Equity*.

Saya faham bahawa PKNS dan PNSB perlu melakukan projek-projek pembangunan untuk adjektif sosial tetapi kita kena ada satu *possibility indicator co-inrelated for social objective* dengan izin supaya kita boleh membandingkan prestasi GLC Selangor dengan syarikat-syarikat lain. Ini adalah sangat penting kerana kita nak memupuk disiplin kewangan dan juga meningkatkan *efficiency* operasi GLC. Oleh itu Damansara Utama amat mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa penambahbaikan pentadbiran agensi negeri dan syarikat berkaitan GLC negeri seperti yang diumumkan oleh Dato' Seri Menteri Besar. Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah 74 GLC di Selangor. Soalan Damansara Utama kepada kerajaan ialah kenapa kerajaan terlibat dalam perniagaan sedangkan syarikat-syarikat swasta adalah lebih berdaya saing. Saya faham bahawa terdapat keperluan bagi kerajaan untuk berada perniagaan bagi membentulkan *entities* dengan izin aktiviti sosial swasta menyediakan infrastruktur atau pun melindungikekayaan sumber semula jadi seperti pasir dan tanah di Selangor dan minyak di Malaysia. Tetapi masalahnya kita sekarangnya ialah kerajaan terlibat dalam terlalu banyak jenis perniagaan. Terdapat *opportunity cost lost* dengan izin akibat daripada birokrasi dan tidak kecekapan GLC. Thomas Jeffersen, Presiden Ke-3 Amerika Syarikat pernah berkata *my reading of history commences me of this that most that government results from to much government* dengan izin.

Oleh itu kerajaan harus dalam saiz yang sewajarnya. Jangan pernah menahan diri daripada menjalankan aktiviti-aktiviti yang sebaiknya ditinggalkan bagi sektor swasta dan menumpukan sumber-sumber yang ada untuk menyediakan persekitaran *macro environment* dengan izin yang boleh memudahkan dan menggalakkan aktiviti-aktiviti swasta yang lebih efisien dalam pembangunan ekonomi. Dengan itu saya ingin menggesa kerajaan untuk memulakan inisiatif reformasi GLC iaitu inisiatif kuruskan badan perniagaan kerajaan negeri. Kajian dan rancangan komprehensif perlu dibuat

supaya kerajaan boleh mengurangkan saham dan menjual syarikat-syarikat yang tidak berkaitan dengan pentadbiran dan hanya tumpukan perhatian atau pun sumber-sumber kita dalam syarikat-syarikat yang strategik bagi pentadbiran negeri yang lebih baik. Kesimpulannya Damansara Utama menyeru kerajaan

TIMBALAN SPEAKER: Ayat yang terakhir ya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya ayat terakhir, supaya:-

- 1) Mengamalkan prinsip pengagihankekayaan yang progresif di program sosial;
- 2) Mengambil tindakan yang lebih aktif dan memberi peruntukan spesifik untuk kemiskinan bandar;
- 3) Menyusun semula program MES dan meletakkan semua program-program ini di dalam satu pentadbiran untuk mengurangkan kos pengurusan kerajaan;
- 4) Memberi peruntukan spesifik untuk menyediakan pengangkutan awam yang boleh membawa pertumbuhan ekonomi Lembah Klang;
- 5) Memperkasakan peranan ekonomi wanita khususnya *work place childcare* dengan izin;
- 6) Menambahbaikkan GLC dari segi *efficiencies* dan daya saing;
- 7) Mengurangkan tekanan pemilikan GLC kerajaan kepada syarikat-syarikat strategik sahaja dan memfokuskan sumber-sumber untuk menyediakan persekitaran *macro environment* dengan izin untuk aktiviti sosial yang lebih efisien dalam pembangunan ekonomi dan sosial.

Dengan ini Damansara Utama memohon untuk menyokong ucapan Bajet Negeri Selangor 2014. Sekian, terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Timbalan Speaker. Tanggal 5 Mei 2013 telah menyaksikan kemenangan 44 kerusi DUN Negeri Selangor oleh Pakatan Rakyat merupakan indikator sokongan padu dan kepercayaan rakyat Selangor terhadap

Pakatan Rakyat. Sekali gus memberikan kemenangan 2/3 majoriti kepada Pakatan Rakyat di dewan yang mulia ini. Berbanding PRU 12 pada tahun 2008 yang lalu kita hanya menang 36 kerusi DUN sahaja. Apakah harapan rakyat Selangor kepada kerajaan Pakatan Rakyat apabila mereka memberikan majoriti 2/3 itu untuk terus mentadbir Selangor untuk penggal 5 tahun lagi. Saya ingat mereka tidaklah mengharapkan bulan dan bintang diberikan kepada mereka cukup sekadar ucapan terima kasih kepada rakyat di atas sokongan padu mereka kepada kita dan terima kasih kerana rakyat itu harus kita dicernakan dengan pemberian perkhidmatan terbaik kita kepada rakyat. Tidak ada maknanya mendapat majoriti 2/3 itu sekira kita masih berada di takuk lama. Sama seperti penggal lalu 5 tahun yang lepas, rakyat mahukan kemudahan dan *facilities* yang lebih baik serta perkhidmatan yang lebih efisien berbanding pada masa yang lepas.

Tuan Speaker dengan majoriti 2/3 kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sewajarnya lebih teguh dan stabil dalam kata lain negeri itu harus dikembalikan kepada rakyat. Kita sepatutnya tidak mempunyai masalah yang berlarutan seperti jalan berlubang di merata tempat, banjir kilat berlaku seperti beberapa kali hujan turun dan kerana birokrasi pentadbiran di jabatan dan agensi kerajaan serta Pihak Berkuasa Tempatan. Tidak bermakna majoriti 2/3 itu sekira kita masih terus mengamalkan, mengagihkan hasil negeri untuk rakyat itu dengan mengikut kaum dalam pemberian kontrak dan tender, bantuan pendidikan dan peluang-peluang pekerjaan serta perniagaan dan sebagainya. Rakyat sebenarnya memerhatikan segala gerak geri kita, komitmen berterusan itu terhadap mereka akan menjadi status quo untuk dikekalkan 2/3 di dewan yang mulia ini dipenggal yang akan datang.

Saya akan sentuh beberapa perkara yang saya berharap penting di dalam pentadbiran kita dalam tahun depan yang akan datang. Mula-mula saya nak terima kasih kepada kerajaan sebab mula 2008 pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah khususnya sekolah rakyat, sekolah cina dan sekolah Tamil telah bawa faedah penting dan telah meningkatkan taraf hidup dan juga taraf pendidikan di dalam Negeri Selangor. Sepanjang penggal yang lepas kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM16 juta satu tahun untuk pembangunan pendidikan. Memang saya telah cadangkan bahawa RM16 juta ini tidak cukup dan minta meningkatkan kepada RM22 juta. Saya minta meningkatkan ini ialah sebab apa yang telah kita lakukan pada masa 5 tahun ini menunjukkan hasil tinggi. Dengan belanjaan lebih dar RM22 million kepada sekolah Tamil sahaja. Kita telah menampak pencapaian tinggi pada tahun ini tertinggi di dalam sejarah Negeri Selangor di mana sekolah-sekolah Tamil telah mencapaikan 62.3% lulusan dari UPSR. Sebelum ini mereka gagal dan dapat 45% atau pun 40% dan ke bawah sahaja. Saya anggarkan dengan apa yang diberikan oleh Negeri Selangor 5 tahun ini kita telah capaikan satu *result* yang cemerlang dan saya harap dana yang

digunakan untuk pendidikan tidak apa yang dikatakan tidak dirugikan. Selalu ada kepentingan dan itulah sebabnya saya minta lebih untuk kita peruntukan sekolah-sekolah ini untuk meningkatkan taraf hidupan mereka. Yang 60% dari orang yang hantar murid-murid, anak-anak dia ke sekolah-sekolah ini ialah daripada pendapatan rendah.

Cemerlang juga anak-anak murid kita yang dapat 7A di dalam sekolah SJK(T), tahun lepas 321 anak murid, tahun ini 398 murid yang dapat 7A. Maka tidaklah dinafikan lagi penambahan peruntukan pembangunan pendidikan serta meneruskan program-program pada penggal lepas adalah sangat perlu. Pelaburan jangka masa panjang ini akan membawa hasil dan memelihara rasa hormat kepada Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Agama Rakyat. Akhirnya akan mewujudkan status duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan Sekolah Kebangsaan dan tidak dipandang rendah. Saya juga terima kasih kepada Tan Sri Menteri Besar untuk adakan peruntukan RM50 juta untuk membangunkan sekolah-sekolah yang digunakan dari rizab. Saya percaya separuh ini akan digunakan khususnya kepada sekolah-sekolah Tamil di dalam Negeri Selangor.

Lagi satu perkara penting di dalam Negeri Selangor dan rakyat kena perhatikan ialah tak cukup Hospital Besar di dalam Negeri Selangor. Berikut kesesakan yang dihadapi di hospital-hospital awam di dalam Negeri Selangor terutamanya di daerah Klang dan Kajang. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memohon dan menggesa Kerajaan Pusat supaya 2 lagi Hospital Besar dibina di dalam Negeri Selangor. Sebab saya telah adakan rundingan informal dengan Menteri Kesihatan Malaysia dan ia menunjukkan bahawa mereka pun telah mulakan dengan perkara ini tetapi saya minta Kerajaan Negeri melalui EXCO dan juga Jawatan Menteri Besar untuk mintakan 2 hospital ini dibina dalam 5 tahun ini di dalam Negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih Seri Andalas. Ingin saya bertanya mengikut pengalaman daripada Seri Andalas memang kita memerlukan lebih banyak hospital dan perkara ini telah pun saya tanya dalam dua hari yang lalu dalam Sidang Dewan. Apa masalah dia, mengapa hospital lambat, mengapa lewat? Adakah kerajaan tidak ada wang untuk melakukannya, adakah mereka tidak cukup hospital, tidak cukup doktor, tidak cukup peralatan atau pun apa sebabnya? Ingin saya bertanya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Yang setahu saya dalam Rancangan Ke-10 Malaysia ini Selangor tidak dibagi peluang untuk binakan hospital. Begitu pun juga kita tidak dapat pembinaan dialisis centre di dalam Negeri Selangor keseluruhannya. Saya minta wakil-wakil saya dari Barisan Nasional

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Nanti, nanti saya habiskan dahulu. Barisan Nasional tentukan kita akan dapatkan bantuan dari Kerajaan Pusat. Ya, teruskan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok terima kasih. Tuan Speaker, Seri Andalas. Saya ingat hospital Shah Alam antara contoh hospital baru yang sudah hampir siap dan boleh diguna walau pun ada sedikit kelewatan. Dan dalam bajet yang baru juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah umum akan membina sebuah lagi hospital daerah Kuala Selangor yang hampirnya RM250 juta. Jadi nak kata tak ada hospital yang baru dibina ada dan hospital ini saya percaya mengikut keperluanlah. Dan saya menafilah kalau mengatakan tidak ada apa-apa peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 pembinaan hospital-hospital ada dibuat. Yang satu dalam hampir dalam penyiapan dan satu lagi saya ingat akan dibina pada tahun hadapan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Permatang. Hospital Shah Alam ini ialah satu sejarah di mana pembinaan ini kena disiapkan 5 tahun sebelum ini. Sekarang ia akan dibina akan disiapkan pada katakan pada bulan September 2014. Tetapi *report* yang saya dapat sekarang dia sampai 26% sahaja siap sekarang keadaan dia dan *planning* yang kita buat, Speaker ini jawapan dia saya kena tolak dari 20 minit ya, sebab saya ada lebih ini ya. Dan *planning* kebanyakan hospital ini ialah 5 tahun sebelum ini. Kalau kita nampak sekarang kalau 300 katil ini yang dibina di Shah Alam ini akan katakan akan di siap hujung tahun depan. Saya harap siaplah tetapi apa yang saya nampak dia tidak akan siap pada hujung tahun depan. Dan ini sudah lari dengan *planning* dalam bahasa Inggeris *is redundant as a hospital because time is over taken the planning ...*

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Seri Andalas masa sudah menunjukkan jam 1.01 petang jadi saya minta Yang Berhormat tangguhkan dahulu, kita tangguhkan perbahasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan sehingga jam 2.30 petang. Perbahasan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

[Dewan disambung semula]

TUAN SPEAKER: Perbahasan disambung semula, Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, kepada soalan yang ditanya oleh Permatang tentang Hospital Shah Alam. Hospital Shah Alam lagi dalam kiraan tak *relevant* lagi sebab dia sudah pun lewat untuk diterima oleh di bagi dan diterima oleh dibuka untuk rakyat keseluruhan Negeri Selangor. Keadaan semasa menunjukkan jumlah kedatangan pesakit luar ke *facility* kesihatan terus meningkat di Negeri Selangor dari tahun 2010 seramai 3,410,813.00 menaikkan kepada 3,406,327 pada tahun 2011 dan malang sekali pada tahun 2012 naikkan 3,555,850 pesakit yang mendatang kepada hospital-hospital Kerajaan. Kedatangan yang tinggi pada 2012 ini boleh dilihat pada empat daerah tertinggi di Selangor iaitu Gombak 780,874 pesakit, Hulu Langat 725,510, Klang 653,803 dan diikuti Petaling seramai 591,048 jumlah bagi keempat-empat daerah ini adalah seramai 2,759,515 pesakit daripada jumlah keseluruhannya Negeri Selangor yang itu 3,550,850 kita mengambil contoh Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang bilangan kemasukan bilangan pesakit pada tahun 2012 ialah seramai 905,194 meningkat daripada 90229 pada 2011 dan peningkatan ini dijangka akan berterusan pada tahun 2013 dan 2014. Begitu juga pada kadar penggunaan katil di hospital ini terus meningkat daripada 93.83 peratus kepada 97.70 peratus pada tahun 2012, saya diberitahu pada tahun ini katilnya sudah pun gunakan lebih dari 100 peratus dan sebab itu, kalau kita masuk kepada wad-wad kesihatan dan wad-wad kanak-kanak kita nampak katil-katil itu di tengah-tengah tempat jalan dan sebagainya telah pun ditambahkan di dalam hospital-hospital berkenaan.

Maka adalah wajar Kerajaan Negeri menggesa supaya dua (2) lagi hospital awam dengan jumlah katil setiap hospital dan sekurang-kurangnya 400 katil dibina dengan segera. Walau pun Hospital Shah Alam yang kita kata tadi dengan *facility* katil sebanyak 300 dijangka siap tetapi apa yang kita tahu pada masa sekarang tidak lagi ditetapkan tarikh yang akan kita nampak pembukaan hospital ini. Saya diberitahu bahawa Kerajaan Negeri bersedia untuk memberikan sekeping tanah di Kuala Selangor untuk bina hospital dan saya minta Kerajaan Selangor terus untuk hubungi pusat untuk membina hospital di dalam Negeri Selangor.

Yang Berhormat Speaker, kita kena mengkaji balik semula agihan kontrak dan sebut harga di PBT saya mencadangkan agar kita mengkaji semula mekanisme yang dilaksanakan di banyak PBT pertama kali saya mencadangkan satu pelaksanaan baru

oleh kerajaan Negeri Selangor yang dilaksanakan di peringkat negeri Kerajaan Negeri dan seluruh kesemua PBT iaitu pelaksana kuota pemberian kontrak kepada semua kaum di dalam Negeri Selangor. Kalau Perdana Menteri Najib Tun Razak telah umumkan bahawa Program EPT Kerajaan Pusat 40 peratus diberikan kepada Kontraktor Bumiputera dan selainnya untuk kontraktor-kontraktor selain apa lagi di dalam Negeri Selangor kalau kita kata 50% kontrak diberikan kepada syarikat bumiputera 20% kontrak diberikan kepada syarikat bukan bumiputera dan selebihnya 30 peratus dibuka kepada semua. Di bawah pelaksanaan baru ini syarat-syarat yang perlu dipenuhi memohon tender adalah mereka yang telah berdaftar dengan UPEN dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan serta kalau hendak di bawah CIDB juga. Kuota ini tidak tertakluk semata-mata kepada kontraktor kelas F sahaja, matlamat yang ingin disampaikan di sini adalah pengagihan kontrak secara lebih adil kepada semua serta menggalakkan gejala perniagaan Ali Baba, sekiranya dipersetujui kertas kerja perlu dibuat oleh UPEN dan Kerajaan Negeri menjadikannya sebagai satu dasar yang kemudiannya dilaksanakan di peringkat Negeri dan PBT.

Ke-2 mengenai harga terendah memang pada dasarnya pendekatan mendapatkan harga terendah menguntungkan Kerajaan tetapi apa yang berlaku adalah harga terendah tersebut juga menghasilkan kualiti kerja dan produk yang terendah tidak sempadan dengan nilai terbaik dengan hormat *value for money* terhad wang terhadap wang yang dibelanjakan. Apa lagi terjadi ialah disebabkan amalan sistem harga terendah ini telah menyebabkan hasil kerja tidak memuaskan kerja dalam banyak kerja-kerja pembersihan kawasan contohnya di dalam pakej kerja tidak termasuk kerja-kerja perkhidmatan dan penyelenggaraan seterusnya. Saya bagi contoh kerja-kerja memotong rumput di dalam sesuatu kawasan selepas kerja-kerja memotong rumput dilaksanakan sisa-sisa rumput itu dibiarkan berlonggok dan tidak disapu dibawa pergi kerana harga terendah tadi hanya melibatkan kerja-kerja potong rumput sahaja jadi saya mencadangkan agar dikaji semula sistem harga terendah tadi atas alasan yang telah saya nyatakan begitu juga setiap pembayaran perlulah dibuat hanya apabila kerja-kerja yang dibuat telah dipastikan selesai sepenuhnya. Pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar dan desa di bawah peruntukan MARRIS apa saja peruntukkan tersebut tidak dapat digunakan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar dan desa kerana terdapat peruntukan yang menyatakan dana tidak boleh digunakan atas tanah dan lot-lot persendirian. Keadaan ini mewujudkan ketidakadilan oleh Kementerian Luar Bandar kepada penduduk-penduduk di pinggir Bandar apabila melihat pembangunan yang padat dapat dirasai jiran-jiran di kawasan. Bandar terutamanya dari segi infrastruktur yang melibatkan pembinaan jalan, longkang dan lampu. Rasa tidak puas hati ini telah disuarakan kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi. Kemudian dengan inisiatif mewujudkan geran Selangorku sebelum itu, dapat juga membina infrastruktur jalan, longkang, dan lampu dibina di tanah-tanah dan lot-lot persendirian di

luar bandar dan desa. Namun peruntukan adalah terlalu kecil, dan pembangunan yang dikehendaki tidak dapat dilaksanakan, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengujudkan satu peruntukan khas untuk membangunkan infrastruktur jalan, longkang dan lampu di kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi. Walau pun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 50juta untuk membangun desa tapi saya percaya peruntukan tersebut lebih kepada pembangunan IKS dan ekonomi di luar bandar dan desa dan tidak merangkumi infrastruktur lampu, jalan dan longkang. Saya pun nak bangkitkan isu yang telah saya bawakan dalam dewan yang mulia ini, yang lalu berkenaan dengan minuman keras, di kawasan-kawasan taman dan sebagainya di kawasan perumahan sampai sekarang saya tidak nampak kita telah wujudkan satu jawatankuasa ataupun apa tindakan-tindakan sewajarnya boleh diambil atas inisiatif atau cadangan yang Seri Andalas telah bawa dalam dewan ini yang lalu, sebab selama-lama ini mereka penduduk-penduduk tanya kita juga apa apa tindakan-tindakan akan diambil dan bila lah, bilakah kita akan menguatkuasakan satu undang ataupun *by law* di dalam Majlis Perbandaran Tempatan masing-masing untuk kita tentukan ini tidak dilakukan lagi di kawasan-kawasan perumahan dan berdekatan dengan sekolah dan masjid surau dan tempat-tempat beribadat di Negeri Selangor. Sekian terima kasih Tuan Speaker

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya sebagai mewakili suara rakyat dari DUN Kota Anggerik untuk mengambil bahagian bagi membahaskan ucapan belanjawan 2014. Dalam belanjawan 2014 Y.A.B. Menteri Besar mengatakan Kerajaan akan terus mempertahankan dasar ketelusan dalam pentadbiran dan memerangi rasuah ingin saya baca sedikit daripada muka surat 66 dalam pengurusan dana dan aset awam gejala rasuah hanya akan mengeluarkan hasil pendapatan dan mengakibatkan perbelanjaan yang tidak yang tidak berkesan untuk menjana pertumbuhan ekonomi mencipta peluang pekerjaan jauh sekali untuk mewujudkan kemasyarakatan sosial. Justeru itu amat penting bagi Kerajaan Negeri Selangor sekarang untuk merangka pelan tindakan strategik dan langkah-langkah yang sesuai dan berkesan bagi mencegah dan memerangi rasuah dalam pentadbiran dalam sistem secara keseluruhan saya sangat-sangat menyokong usaha-usaha ini agar Kerajaan Negeri Selangor bebas amalan rasuah pada seluruh peringkat dari Menteri Besar, EXCO, Wakil Rakyat, Pengarah-pengarah hingga ke bawah. Ini telah pun buktikan sepenggal yang lalu kita berbangga mentadbir Negeri bebas dari amalan rasuah ini turut dicatat dalam laporan Ketua Audit Negara yang lalu. Saya mencabar pimpinan Barisan Nasional untuk isytiharkan pentadbiran Putrajaya

bebas daripada rasuah. Dalam menyediakan bajet ini ia hendaklah berdasarkan pasaran yang realistik dan ini membelanjakan sejumlah wang untuk pengurusan pembangunan berdasarkan pendapatan dalam Negeri. Dalam 2012 Kerajaan Negeri membuktikan jumlah pendapatan melebihi perbelanjaan dan ini menjadi *splash budget*. Saya dapat bajet Kerajaan Persekutuan saya baca yang ini, saya jarang baca Berita Harian tapi untuk bajet saya beli Berita Harian, Utusan Malaysia memang saya tak beli langsung, dalam bajet Persekutuan saya dapat perbelanjaan dijangka ialah 264.2 bilion sedangkan pendapatannya hanya 224 bilion, defisit 40.2 bilion ini telah berlarutan selama 15 tahun menjadikan hutang negara sekarang hampir 600 bilion. Sekinchan bilion, jika ini berterusan benarlah kata seorang Menteri JPM, Malaysia akan....

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik. Billion dalam Bahasa Jawa apa?

Y.B. DR. YAAKOB BIN SAPARI: Ketawa.. Itu kena tanya Sekinchan. Begitu juga sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi dengan pendapatan berkapital RM34,126.00 setahun pada tahun 2014. Ini *statement* daripada Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Saya rasa sasaran ini tidak realistik. Tadi Damansara Utama sebutkan 20% penduduk bandar di bawah paras kemiskinan. Sebagai contoh di negeri Selangor dalam buku yang disediakan tu ni dah tak jadi EXCO saya banyak baca Tan Sari sampai buku bajet saya baca. Kakitangan Awam pun saya baca.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Bererti dulu jadi EXCO tak bacalah.

Y.B. DR. YAACOB BIN SAPARI: Dulu saya baca portfolio saya. Portfolio saya, saya sampai perjawatan, saya baca perjawatan. Daripada 9,287 kakitangan awam di negeri Selangor, 8,732 adalah kakitangan sokongan. Baru-baru ini Menteri JPM menyebut 70.8% sekitar 800,000 kakitangan awam seluruh Malaysia adalah kakitangan sokongan yang tidak mempunyai ijazah. Saya dapat daripada jumlah ini 20% gaji di bawah RM1,500.00. 30% gaji di bawah RM2,500.00 dan 20% lagi di bawah RM3,500.00. Ini bermakna kakitangan awam kita sekitar 70% gaji tidak melebihi RM3,500.00. Jadi nampaknya sasaran Perdana Menteri jauh sekali. Bagi gaji Guru KAFA, Posmen, apa ni pekerja-pekerja *supermarket*, pekerja kilang, pegawai keselamatan, gaji mereka di bawah RM1,500.00. Malang sekali ditadbir oleh Barisan Nasional. Minyak naik harga, subsidi gula ditarik balik. Dahlah semua naik barang, sekarang GST pula nak dilaksanakan. Saya sarankan kalau nak kenakan GST pastikan gaji minimum rakyat Malaysia ialah RM1,500.00. Itu sekurang-kurangnya. Maknanya semua lepas paras garis kemiskinan.

Tuan Timbalan Speaker. Demokrasi adalah sistem pentadbiran yang digunakan pakai di sebahagian besar di dunia. Dan sistem demokrasi rakyat diberi peluang untuk memilih pemimpin untuk mewakili mereka memperjuangkan nasib mereka. Peruntukan hala tuju sebuah negara dan pilihan raya umum yang diadakan sekurang-kurangnya 5 tahun sekali. Dalam hal ini parti politik adalah sebahagian besar dalam sistem demokrasi. Makna parti politik adalah sebahagian dalam sistem demokrasi. Kita maklum untuk menguruskan parti politik ia bukan kos untuk menyewa pejabat, menggaji kakitangan, membuat latihan dan lain-lain lagi. Sehubungan dengan itu saya mencadangkan dana rakyat diperuntukkan untuk mendanai parti politik dalam erti kata lain rakyat membiayai demokrasi.

Untuk makluman Tan Sri Menteri Besar dan anggota Dewan sekalian, pendanaan demokrasi parti politik ini bukan perkara baru dalam dunia. Ia telah dilaksanakan di Germany umpamanya. Di Korea Selatan, Turki bahkan Indonesia dan beberapa negara lain. Perkara ini telah saya sahkan ketika saya melawat AK Parti saya kagum, pejabat partinya begitu indah sekali lebih cantik dari Bangunan MBSA. Saya tanya macam mana saudara dapat tanah sebegini besar, dia kata "negeri kami, parti politik dapat pendanaan daripada rakyat". Juga ketika saya melawat Parti Keadilan Sejahtera di Jakarta, pendanaan parti politik juga untuk memastikan ketelusan dan menghindarkan amalan rasuah dalam pentadbiran yang disebut oleh Y.A.B. Menteri Besar dalam ucapan ini. Terjatuh pula. Memastikan supaya amalan rasuah dalam pentadbiran dan salah guna kuasa. Kerajaan Selangor selaku negeri utama menyokong demokrasi hendaklah memulakan usaha-usaha ini. Tahniah dan terima kasih usaha Kerajaan Negeri menaik taraf, tiada di sini. Ketua pembangkang, sekurang-kurangnya kita naikkan taraf Ketua Pembangkang. Saya terangkan agar peruntukan pendemokrasian sebanyak RM5.00 setiap satu undi yang diperolehi oleh mana-mana parti politik termasuk UMNO. Saya telah menulis surat kepada Menteri Besar, dan pegawai ini telah pun dua kali ke Pejabat MTES tetapi belum ada keputusan. Saya hairan macam mana Parti UMNO menjadi parti yang kaya raya tanpa pendanaan ini. Dia boleh hidup mewah. Jawapannya ialah salah guna kuasa berlaku di sini.

Tuan Timbalan Speaker, peningkatan belanja pengurusan saya dapati dalam bajet ini, kang baca ya, ketawa...baca.. Peningkatan belanja pengurusan sepatutnya menggambarkan kecekapan kakitangan awam. Saya ucapkan terima kasih kepada kakitangan awam yang telah melaksanakan amanah yang baik namun banyak lagi ruang-ruang yang perlu diperbaiki. Sebagai tanda terima kasih, Kerajaan Negeri telah memberi bonus satu bulan gaji ketika sambutan Aidilfitri yang lalu. Saya rasa saya pun menyokong kalau bagi sebulan lagi pada Disember kali ini. Dia Selangor *above of the above*. Saya sebut tadi ada ruang-ruang untuk diperbaiki. Saya dapati ada jabatan

yang tidak dapat membelanjakan peruntukan pembangunan. Biasanya EXCO akan perjuangkan peruntukan pembangunan tetapi ada jabatan tak boleh nak belanjakan. Saya cadangkan tindakan tegas hendaklah diambil ke atas jabatan yang tidak membelanjakan peruntukan lebih-lebih lagi jika peruntukan itu melibatkan kepentingan awam. Sungai Burong tak. Banjir di Batu Tiga, air daripada Kota Anggerik, minta maaf Batu Tiga. Dia air Kota Anggerik. Kota Anggerik tak banjir yang banjir Batu Tiga. Kerajaan ...

TUAN SPEAKER: Seri Setia Gombak pun banjir juga.

Y.B. DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati Y.B. apa ni Paya Jaras tunjukkan MTES 2012, dah putuskan peruntukan-peruntukan untuk ini masalah banjir di Sungai Rasah. Walaupun, ADUN Batu Tiga dia tak boleh cakap sebab dia EXCO. Saya nak sampaikan di sini, masalah ini berlarutan. Saya tak nampak banyak kemajuan untuk projek ini. Nampaknya tiada koordinasi di antara MBSA, JPS dan JKR. Walaupun dia satu bumbung tetapi tiada koordinasi. Rakyat tak tahu itu semua, yang rakyat nak ialah masalah ini selesai. Saya kesian, Tan Sri, ADUN Batu Tiga, pukul 2.00 pagi duk duduk dalam banjir lagi. Jadi kesianlah.. EXCO ni.

Tuan Timbalan Speaker, satu perkara lagi ialah peruntukan MARRIS, adalah peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan untuk tujuan membaiki jalan raya dan longkang-longkang. Peruntukan ini adalah dari Kerajaan Persekutuan untuk rakyat. Saya berpendapat peruntukan ini hendaklah dibelanjakan. Ketika saya tanya soalan Dewan yang lepas, saya tanya berapa kilometer jalan-jalan di bawah selenggaraan MBSA yang layak mendapat peruntukan MARRIS. Berapa kadar satu kilometer, berapa jumlah yang sepatutnya dapat. Jawapan diberikan kepada saya, ini pun terima kasih banyak Tuan Speaker, baru dapat jawapan bulan lepas. Jumlah sepatutnya yang MBSA dapat ialah RM65.6 juta setahun. Tetapi yang dibayar kepada MBSA pada tahun 2009 hanya RM4.845 juta dengan 25 projek. Tahun 2010, RM6.172 juta, 13 projek. 2011 RM3.048 daripada RM65.6 juta, MBSA dapat belanjakan cuma RM3.048 juta. 34 projek. Dan Tahun 2012 RM8.170 juta. 69 projek. Saya cadangkan dalam Dewan ini sekurang-kurangnya serah balik kepada MBSA ialah RM50 juta. Tadi saya jumpa Ir., dia kata "Y.B. sepatutnya tahun ini dapat RM88 juta. Daripada RM88 juta kita cadangkan bagilah RM75 juta sekurang-kurangnya untuk MBSA bagi menyelenggarakan jalan-jalan dan longkang di kawasan ini. Saya letak *facebook* kepada siapa yang nak bagi cadangan untuk saya bawa dalam Dewan, sila cadangkan. Banyak cadangan saya dapati isunya masih sama. Dia kata jangan jadikan Bandaraya MBSA Bandaraya tanpa jalan. Yang ini sebut dalam saya punya *facebook*.

Saya dapat oleh kerana peruntukan dah dapat, MBSA, MPK menjadi baru kreatif. Dia kenakan caj *parking* di kawasan-kawasan yang dah 30 tahun tak kena caj *parking*. Susah bagi ADUN untuk nak menjawab. Dia kata BN pun tak kenakan caj *parking*. Pakatan Rakyat kenakan caj *parking*. Saya cadangkan seandainya dipulangkan balik duit MARRIS ini MBSA bolehlah tarik balik caj *parking* yang dikenakan di kawasan-kawasan ini.

Tuan Timbalan Speaker, satu lagi saya dapat aduan daripada ada kakitangan pejabat DUN mengadu dengan MTUC mengatakan bahawa kakitangan pejabat DUN tidak mencarum SOCSO. Kakitangan kita ni terdedah dengan macam-macam. Banjir kakitangan turun, Jom *Shopping* dia pergi. Ada masalah dia pergi. Jadi saya cadangkan supaya kakitangan kita ini diberikan caruman SOCSO. Saya tak pasti Guru-guru KAFA mencarum atau tidak SOCSO ini. Dan nilai tak besar sekurang-kurangnya ada jaminan insurans kepada mereka.

Satu perkara lagi ialah saya menyanjung tinggi usaha Menteri Besar memperuntukkan sebanyak RM430 juta untuk di luar bajet. Cuma saya tak pasti apakah RM430 juta ini untuk setahun atau untuk lima tahun Tan Sri. Kalau setahun, Alhamdulillah. Lima (5) tahun maknanya banyaklah tu... Cuma saya tak nampak dari segi prosedur kewangan sebab wang ini adalah daripada wang disatukan. Adakah ia perlu bajet tambahan akan datang atau bagaimana untuk digunakannya?

Saya sekali lagi saya terima kasih banyaklah kepada semua khususnya pengundi Kota Anggerik yang percaya kepada saya untuk berada dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih. *Bismillahirahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Semenyih diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 Negeri Selangor di Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas. Setelah Sepenggal Pakatan Rakyat mentadbir negeri Selangor, ada sahaja kepincangan pengurusan wang rakyat. Konsep *Value for Money* yang selalu dicanangkan setiap perbelanjaan Dewan Negeri sebagai pemanis mulut untuk digulagulakan kepada rakyat. Kemudian rakyat negeri Selangor yang selalu dimomokkan dengan pemanis mulut di mana ia sekadar pemanis mulut bukannya benda yang mengenyangkan perut siapa tidak suka diberi pemanis mulut yang sedap tetapi bila

diberi hidangan pertama selera terhenti kerana hidangan utama tidak menarik dan sesedap pemanis mulut yang di gembar gemburkan.

Tuan Speaker, rakyat Selangor di kawasan bandar tidak pernah lupa janji dalam manifesto Pakatan Rakyat PRU Ke-12 yang dibuat pada tahun 2008 iaitu mahu menurunkan cukai premis kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersial sebanyak 10%. Matlamatnya untuk meringankan beban kewangan kepada premis pemilik tersebut. Dan sehingga kini Kerajaan Negeri melalui Pihak-pihak Berkuasa Tempatan masih gagal menurunkan cukai mengikut kadar peratusan yang dijanjikan. Untuk itu mari kita memperhalus perkiraan untuk melaksanakan janji ini. Apakah maksud penurunan cukai 20% dan 10% ini mengikut tafsiran Kerajaan Negeri. Kita sedia maklum perkiraan cukai taksiran tahunan sebuah premis ialah nilai tahunan hartaanah darab kadar peratus cukai. Misalnya jika nilai tahunan sebuah premis kediaman bernilai RM2,520.00 setahun dan kadar cukai 8.6%, maka cukai taksiran tahunan yang perlu dibayar RM216.72. Situasi perkiraan utama maka itu jika cukai premis kediaman mahu diturunkan sebanyak 20% maka rakyat layak mendapat diskaun potongan bayaran cukai sebanyak 20%. Contoh bagi cukai taksiran RM216.72 jika potongan 20% diambil kira pemilik premis berkenaan hanya perlu bayar RM170.80 sahaja. Tetapi sehingga kini tiada seorang pun rakyat Selangor menikmati potongan 20% ini. Situasi perkiraan kedua, penilaian hartaanah sebuah premis diadakan secara berkala. Misalnya sesebuah hartaanah pada tahun 2000 bernilai RM200,000.00 dinilai tafsiran tahunan RM 2,000.00 dan selepas 10 tahun 2010 nilai hartaanah yang sama meningkat nilainya kepada RM250,000.00 maka dinilai tafsiran tahunan RM2,500.00. Maknanya peningkatan RM500.00 atau 25%. Jika matlamat Kerajaan untuk meringankan beban rakyat, ada tiga faktor yang boleh diambil kira untuk mengurangkan jumlah cukai yang perlu dibayar.

- (i) Tiada penilaian hartaanah maka nilai hartaanah statik. Ini tidak mungkin kerana akan menjelaskan nilai hartaanah dan ekonomi.
- (ii) Peratus kadar cukai taksiran dikurangkan, misalnya dari 8.6% kepada 7%. Ini sukar kerana akan mengurangkan jumlah kutipan.
- (iii) Memberi diskaun 20% seperti yang dijanjikan. Ini juga sukar kerana jelas mengurangkan jumlah kutipan dan pendapatan PBT. Saya tampil dengan pengiraan seperti ini supaya kita celik...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Semenyih, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Bagi saya habiskan *part* ni kejap. Saya tampil dengan pengiraan seperti ini supaya kita celik dan jelas dan janji yang masih gagal ditunaikan ini. Saya lihat bila mana persoalan tentang status penurunan cukai dan janji manifesto ini diajukan, jawapan kerajaan Negeri ada dua.

- (i) Tiada kenaikan kadar cukai;
- (ii) Kerajaan telah beri diskaun cukai pintu untuk premis pangsapuri kos rendah sebanyak 25%.

Untuk yang pertama tiada kenaikan kadar cukai ini sudah salah dari segi janji. Yang dijanjikan penurunan cukai 10% – 20% bukan pengekalan kadar cukai. Kita lihat dalam situasi perkiraan kedua jumlah bayaran cukai tetap naik walaupun tiada kenaikan kadar peratus. Cukai kerana penilaian harta tanah telah naik. Untuk mengawal bayaran ini dalam jumlah yang berpatutan maka kadar peratus cukai perlu dikurangkan untuk mengimbangi kenaikan penilaian harta tanah. Untuk yang kedua Kerajaan telah bagi diskaun cukai pintu untuk premis pangsapuri kos rendah sebanyak 25%. Sekali lagi menyalahi janji manifesto. Yang dijanjikan untuk semua premis kediaman dan komersial. Maknanya semua rakyat berhak bukannya pilih-pilih premis tertentu. Semua ini sebenarnya menjurus kepada ketidakmampuan Kerajaan Negeri dan PBT untuk melaksanakan janji penurunan cukai tersebut. Rakyat terus menanti, Pakatan terus berhutang maruah dan berhutang wang kepada rakyat.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Semenyih, Yang Berhormat Bukit Gasing minta laluan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya akan bagi, saya habiskan.

TIMBALAN SPEAKER: Saya kesian kat dia, sebab saya pun duduk sebelah dia orang biasa tak nampak.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Sekejap. Seterusnya Pakatan terus berhutang maruah dan berhutang wang kepada rakyat Selangor yang terlebih bayar cukai tanpa sedikit pun pengurangan. Ketidakmampuan ini saya lihat menjurus kepada prestasi pendapatan dan perbelanjaan semua PBT. Di Selangor yang rata-ratanya hampir seimbang, ada PBT bertaraf bandar raya berpendapatan lebih sedikit daripada perbelanjaan seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada tahun 2012, pendapatan sebanyak RM 236 juta, belanja RM 230 juta, lebihan RM 6 juta. Dan Majlis Perbandaran Subang Jaya, tahun 2012 pendapatan RM 229 juta, belanja RM 226 juta,

lebihan RM 3 juta. Tapi PBT bertaraf Majlis Daerah sedikit sukar seperti Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) tahun 2012, pendapatan RM 41 juta, belanja RM 42 juta, kurang RM 1 juta. Dan Majlis Daerah Sabak Bernam tahun 2011 pendapatan RM 20 juta belanja RM 22 juta, kurang RM 2 juta. Bayangkan apa akan jadi kalau penurunan cukai 10% hingga ke 20% ini diberikan. Alamat mungkin boleh tutup PBT dan habis semua perkhidmatan-perkhidmatan PBT bertaburan. Pembinaan trek basikal MBSA.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sebelum itu fasal cukai pintu.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih kerana bagi laluan. Kalau nak cakap fasal cukai pintu yang paling hangat hari ini ialah cerita fasal DBKL yang akan menaikkan cukai pintu dicadangkan bukan 10%, bukan 20%, bukan 30% tetapi 100%, hingga 200 lebih peratus. Adakah ini satu tindakan yang bijak dan adil dari Kerajaan Barisan Nasional?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Ini saya cerita fasal janji manifesto, janji manifesto jangan tanya fasal adil dan kita membahaskan bajet Negeri Selangor. Jadi DBKL, nak tanya, tanya la kat Parlimen nanti.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Semenyih, Kampung Tunku mintak laluan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Tak apa, Kampung Tunku ini selalu mengacau je. Saya terus Tuan Speaker.

Pembinaan Trek Basikal MBSA

Sekarang di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khasnya di Majlis Bandaraya Shah Alam, sedang rancak pembinaan trek-trek basikal untuk kegunaan penduduk Shah Alam. Terpampang papan kenyataan iaitu Kerja Membina dan Menyiapkan Trek Basikal misalnya di Parcel H, Persiaran Masjid, Tasik Tengah Seksyen 14 dan Parcel F, Persiaran Masjid, MAIS, pusat bandar raya dan Seksyen 14. Shah Alam adalah ibu negeri kebanggaan kita semua. Kita juga mahu agar kemudahan di ibu kota ini sentiasa ditambah baik dan di selenggara dengan penuh tanggungjawab oleh MBSA. Namun dengan pembinaan trek basikal ini menimbulkan beberapa persoalan.

- (i) Apakah butiran terperinci projek ini dari segi kawasan yang terlibat dan liputan, jarak trek dan sebagainya?

(ii) Apakah konsep, tujuan matlamat pembinaan trek ini. Adakah untuk menjadikan Shah Alam kota tumpuan rekreasi berbasikal, adakah untuk menggalakkan warga Shah Alam berbasikal dari satu tempat ke satu tempat atau memudahkan budak-budak sekolah berbasikal atau untuk tujuan rekreasi atau untuk menggalakkan warga Shah Alam berbasikal ke pejabat? Jika tujuan berekreasi, kita sudah ada Taman Pertanian Seri Alam yang amat sesuai untuk berbasikal dengan selamat tanpa gangguan sambil menghirup udara yang segar. Jika untuk tujuan warga Shah Alam mudah bergerak pergi bekerja misalnya, berapa ramai peratusan yang sedia menggunakan. Mungkin elok dibina trek basikal ini dari rumah Menteri Besar dan barisan EXCO agar mereka semua boleh tunjuk teladan berbasikal ke tempat kerja. Ini semua merujuk kepada satu kesimpulan bahawa adakah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta mcelah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Sekejap, saya habis.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Peraturan Tetap.

TIMBALAN SPEAKER: Kejap, duduk Semenyih. Sekinchan duduk. Ya Peraturan Tetap.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Peraturan Tetap 35 (6). Seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh membaca ucapannya. Saya perhatikan Yang Amat Berhormat Semenyih ini asyik pandang saja ke bawah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya betulkan bukan Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat yang itu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sorry, sorry, minta maaf. Saya, Yang Berhormat Semenyih asyik pandang ke bawah saja sepanjang ucapan sebab tak dapat menerima.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Fasal, Tuan Speaker, ini fasal fakta Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Duduk, duduk, Peraturan Tetap kena ikut keputusan Speaker ya. Jadi apa tu kalau ikut 35 (6) tidak boleh membaca. Jadi merujuk boleh, untuk merujuk dari masa ke semasa tetapi untuk membaca bulat-bulat memang tidak dibenarkan, ikut Peraturan Tetap.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih Tuan Speaker, tapi tadi banyak juga bulat juga, baca juga.

TIMBALAN SPEAKER: Kalau tadi yang Berhormat Semenyih nampak, gunakan Peraturan Tetap, sebab itu kita ada Peraturan Tetap.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Itu la saya tanya tadi, banyak yang nak mengacau je. Ok bagaimanapun, pelan pembinaan trek-trek basikal ini saya tengok tidak relevan. Inikah yang dinamakan *value for money*? Jadi ini lah yang hendak saya sentuh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta mencelah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya tak bagi, saya nak habiskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Eh, tadi kata...

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya tak habis lagi tentang trek ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Basikal ni, basikal ni.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya tak habis lagi.

TIMBALAN SPEAKER: Dia tak habis lagi. Bagi Semenyih teruskan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Berapakah kos pembinaan trek berbasikal ini, pertamanya saya nak ajukan dan berapakah kos penyelenggaraan setiap tahun. Saya dimaklumkan kos pembinaan ini sekitar RM 5 juta. Adakah ini menepati konsep *value for money*'atau ia menjadi suatu bentuk pembaziran berkos tinggi untuk jangka panjang? Dan ingin saya ajukan pertanyaan semoga dapat maklum balas daripada pihak...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Semenyih boleh bagi Sekinchan mencelah?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Ya, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Saya dengar ya perbahasan Yang Berhormat Semenyih tentang basikal, trek basikal ya di bandar raya Shah Alam. Apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Semenyih mengatakan bandar raya Shah Alam ni taraf dia ibu negeri, ibu negeri jadi prasarana dari segi berbagai mestilah setaraf dengan taraf dia. Jadi trek basikal ni banyak kegunaan. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat Semenyih dia bukan sahaja untuk riadah saja, dia untuk kemudian. Jangan kacau ya.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Ini nak berbahas ke apa?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, ya saya nak bagi tahu dulu kemudian bagi soalan. Dia ada kaitan, ada kaitan. Jadi dia untuk riadah pertama, yang kedua untuk warga Shah Alam yang nak gunakan trek basikal kerana harga minyak naik, dia tak mampu untuk jimatkan kos. Dengan laluan basikal ini dia boleh gunakan basikal. Setuju ke tidak Yang Berhormat Semenyih kerana Barisan Nasional naikkan harga minyak. Janji di capati, terpaksa naik basikal. Terima kasih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Kalau nak makan capati, petang kang kita sama Sekinchan. Satu perkara yang ingin saya sentuh. Nak tanya Tuan Speaker, ada yang bangun ni.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya juga inginkan penjelasan ya sebenarnya ya. Adakah Yang Berhormat bersetuju ni kan dari segi keutamaan, ni Shah Alam ni. Kalau kita nak bagi orang naik basikal, biasanya tentu ada ramai permintaan kepada basikal. Saya nak tanya yang ramai berbasikal ni di Shah Alam siapa dan kalau nanti buat laluan basikal ni, agak-agak la siapa yang menggunakan basikal di Shah Alam ni, yang pertama itu yang kita nak tanya. Kedua ya saya nak bersetuju ke Yang Berhormat ni kalau dari keutamaan, mana lebih mustahak, nak buat tempat laluan basikal ke nak mengatasi banjir yang selalu berlaku di Shah Alam ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker

TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik, saya rasa bagi Semenyih jawab dulu.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Dia kacau Kota Anggerik.

TIMBALAN SPEAKER : Ya?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Dia kacau kawasan Kota Anggerik.

TIMBALAN SPEAKER: Tak apa bagi Semenyih jawab dulu, lepas ni nak tanya boleh tanya.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Bukan kacau ni, ni nak bagi nikmat ni. Saya lebih memfokuskan kepada kita bagi tahu bahawa *value for money*. Saya rasa lebih baik sebagai contoh Seksyen 15 dan Seksyen 17, jalan-jalan banyak berlubang. Saya lalu, saya pergi makan tengok jalan-jalan banyak berlubang-lubang. Daripada duit RM 5 juta hala ke sini lagi baik. Ini sebagai contoh *value for money*. Ok, dan seterusnya...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: *Value for money* tu biar saya jawab sedikit. Nak tanya sikit.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Ni minta kebenaran siapa ni?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Minta kebenaran Tuan Speaker.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Habis Tuan Speaker tak tahu, tak kan dia dah ajar semalam,dengar la.

TIMBALAN SPEAKER: Ok, ok, bertenang. Semenyih boleh bagi laluan tak?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: *Sifu* saya pun setuju.

TIMBALAN SPEAKER: Semenyih bagi laluan ke kepada Bukit Gasing?

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Tak, tak. Dia dah ganggu saya. Saya terpaksa fokus iaitu di *parking* di MBSA. Sebagai hadiah kepada rakyat yang menyokong Pakatan semasa Pilihan Raya Umum ke 13 lalu kita telah lihat bahawa pada hari ini bahawa Majlis Bandaraya Shah Alam bertindak menaikkan caj kadar bayaran tempat letak kereta daripada 40 sen kepada 60 sen sejam. Walaupun kenaikan itu hanya 20 sen namun kenaikan itu akan membebankan rakyat dan pengguna dalam jangka masa panjang padahal tidak ada satu alasan pun yang dapat dijustifikasikan bagi membenarkan kenaikan caj *parking* ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya habiskan.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, Tanjung Sepat dan Kampung Tunku. Kalau tak nak Kampung Tunku, Tanjung Sepat pun ada.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Bagi la saya habis dulu.

TIMBALAN SPEAKER: Ok-ok Kampung Tunku bagi Semenyih habiskan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Penambahbaikan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan khususnya MBSA bagi membolehkan *charge parking* dinaikkan. Jadi ini yang saya ingin juga maklum balas daripada pihak EXCO dan kenaikan *charge parking* ini mengulangi hadiah kenaikan kadar sewa kediaman bagi lebih 3,000 penduduk perumahan PPR.

TIMBALAN SPEAKER: Sri Muda dan Tanjung Sepat, Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Bagi saya habiskanlah.

TIMBALAN SPEAKER: Ok tak apa-tak apa bagi Semenyih tak nak bagi laluan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Kenaikan *charge parking* ini mengulangi hadiah kenaikan kadar sewa yang kediaman bagi lebih 3,000 penduduk projek perumahan PPR di Kota Damansara dan di Lembah Subang dan penghujung 2008. Kalau sewa kediaman mereka telah dinaikkan oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada RM120.00 kepada RM250.00 sebulan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan sebelum masuk ke topik yang lain.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Padahal kita tahu bahawa Projek PPR tersebut kurang berkemampuan dan hidup secara sederhana.

TIMBALAN SPEAKER: Semenyih, Kampung Tunku dok minta dari tadi. Hendak bagi ke?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bagilah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Sikit lagi nak habis ini. Saya akan bagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Habis kalau ..

TIMBALAN SPEAKER: Tak apa Kampung Tunku, Semenyih kata dia akan bagi.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Ini menjadi bukti bahawa Kerajaan Negeri Selangor bukanlah prihatin dengan masalah rakyat dan kos sara hidup yang perlu ditanggung oleh rakyat. Sampai 2 orang, 4 orang.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Semenyih mana satu nak bagi? Pilihan Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya tengok tadi sahabat saya Sri Muda.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Hai ya .. tak berani.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker dan juga Semenyih. Berbalik kepada isu *parking* dan juga kenaikan cukai saya juga melihat dan tersentuh hati keprihatinan Semenyih daripada Semenyih sampai ke Shah Alam kira hebatlah. Dari Permatang sampai ke Sri Muda semalam pun bangkitkan terima kasih. Saya nak tanya Yang Berhormat Semenyih kalau begitu prihatin sangat kenapa kenaikan yang dilakukan oleh Dewan Bandar raya Kuala Lumpur tidak disebutkan ataupun ditentang kerana itu juga membebankan rakyat. Jadi mohon penjelasan. Terima kasih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Terima kasih sahabat saya Sri Muda. Itu jawapan bawa ke Parlimen la. Ada 3 wakil buat apa saya nak jawab. Saya nak bahas isu bajet Negeri Selangor takkanlah saya hendak cerita hal Federal.

TIMBALAN SPEAKER: Tak salah kalau nak cerita sikit-sikit, manifesto boleh bawa boleh sentuh fasal ini.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Boleh bagi penjelasan sedikit kalau betul prihatin di Selangor di Shah Alam daripada Semenyih ke Shah Alam.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Kalau Sri Muda pun prihatin saya pun nak bagi cadangan. Ambillah dalam perbahasan. Saya tengok Sri Muda asyik mencelah-celah bagilah 20 minit, 30 minit bagi jangan mencelah saja kalau ia pun prihatin. Asyik mencelah saja. Saya nak teruskan Tuan Speaker. Saya nak ambil perkara yang serius.

TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Semenyih untuk habiskan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya nak habiskan.

TIMBALAN SPEKAER: Semenyih tak bagi.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Saya ambil kesempatan untuk mohon Kerajaan Negeri selesaikanlah masalah berbau busuk yang itu di DUN saya di tapak pelupusan RDF. Baru ini pun saya minta Yang Berhormat Menteri hadir dan perkara ini cukup serius bau cukup busuk di waktu hujan tambah musim hujan jadi saya lihat kajilah balik mana janji-janji dulu kata tidak ada bau dan kawasan persekitaran tidak akan diganggu. Jadi saya mohon sangat isu ini isu PBT yang serius saya kira di tempat saya bau busuk ini bukan sekadar di kawasan kampungan atau taman situ sahaja dah pun sampai ke bandar. Jadi ini perkara cukup serius di PBT dan juga saya mohon kepada PBT untuk memastikan jalan keluar ini cukup serius juga kes di Kawasan DUN saya Semenyih cukup kritikal kesesakan lalu lintas. Tolonglah pantau satu pemaju yang cukup besar di Semenyih iaitu SP Setia Eco Hill ke Lebuh raya LEKAS dijanjikan supaya jalan ini dibuat dahulu yang boleh memantau memastikan jalan ini dibuat dahulu untuk tembus ke *highway* LEKAS excess ini adalah Pihak Berkua Tempatan dan EXCO yang berkenaan. Jadi saya mengambil kesempatan untuk bawa perkara ini dan kajilah *fly over* seterusnya kerana melibatkan kampung-kampung tradisional, kampung Sungai Purun dan sebagainya di sebelah surau yang berhampiran di situ. Seterusnya saya mohon perkara jalan runtuh berhampiran Empangan Semenyih yang dah hampir setahun tak siap lagi. Kerja membaik pulih saya pohon supaya disegerakanlah kerana di sekitar Hulu Langat Semenyih ini memang terkenal sesak dah runtuh dan biarkan setahun saya tak pasti. Saya difahamkan kajian ataupun benda ini dah dilantik ke tidak dan jalan ini ialah Road BT19 dan bawah Kerajaan Negeri dan saya pohon supaya dapat dikendalikan atau dilaksanakan kerja baik pulih ini dengan segera dan seterusnya.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, minit terakhir.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ: Minit terakhir? Iaitu peningkatan denggi di Hulu Langat Semenyih iaitu saya lihat kalau tidak terlanjur lalih saya bagi tahu kalau tidak saya rasa ramai penduduk mengadu tentang hal ini iaitu tentang kebersihan kontraktor kebersihan melakukan sistem pengangkutan sampah dan sebagainya yang saya lihat tidak ada *improvement*. Janjinya dulu kontraktor baru akan baik mengutip sampah ini juga menimbulkan mungkin pembiakan nyamuk atau sebagainya. Jadi saya harap kajilah balik kontraktor-kontraktor ini adakah benar melakukan kerja ini dengan yang baik dan jadi untuk itu terima kasih sekali lagi bagi Tuan Speaker membentarkan Semenyih untuk *participate* dalam perbahasan. *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.*

TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Semenyih. Tahniah saya ucapkan selepas jauh sampai ke Shah Alam, Petaling Jaya balik ke Semenyih. Saya mempersilakan KKB, Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Kuala Kubu Baharu mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Bajet Negeri Selangor Tahun 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tuan Timbalan Speaker, Kuala Kubu Baharu ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah berjaya merangka satu bajet berimbang yang bukan sahaja dapat meneruskan semua rancangan yang membawa manfaat dan kebajikan kepada rakyat Negeri Selangor malah berjaya terus menambah lagi jumlah pendapatan dan perbelanjaan keseluruhannya menyebabkan bajet ini mencecah 1.85 bilion ringgit yang merupakan bajet tertinggi dalam sejarah Negeri Selangor. Ini adalah satu pencapaian yang luar biasa dan tidak mungkin dan tidak boleh dilakukan oleh sebuah kerajaan melainkan kerajaan yang bersih, amanah, cekap dan telus. Tuan Timbalan Speaker , Kuala Kubu Baharu menyanjung dan menyambut baik penggunaan *reserve* negeri sebanyak 430 juta ringgit untuk membiayai pembangunan yang melibatkan 6 inisiatif. Kuala Kubu Baharu berpendapat rancangan ini adalah tepat dan sesuai pada masanya dan pastinya akan membawa lebih banyak kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat jelata. Tuan Timbalan Speaker, Kuala Kubu Baharu amat bersetuju dengan konsep Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa penggunaan simpanan mestilah berhati-hati dan mestilah digunakan untuk program-program yang produktif terutamanya perbelanjaan pembangunan yang bakal mendatangkan hasil yang tinggi untuk tempoh lama dan membawa impak positif kepada rakyat dan negeri keseluruhannya. Setelah mencampurkan bajet asal bersama rizab negeri yang akan digunakan maka peruntukan bagi tahun 2014 akan mencecah 2.28 bilion dan menjadikan pecahan 46.3% untuk perbelanjaan pembangunan dan 53.7% untuk perbelanjaan mengurus. Kuala Kubu Baharu nampak pecahan ini jauh lebih baik dan pasti akan mendapat lebih banyak pujian daripada kalangan rakyat biasa mahu pun cendekiawan serta pakar-pakar ekonomi jika dibandingkan dengan pecahan 18 dengan 82 seperti yang dibuat pada bajet Kerajaan Pusat sebelum ini di Dewan Rakyat itu. Selain daripada itu Kuala Kubu Baharu juga ingin menyentuh tentang seruan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di mana Kerajaan Persekutuan perlu bersikap profesional telus dan bertanggungjawab dalam mengagihkan kutipan hasil kutipan cukai secara adil dan setimpal dengan sumbangan negeri. Seperti yang diketahui semua sejak 2008 lagi Kerajaan Pusat telah memberhentikan penyaluran peruntukan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor tetapi diperuntukkan melalui Unit Pelaksanaan dan Penyelarasaran (ICU). Perbuatan sedemikian bukan hanya satu pengkhianatan kepada rakyat Selangor malah ia nya menunjuk betapa sombongnya

Barisan Nasional menafikan sistem demokrasi di negara ini dan mengabaikan hak rakyat Negeri Selangor demi kepentingan politik mereka. Kuala Kubu Baharu ingin mengambil kesempatan ini mendesak Kerajaan Pusat untuk membubarkan Unit ICU ini kembali ke bangku sebenar yang mana menghormati hak pembayar cukai yang merupakan *boss* dengan izin sebenar dengan menyalurkan peruntukan tersebut terus kepada Pentadbiran Negeri yang dipilih oleh rakyat dengan itu juga Kuala Kubu Baharu juga mengecam sekeras-kerasnya penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan JKKKP yang sememangnya..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, mohon penjelasan.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, Yang Berhormat Permatang mohon penjelasan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak tanya Kuala Kubu Baharu tadi yang dok kecam ICU tadi Yang Berhormat ada ke maklumat berapa jumlah peruntukan yang Kerajaan Persekutuan salurkan kepada ICU sebelum membuat dakwaan itu. Ada tak berapa jumlah peruntukan, berapa bilion yang disalurkan melalui ICU yang dikatakan tadi. Yang keduanya saya nak tanya Yang Berhormat jugalah dulu sebelum Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan selalu di warwarkan kalau kami menjadi Kerajaan dan kami akan memberi peruntukan kepada wakil-wakil rakyat yang tak jadi kerajaan tapi hari ini tidak dibuat juga sampai hari ini yang kami 12 orang ini peruntukan tidak diberi juga walaupun di DUN kami ada peruntukan. Jadi apa bezanya tindakan itu dengan tindakan Kerajaan Negeri? Jadi berapa bilion yang pertama berapa bilion yang ada Yang Berhormat tuduh sebab semalam kan saya ada jelaskan juga ..

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ni apa ini.

TIMBALAN SPEAKER: Betul Yang Berhormat Permatang saya ingat sudah jelas. Bagi KKB jawab ya.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Macam mana kita boleh tahu Barisan Nasional berbilion-bilion kepada ICU. Ini yang kita kata tak payahlah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Berapa jumlah dia? Ada?

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Permatang minta giliran Kuala Kubu Baharu ya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Minta mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu nak bagi Bukit Gasing atau nak sambung?

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Saya bagi pada Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya pun amat minat nak tahu berapa *figure* dia? Berapa angka yang diberi kepada ICU? Kalau di Selangor saya boleh gunakan enakmen kebebasan maklumat untuk memohon maklumat tersebut tapi malangnya Kerajaan Persekutuan tak adalah kemudahan sebegini. Itu amat malang sekali.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Saya rasa Yang Berhormat Kuala Kubu tak sempat hendak bercakap lagi. Bagi dia sambung dulu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Tak payah jawablah sebab soalan dia tanya kita pun berminat tahu, kita pun tak tahu berapa *figure* dia, apakah angka dia, ok.

Jadi, tadi saya sentuh berkenaan dengan JKPP yang sememangnya telah ditolak oleh Kerajaan Negeri serta rakyat negeri Selangor sejak 2008 lagi. Sungguh pun penubuhan JKPP demikian telah melanggar peruntukan senarai dua (2), senarai negeri dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu jelas termaktubnya kuasa Kerajaan Negeri dalam hal pelantikan JKPP serta Pihak-pihak Berkuasa Tempatan lain. Lantaran cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk di semua Pihak Berkuasa Tempatan oleh Kerajaan Persekutuan baru-baru ini adalah juga bercanggah dari segi undang-undang. Maka, Kuala Kubu Baharu ingin menyeru agar Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang lebih agresif dan bijak untuk menangani masalah ini yang disengajakan dengan membawa kes ini ke mahkamah untuk penaksiran Perlembagaan Persekutuan tentang maksud sebenar pembahagian kuasa.

Tuan Timbalan Speaker, Kuala Kubu Baharu amat bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa Kerajaan Persekutuan tidak rasa rendah diri untuk mengakui hakikat bahawa penswastaan industri air dan penyerahan konsesi kepada 4 syarikat terpilih semasa Selangor di bawah pemerintahan Barisan Nasional merupakan satu penganiayaan dan pengkhianatan terhadap pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya khususnya rakyat Selangor. Akibat daripada penswastaan tersebut, banyak tempat-tempat menghadapi masalah gangguan bekalan air dan tidak ada program penggantian paip baru dijalankan bagi paip perhubungan yang telah uzur dianggar berusia lebih daripada 50 tahun dan berkarat. Sebaliknya, syarikat konsesi ini menggunakan program pengawalan tekanan yang pada namanya mengurangkan

masalah kekerapan paip bocor dan pecah yang tinggi. Akan tetapi penduduk menderita kerana tidak mendapat bekalan air yang secukupnya untuk kehidupan dan kerja-kerja harian mereka. Kuala Kubu Baharu meminta agar Kerajaan Negeri mengambil berat tentang masalah ini dan mengambil langkah segera untuk menyemak dan mengenal pasti kawasan-kawasan terutamanya kawasan-kawasan luar bandar di Selangor yang menghadapi masalah sedemikian agar beban rakyat yang sengsara disebabkan tekanan air yang rendah ini dapat diatasi dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Timbalan Speaker, dalam pengalaman Kuala Kubu Baharu sebagai seorang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan selama 5 tahun sebelum ini, saya amat setuju dengan usaha Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek Pejabat Kepada Rakyat kerana selama ini rakyat sentiasa menghadapi pelbagai masalah apabila berurusan di pejabat-pejabat Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan, negeri atau tempatan. Sesungguhnya terdapat peningkatan prestasi serta mutu perkhidmatan oleh kakitangan awam di negeri Selangor selepas 2008 tetapi oleh kerana permintaan atau harapan yang begitu tinggi di kalangan rakyat terhadap Pakatan Rakyat, maka prestasi penjawat awam di kalangan rakyat turut menjadi garis pengukur orang awam ke atas prestasi Kerajaan. Maka cadangan ini merupakan satu pergerakan untuk mereformasikan sistem penyampaian awam untuk memanfaatkan dan menyenangkan urusan harian rakyat dengan Kerajaan Negeri. Dengan ini, Kuala Kubu Baharu ingin meminta supaya Kerajaan Negeri menetapkan satu peraturan kepada semua penjawat awam agar lebih mendekati rakyat dan Kuala Kubu Baharu ingin mengingatkan semula kepada semua kita pernah mencadangkan pembukaan kaunter-kaunter servis Kerajaan pada hari minggu bagi memudahkan rakyat yang bekerja pada hari-hari biasa menghadapi masalah berurusan dengan Kerajaan, dapat menyelesaikan masalah mereka terutamanya yang terpaksa bersemuka dengan kakitangan awam kita.

Satu lagi perkara yang Kuala Kubu Baharu rasa harus diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri ialah pelancongan *agro tourism* dan *eco tourism* yang menjadi tumpuan di seluruh dunia kebelakangan ini. Selari dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, Kuala Kubu Baharu mohon mencadangkan penubuhan satu jawatankuasa khas bagi merangka dan mengkaji rancangan-rancangan yang boleh kita lakukan dalam bidang *agro* dan *eco tourism* di peringkat PBT dan PTD termasuk daerah Hulu Selangor dan antara RM5.2 juta yang diperuntukkan untuk sektor pelancongan dapat dibahagikan sekurang-kurangnya RM3 juta untuk bidang ini. Kuala Kubu Baharu juga ingin menyuruh pihak Tourism Selangor Sdn. Bhd. serta EXCO Pelancongan mengambil inisiatif dan bertindak dengan lebih proaktif terutamanya dalam membantu membangunkan dan mempromosikan industri pelancongan di daerah Hulu Selangor khususnya.

Tuan Timbalan Speaker, sungguh pun Kuala Kubu Baharu merupakan satu kawasan DUN yang agak mendalam dan menerima pembangunan yang kurang pesat jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain tetapi Selangor sebagai sebuah negeri yang paling maju dan pesat pembangunannya, maka Kuala Kubu Baharu menyokong inisiatif Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Majlis Pengangkutan Awam Selangor dan memberikan rebat serta insentif kepada kakitangan awam yang menggunakan pengangkutan awam ke bangunan SUK. Walau bagaimanapun, Kuala Kubu Baharu ingin mengingatkan kepada Kerajaan Negeri bukanlah hanya kakitangan awam yang menggunakan kenderaan persendirian sahaja yang akan menyebabkan kesesakan lalu lintas, malah orang awam yang terpaksa menggunakan kenderaan sendiri untuk ke bangunan-bangunan Kerajaan yang menjadikan majoriti pengguna jalan raya, oleh kerana sistem pengangkutan awam yang kurang efisien dan menyeluruh. Maka, Kuala Kubu Baharu berharap pihak Kerajaan akan mengkaji juga sama ada memberi insentif yang sama kepada orang awam yang menggunakan pengangkutan awam ke bangunan-bangunan Kerajaan sebelum sistem pengangkutan awam kita dapat dinaiktarafkan.

Tuan Timbalan Speaker, Kuala Kubu Baharu berasa amat syukur kerana walau pun terdapat kegagalan pihak Kerajaan Persekutuan dalam memberi kedudukan yang sama rata bagi jurusan-jurusan berlainan di negara ini. Kerajaan Pakatan Rakyat berjaya menetapkan pemberian peruntukan secara berstruktur kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina sebanyak RM16 juta setiap tahun sejak 2008. Walau bagaimanapun, Kuala Kubu Baharu berasa peruntukan berupa kewangan ini hanya membantu sedikit sebanyak dalam menambahbaikkan serta menaik taraf prasarana sekolah-sekolah sedia ada tetapi kurang menekan kepada mutu pengajaran serta pembelajaran pelbagai jurusan sekolah itu. Kuala Kubu Baharu ingin menegas di sini bahawa pendidikan dan pembangunan insan merupakan unsur paling utama dan inti pati sebuah negara mahu pun negeri untuk menjadi kuat dan maju. Maka, Kuala Kubu Baharu berharap EXCO yang menjaga hal ehwal pendidikan mengambil langkah untuk meningkatkan mutu pendidikan negeri Selangor bagi semua jurusan dan peringkat dan bukan hanya tertumpu kepada pendidikan agama dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat, INSPENS dan UNISEL sahaja. Tambah lagi, Kuala Kubu Baharu berharap tambahan RM50 juta daripada rizab negeri yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk pembinaan beberapa buah sekolah itu perlu dilaksanakan secara terbuka dan mengikut keperluan dan tidak ditetapkan kepada sesejenis sekolah sahaja untuk semua ini jika perlu dan memadai, Kuala Kubu Baharu syorkan agar EXCO melantik pakar atau pembantu EXCO daripada kaum dan agama lain yang berlatar belakang pendidikan untuk membantu beliau.

Selain daripada itu, Kuala Kubu Baharu memberikan penghargaan yang amat tinggi kepada pemimpin Pakatan Rakyat negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah sekali lagi memecah rekod dengan membudayakan pentadbiran negeri dengan memastikan kedudukan kaum wanita dalam barisan EXCO nya. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia mahu pun Selangor apabila empat (4) orang EXCO adalah terdiri daripada wanita disenaraikan dalam barisan pemimpin tertinggi negeri. Tambah lagi dengan Puan Speaker, wanita pertama di Dewan Negeri yang pertama dalam sejarah Malaysia dan jika dikirakan Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri kita yang juga adalah seorang wanita, Kuala Kubu Baharu rasa ini adalah satu pencapaian yang bertaraf dunia dan telah disanjung dan mendapat pujian di seluruh dunia.

TIMBALAN SPEAKER: Jangan lupa Setiausaha Dewan.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ha?

TIMBALAN SPEAKER: Setiausaha Dewan kita pun wanita juga. Jangan lupa.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ya, ok. Pengiktirafan ini perlu diserap dan dipelajari oleh semua pihak. Kuala Kubu Baharu juga berasa terharu dan kagum apabila mendengar pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa selain RM1.3 juta yang diperuntukkan untuk agenda Pembedayaan Wanita dan Keluarga, tambah lagi RM30 juta sebagai Perbelanjaan Pembangunan bagi 2014 khususnya untuk melaksanakan program menjana dan meningkatkan pendapatan wanita sebagai kesinambungan bagi agenda Pembedayaan Wanita. Walau bagaimanapun, Kuala Kubu Baharu berasa kita boleh lagi beranjak lebih ke depan dengan cadangan dalam manifesto dan perbelanjaan alternatif Pakatan Rakyat 2014, Parlimen iaitu mewujudkan Skim Caruman Wanita peringkat negeri dan menetapkan suami-suami mereka untuk mencarum dalam skim itu dengan tambahan sumbangan oleh pihak Kerajaan. Kuala Kubu Baharu yakin dan percaya dengan skim sedemikian bukan sahaja pengiktirafan tetapi ia dapat menjana dan menggalakkan mereka terus menyumbang kepada pembangunan negeri.

Akhir sekali, Kuala Kubu Baharu ingin mengambil peluang keemasan ini untuk merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh pengundi di negeri Selangor amnya dan DUN Kuala Kubu Baharu khasnya yang memberi mandat kepada Pakatan Rakyat untuk membentuk Kerajaan dan menjadi wakil rakyat mereka. Perlu Kuala Kubu Baharu tekankan di sini, selain rakyat dari komuniti Melayu, India, orang asal, kaum-kaum minoriti yang lain, rakyat daripada masyarakat Cina telah memberi sokongan yang paling kuat iaitu hampir 90% daripada kumpulan ini yang mengundi kita.

Antara mereka itu, kebanyakannya mereka bukan dan tidak bukan, sekurang-kurangnya berkaitan atau menetap di dalam 77 kampung baru Cina atau bagan atau tersusun di seluruh negeri ini. Sejak 2008, Kerajaan telah memperuntukkan RM5 juta setiap tahun untuk kampung-kampung ini bagi menaik taraf serta membangunkan kemudahan-kemudahan asasnya. Walau bagaimanapun, peruntukan sejumlah ini hanya cukup untuk projek-projek kecil seperti menaik taraf longkang dan jalan tetapi ia amat tidak mencukupi apabila sesebuah kampung memerlukan seperti dewan serba guna atau pun jambatan. Apatah lagi jika ia diperlukan selepas sesuatu bencana alam berlaku. Sebagai contoh, telah berlakunya satu insiden, banjir di Kampung Baru Gurney, Ulu Yam Baharu pada tahun 2011 dan jambatan gantung yang menyeberangi sungai dalam kampung tersebut yang menyambungkan kedua-dua tebing sungai telah mengalami keruntuhan dan maka memutuskan jalan pintas bagi penduduk kampung untuk ke sebelah sungai yang lain. Tetapi disebabkan peruntukan yang kurang, EXCO Pembangunan Kampung Baharu hanya mampu untuk meluluskan satu peruntukan yang kecil bagi membaik pulih jambatan tersebut tetapi tidak lama kemudian, oleh kerana aliran air sungai deras terutamanya pada musim hujan, maka jambatan tersebut mengalami kerosakan kali kedua. Maka EXCO tersebut, setelah mendengar nasihat daripada pihak Pejabat Daerah lalu mencadangkan jambatan tersebut dibina semula oleh Jabatan Pengairan dan Saliran tetapi sehingga kini rakyat masih menunggu. Satu lagi contoh iaitu jambatan yang runtuh di Kampung Baharu Tanjung Sepat Indah, kawasan DUN Tanjung Sepat selepas sahaja Pilihan Raya Umum Ke-13 tempoh hari. Hingga kini, pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.....

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Yang Berhormat.....

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, Tanjung Sepat minta mencelah.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Saya tak ada masa lagi.

TIMBALAN SPEAKER: Saya boleh bagi masa sikit, sebab-sebab sebut berkaitan dengan Tanjung Sepat tadi.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Berkaitan dengan Tanjung Sepat tadi. Terima kasih saya ucapan kepada KKB lah.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Oh, itu sahaja. Itu sahaja lah. *Welcome* lah. Hingga kini pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia masih belum bersetuju untuk membina semula jambatan itu dan pihak EXCO berkenaan juga tidak berupaya berbuat demikian dengan bajet yang sedikit. Justeru itu, Kuala Kubu Baharu mencadangkan agar

peruntukan bagi kampung-kampung baru, bagan dan tersusun dinaikkan kepada RM10,000,000.00 setahun. Baik untuk membala kasih rakyat kaum Cina atas sokongan padu kepada kita mahupun untuk membolehkan usaha modenisasi kan malah urbanisasi kan kampung-kampung berdekatan dengan kawasan bandar. Tuan Timbalan Speaker, Kuala Kubu Baharu ingin mengakhiri ucapan dengan menyokong Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, sekian terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Timbalan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Bangi ucapan kerana diberikan peluang untuk berbahas peruntukan Bajet Negeri Selangor 2014 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar semalam. Saya mewakili rakyat Bangi menyokong belanjawan yang dikemukakan oleh Dato' Menteri Besar yang mengangkat tema ‘Belanjawan Berhemat dan Berimpak Tinggi Maslahat Rakyat’. Timbalan Speaker, rakan-rakan Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan sekalian, saya suka nak menyentuh perkataan maslahat yang dibangkitkan oleh Dato' Menteri Besar. Maslahat adalah kata kuncinya daripada bahasa Arab *solah*, baik. Kalau mempermudah kan untuk kita faham bait ini. Saya bacakan satu ayat Allah SWT, *Bismillahi Rahmanir Rahim, Wal Asri Innal Insana Lafi Hus Illal Lazi Na Amanu Waaminus Solihat Watawa Saubilhaq Watawa Sawbilsof*. Maksudnya, demi masa sesungguhnya manusia dalam kerugian, melainkan mereka yang beriman, mereka yang beramat soleh, mereka yang berpesan kepada kebenaran dan mereka yang berpesan kepada kesabaran. Kata kunci soleh itu duduk di situ iaitu amal soleh, satu perbuatan baik, tindakan baik yang berkebajikan khususnya untuk rakyat diambil oleh Negeri Selangor. Sebagai kata kunci bagi mengangkat Bajet 2014 ini. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan negeri Selangor. Gunanya adalah untuk memastikan seluruh rakyat Selangor mendapat nikmat hasil daripada kerja kuat seluruh pihak bagi memastikan Kerajaan yang baik ini terus dipertahankan untuk penggal yang kedua dan *Insya-Allah* untuk penggal-penggal berikutnya. Kenikmatan yang telah diberikan penggal yang pertama diteruskan atas maksud meneruskan kecemerlangan. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada ucapan Y.A.B. tentang dua kes yang amat menakutkan. Terutama rakyat Negeri Selangor yang pertama kes yang di peringkat Kerajaan Persekutuan di mana disebabkan oleh ketirisan ataupun rasuah, maka ketirisan berlaku sebegini tinggi di antara RM28 bilion kepada RM40 bilion. Amat malanglah jika ini tidak dapat diperbaiki oleh kerajaan Persekutuan. Satu kes lagi adalah mengenai ucapan Menteri Besar mengenai tidak ada catatan butiran mengenai hasil penjualan dua daerah besar iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ini bukan kecil-kecil jumlah, saya percaya mempunyai hasil yang sangat besar. Tapi malang sekali jika benarlah apa yang dikatakan oleh Menteri

Besar bahawa catatan yang mencatat hasil ini amat malanglah rakyat Negeri Selangor. Mujurlah negeri Selangor ini bijak, malangnya berakhir, kerajaan Pakatan Rakyat diambil alih tumpuk pemerintahan. Tahniah rakyat Selangor. Dalam politik Islam, perkataan maslahat diungkapkan dalam satu kaedah *fikh*, saya bacakan tahiyyat *fikh* ini untuk memudahkan kita faham iaitu *Tasawaful Imam Ala Rohiyati Manutul Bi Maslihati*. Maksudnya, urus tadbir kerajaan terhadap rakyatnya hendaklah berasaskan kepada maslahat. Dalam Islam, rakyat adalah tanggungjawab kerajaan. Kerajaan harus menjawab keperluan-keperluan rakyat. Justeru itulah maka Islam menentukan *Tasawaful Imam Ala Rohiyati Manutul Bi Maslihati*. Iaitu urus tadbir kerajaan, Ketua Negara, Ketua Negeri terhadap rakyatnya hendaklah berasaskan kepada keperluan rakyatnya. Dalam erti kata begini, jika ada nikmat rakyat hendaklah diutamakan. Jangan seperti yang berlaku di sebelah sana bila nikmat pemimpin yang rasa dulu, bila azab rakyat yang merasa dahulu. Saya ingin memetik kisah yang berlaku zaman Sayidina Umar Al-Khattab, Umar Al-Khattab adalah pemimpin besar umat Islam selepas Abu Bakar Al-Siddiq r.a. Orang bertanya Sayidina Umar mengenai bagaimana dia menguruskan duit kerajaan. Kata Sayidina Umar, aku menjaga duit kerajaan seperti aku menjaga harta anak yatim. Jika anak yatim ini mahukan keperluan yang aku berikan, jika rakyat ini tidak mahu tak berkeperluan aku simpan untuk mereka dan jika anak yatim ini sudah senang aku santuni mereka. Itulah tanggungjawab aku menjaga duit rakyat seperti aku menjaga duit anak yatim. Bukan menjaga duit rakyat untuk kepentingan diri sendiri atau kumpulan sendiri atau kroni-kroni sendiri. Kerana itulah duit rakyat yang diamanahkan untuk dipegang oleh kita sebagai pemimpin masyarakat dan juga pegawai-pegawai kita yang memegang amanah yang sama yang perlu menguruskan duit rakyat mengikut keperluan dan hak-hak rakyat kerana rakyat harus didahulukan dalam nikmat, rakyat jangan didahulukan dengan azab yang menimpa mereka. Arnab batuk di tepi tangga, anak angsa berak dipapan, rakyat diketuk sampai ternganga, bila ternganga dicampak umpan. BRIM la tu. Rakyat Selangor bijak menentukan siapa yang patut mereka pilih untuk menjaga mereka, sebab itu rakyat Selangor tidak ada kompromi. Mereka berikan amanat kedua kepada Pakatan Rakyat kerana mereka percaya bahawa Pakatan Rakyat sahaja yang memastikan semua hasil Negeri untuk rakyat. Memang ada di sana sini kelemahan sebagai yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi dan semalam, mengatakan di sana banjir, di sana longkang belum dicuci, rumput dan sebagainya, bahawa perkara ini bukan berlaku sehari dua dan ia berlaku sejak berzaman-zaman lamanya hasil daripada perancangan yang silap atau salah guna kuasa kerajaan yang terdahulu sebelum Pakatan Rakyat. Saya menyebut apa yang Allah SWT sebut dalam Al-Quran, *Zaharal Kasabukhil Bahri Wal Bahri Ima Kasabat Aidinnas*. Al-Rukh, ayat 41. Maksudnya, telah nampak jelas kerosakan, kemusnahan di darat dan di laut akibat daripada kerja tangan manusia. Hasil manusia punya kerja, manusia punya perancangan, manusia punya tindakanlah maka berlaku kerosakan-kerosakan yang merata di bumi ini dan di laut dan harus

diingat bahawa kerosakan-kerosakan ini bukan terhasil daripada 4-5 tahun yang lalu tetapi dia berhasil daripada 40-50 tahun yang lalu yang sepatutnya dibaiki. Alhamdulillah, Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil sikap berlapang dada. Tidak menyalah membabi buta, tetapi mengambil sikap untuk memperbaiki mana-mana lubang, lompong, kelemahan yang telah ditinggalkan oleh Kerajaan terdahulu bagi memastikan rakyat menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri ini, hasil Kerajaan Negeri ini. Timbalan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengangkat keperluan kepada membanteras kejihilan, kerana apabila rakyat cerdik, rakyat pandai, maka rakyat akan menikmati kenikmatan dan Kerajaan yang memerintah akan dipantau dijaga supaya betul di landasan yang sebenarnya. Terima kasih banyak Kerajaan Negeri yang beri perhatian kepada infrastruktur pendidikan yang memberikan bajet yang banyak tentang pendidikan dan saya ingin menyatakan bahawa infrastruktur adalah sebahagian kecil daripada pengisian, untuk membanteras kejihilan. Orang Arab menyebut kejihilan adalah kegelapan. *Al Jahlu Zulu Mas.* Kejihilan adalah kegelapan. Selagi mana rakyat kita terus ataupun dibelenggu oleh kejihilan, selagi itu maka kegelapan akan merongrong hidup mereka, mengelabui hidup mereka dan menyusahkan hidup mereka. Justeru dalam peruntukan untuk diberikan kepada pendidikan ini harus ada program yang bersungguh-sungguh untuk memastikan kejihilan rakyat Selangor akan dihapuskan, dibanteras semahu-mahunya. Timbalan Speaker, dan rakan-rakan sekalian, kejihilan lah menjadi punca kepada permasalahan yang berlaku pada hari ini. Saya menarik kepada soal ajaran sesat. Ajaran sesat yang saban hari semakin wujud di Negeri Selangor ini. Sebagai sebuah Negeri yang menjadi tumpuan ramai pihak termasuk pihak-pihak yang ada kepentingan peribadi, termasuk mereka yang ada kepentingan untuk menyebarkan ajaran mereka sendiri iaitu ajaran sesat. Saya difahamkan telah banyak ajaran sesat dibanteras. Tetapi masih ada lagi, ada lagi masuklah ke Negeri Selangor ini, yang paling masyhur hari ini adalah tentang Syiah. Syiah ini ada dua aspek dilihat. Yang pertama dari sudut perbezaan *khilafiat* ataupun *fikh*. Perbezaan fikh, yang kedua dari segi akidah. Orang Melayu kebanyakannya melihat Syiah ini benda yang sedap. Memang, benda sedap. Apa dia?. Orang Melayu belajar Syiah ini sedap adalah dua perkara, yang pertama jamak, yang kedua jimak. Jamak ini maksudnya mempermudah kan ibadat. Sembahyang 5 waktu dijamakkan 1 waktu. Memanglah sedap, sudahlah jamak, qasar lagi dan yang kedua ialah jimak. Iaitu kahwin mutaah. Orang-orang yang terpengaruh dengan ajaran ini merasakan itulah segala-gala dalam Syiah. Tetapi itu bukan yang besar, ada yang besar lagi iaitu akidah mereka. Kalau mereka menganut Syiah dari sudut fahaman mazhab, boleh lagi kita bertoleransi, tetapi jika mereka mengikut Syiah berdasarkan akidah ini yang sangat merbahaya kepada akidah umat Islam di Negeri Selangor ini. Apakah akidah yang bahaya ini. Akidah yang bahaya adalah mengatakan bahawa *Ahli Sunah Wa Jamaah* adalah fahaman yang terkeluar daripada ajaran sebenar. *Ahli Sunah Wa Jamaah* adalah kafir keluar daripada Islam dan *Ahli Sunah Wa Jemaah*

berpegang kepada kitab Al-Quran yang bukan kitab yang sebenar. Ini sangat bahaya, sebab itu program-program untuk memastikan penyebaran ajaran sesat ini harus diperkuuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Negeri Selangor harus melihat sebagai sebuah Negeri yang disebut sebagai *Baldatun Toyibatun Wa Rabbul Ghafur* mesti direalisasikan, dan di antara perkara yang harus direalisasikan adalah pembanterasan ajaran sesat yang semakin hari semakin menular di Negeri ini. Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada perkara yang kedua tentang kejahilan ini. Kejahilan menjadikan anak Negeri ini bergantung hidup kepada orang lain. Keadaan inilah menyebabkan mereka menjadikan kebendaan adalah segala-galanya. Jika ada orang atau pihak berkuasa yang memberikan umpan kebendaan, mereka sambut, mereka ambil dan mereka manafikan hak dan kebenaran ataupun sesuatu perkara yang jelas daripada kepalsuan dan selagi mana Kerajaan Negeri Selangor ini akan terbelenggu dalam kejahilan selagi itulah mereka akan mudah dipancing oleh ketidakbenaran ataupun senang dikatakan sebagai umpan Barisan Nasional.

Saya berharap apa-apa sumbangan ataupun pemberian yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor tidak menjadi seperti BRIM iaitu gula-gula, sedap dimakan habis sebentar sahaja. Oleh kerana itu Selangor sebagai negeri yang berkebajikan harus melihat semua pemberian ini dengan bertujuan untuk menaiktaraf modal insan daripada insan yang mengharapkan kebenaran berubah kepada insan yang punya harga diri yang tinggi, menjadi masyarakat yang penyayang, masyarakat yang memberi kepada orang lain, bukan setakat berharapkan keperluan yang diberikan oleh kerajaan di mananya pihak kerajaan pun. kita dengan pendidikan dan penjelasan bahawa rakyat Selangor harus menaik martabat kita sebagai masyarakat yang penyayang, yang berkasih sayang dan bukan masyarakat yang mengharapkan pemberian pihak kerajaan. Sebab itulah kerajaan negeri harus bersungguh-sungguh pada hemat saya untuk menaikkan kemuliaan insan ini supaya ada nilai kasih sayang, silaturahim sesama mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Selangor tak terlepas daripada persoalan jenayah yang semakin hari semakin menghimpit sehingga rakyat susah hidup mereka, tak cukup dengan gril di pagar rumah, gril lagi dalam rumah, tiga lapis gril mereka buat, kenapa? Kerana ketakutan akibat jenayah yang semakin hari semakin menghimpit negeri Selangor ini. Sampai dibuat *community and guarded*. Walaupun sukar mendapat kelulusan kerana apa? Keperluan kepada keselamatan. Saya ingatkan diri saya sendiri dan juga tuan-tuan, Yang Berhormat sekalian tentang hadis Nabi S.A.W. yang menyebut bahawa (*bahasa arab – Inna Rahmata Latanzilu ‘Ala Qaumin Fihim Qatirrahim*), maksudnya ... *Imam Tarmizi*, maksudnya sesungguhnya rahmat Allah tidak akan turun dalam satu negeri itu jika ada dalam negeri ada orang yang suka memutuskan silaturahim. Kita harus ingat soal keselamatan ini hak *Allah Subhanahu*

Wata'ala, manusia mungkin berusaha untuk menjaga keselamatan mereka tetapi hak menentukan memberi atau mengangkat keselamatan adalah hak *Allah Subhanahu Wata'ala*, melalui rahmat dan kasih sayang *Allah Subhanahu Wata'ala*. Bila Allah tak turunkan rahmatNya, kasih sayangNya bagaimanakah kekuatan manusia boleh mengawal keselamatan mereka sendiri, tidak mungkin. Sebab itu rahmat Allah menjadi keperluan kehidupan kita. Apakah perkara-perkara yang boleh menghilangkan rahmat ini, perkara yang boleh menghilangkan rahmat ini ialah ada di antara kita yang suka bermusuhan-musuhan, memutuskan silaturahim dengan cara memfitnah orang, memalukan orang di khalayak ramai, membuka aib orang, orang yang bukan kerja laku dia pun. Cukup dan cukuplah, kita sudah berakhirkan pilihan raya ke-13. Senario pilihan raya lepas sangat memalukan sejak tahun 1999 iaitu mengaibkan individu tertentu, memalukan individu tertentu sehingga seluruh dunia melihat aib ini walaupun kebenarannya tidak ada. Inilah punca yang antara lain sebagai punca berlakunya malapetaka tempat kita, kesusahan negara kita, keselamatan tidak kunjung tiba, kenapa, kerana rahmat Allah tidak turun di kawasan kita. Kenapa rahmat tidak turun? Kerana ada di antara kita yang perangainya memutuskan silaturahim, benci-membenci dan menyakitkan hati orang. Oleh kerana itu, ambillah perhatian. Nabi Muhammad S.A.W. menyebut supaya kita ambil perhatian. Jangan sampai rahmat Allah dicabut terus dari negeri Selangor yang kita cintai ini. Mudah-mudahan Kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Dato' Menteri Besar membantu kita, memandu kita memastikan keselamatan dengan mendekatkan diri kepada pedoman-pedoman agama supaya kita lebih selamat dan dijaga oleh *Allah Subhanahu-Wata'ala*.

Yang ketiga, membanteras kejahilan adalah mengenai pemahaman tentang syariah Islam. Satu perkara yang dilihat sebagai menakutkan sebahagian orang, seperti orang melihat seorang buta yang melihat seekor gajah. Dia melihat gajah itu bagaimana mengikut bagaimana yang dipegang. Orang buta ketika memegang kaki gajah, ditanya kepada orang ini bagaimana rupa gajah itu? Dia kata aku rasa dia seperti tiang. Orang buta ketika tangannya memegang ekor gajah, ditanya dia apakah pandangan kamu tentang gajah? Dia mengatakan aku rasa gajah ini seperti penyapu. Orang buta ketika memegang belalai gajah ditanya dia bagaimanakah rupa gajah itu? Dia kata aku rasa gajah seperti ular. Mengapa berbagai-bagai kerana kejahilan. Kejahilan adalah kegelapan. Oleh kerana kejahiilanlah maka sukar untuk kita diberi faham kepada rakyat negeri Selangor melalui syariah Islam, kecantikan syariah Islam, kebagusan syariah Islam untuk diketengahkan dalam masyarakat.

Saya hendak mengambil perhatian perkara yang dibawa oleh Seri Andalas tadi mengenai budaya atau kesan daripada minum minuman keras. Saya ucap tahniah kepada Seri Andalas yang mengaitkan perkara ini untuk kali keduanya di Dewan ini. Yang pertama pada sesi yang lepas, yang kedua pada sesi ini. Ini menunjukkan

bahawa betapa seriusnya Seri Andalas untuk melihat supaya kerajaan kita serius untuk membanteras gejala minuman keras ini yang sebenarnya kesannya melangkaui bangsa dan agama. Ia bukannya soal agama Islam sahaja tetapi semua agama yang sekirakiranya budaya ini jika tidak dibanteras akan melibatkan semua orang yang hidup, yang mahukan kehidupan yang aman sejahtera. Saya mengambil contoh tentang kajian ataupun hasil kajian yang dibuat oleh satu pengkaji di Universiti Malaya yang menyebut tentang antara kesan yang paling cepat memusnahkan organ dalam diri seseorang adalah minuman keras dan yang paling menakutkan orang laki-laki ialah yang pertama kesannya ialah menyebabkan importensi iaitu lemah tenaga batin dan yang menakutkan seseorang perempuan pula bila dia melarat dia boleh memusnahkan janin dalam kandungan atau setidak-tidaknya akan mencacatkan janin dalam kandungan. Itu individu, belum kita melihat kepada kesan ketua keluarga. Banyak keluarga yang berantakan, yang bergaduh, yang bercerai-berai, yang berkrisis kerana minuman keras. Oleh kerana itu, oleh kerana Selangor mengidamkan sebuah negeri maju dan masyarakat masa depan yang baik dan cemerlang, saya menyokong cadangan supaya dibuat satu peraturan yang lebih sistematik diatur dan disusun bagi mengekang budaya minuman keras ini masuk terus ke dalam masyarakat kita terutama kedai-kedai yang berada hampir dengan masyarakat dengan penduduk-penduduk kerana dia lebih memudahkan penduduk membeli dan meminum minuman keras. Tuan Yang Dipertua,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Bangi, Kampung Tunku minta laluan.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Sila-sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Bangi. Kampung Tunku ingin bertanya apa yang dimaksudkan oleh Seri Andalas itu yang mana saya pun setuju, ialah kerajaan patut mengadakan satu peraturan untuk mengawal minum arak di tempat awam, di tempat terbuka kerana ianya telah pun menimbulkan banyak kacau ganggu dan secara tidak langsung juga telah memudaratkan keamanan dan kehidupan penduduk-penduduk di sesuatu kawasan. Bukankah itu yang disebutkan oleh Seri Andalas dan apakah pandangan Bangi terhadap aspek ini iaitu membawa ataupun mengurangkan ataupun menegah sama sekali minuman, meminum arak di tempat awam, di tempat terbuka seperti di taman-taman permainan dan sebagainya.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Kampung Tunku.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Air Tawar, saya rasa bagi Bangi jawab dulu, ke Bangi nak bagi

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Bagi saya jelaskan ini dulu

TIMBALAN SPEAKER: Jelaskan lepas tu nanti akan beri peluang

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Sikit, sikit aje.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Kalau sikit bolehlah

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Adakah Bangi bersetuju oleh sebab tadi disebabkan arak menjadikan rakyat khususnya rakyat Selangor mengabaikan gejala sosial. Adakah setuju agar lesen-lesen arak, jual arak ini ditamatkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih. Ini bola tanggung untuk saya ni. Beli tahu di kedai nyonya, sudah tahu lagi mahu tanya. Saya menyokong apa yang dinyatakan oleh Bukit Tunku tentang keperluan kita mengatur tentang penjualan minuman arak terutamanya terhadap mereka yang minum arak di tempat yang terbuka di padang-padang. Oleh kerana itu aturan itu mesti ada dan peraturan mesti diletakkan dalam PBT. Kita boleh memberi ruang untuk hak individu untuk minum arak, minum keras, tetapi peraturan untuk mengawal kesan penggunaan itu harus diberikan keutamaan oleh pihak-pihak berkuasa khususnya negeri dan juga PBT. Mengenai lesen, lesen minuman keras bukan dikeluarkan oleh kerajaan Negeri Selangor bukan kerajaan negeri. Ia dikeluarkan oleh kerajaan Persekutuan. Harus saya sokong rakan saya dari sebelah sana kita kena desak kerajaan Persekutuan memberikan caturan atau lebih ketat peraturan diberikan bagi pengeluaran lesen-lesen penjualan arak ini di kalangan pekedai-pekedai yang mereka berikan lesen selama ini.

Tuan Yang Dipertua, saya nak mengalih kepada kecemerlangan perkhidmatan. Disebut oleh Dato' Menteri Besar tentang *partiality* bajet tetapi saya nak minta melangkau keluar lagi tentang *partiality* perkhidmatan yang semakin perlu dinikmati oleh rakyat bawahan. Saya membaca beberapa laporan yang dikemukakan di Dewan ini oleh PBT, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Saya ucapkan tahniah kepada ke semua PBT yang telah memberikan nilai perkhidmatan yang lebih baik daripada yang dulu. Tetapi oleh kerana banyak lagi rungutan yang berlaku, bukan setakat rakyat di bawah sana tetapi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri tentang *on the ground* dengan izin. Di peringkat bawah belum memuaskan lagi perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh kerana dia menjadi inti kepada kehidupan rakyat di semua peringkat, di satu peringkat kami, kita adalah Yang Berhormat tetapi di satu peringkat kita adalah

rakyat biasa yang menjadi pelanggan atau *customer* kepada khidmat PBT. Oleh kerana itu saya mohon

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Bangi, minit yang terakhir.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker. Ada 8 helai lagi Tuan Speaker. Oleh yang demikian, saya berharap satu pemantauan yang lebih kemas, tekun dan teratur berkala diberikan kepada perkhidmatan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Akhir sekali Tuan Speaker saya nak menarik perhatian tentang merakyatkan maklumat. Hari ini siapa yang berjaya menyebarkan maklumat dialah yang menjadi raja ataupun berkuasa sesuatu bahan atau perkara. Kita tahu bahawa kita melalui kekangan iaitu media perdana dikuasai oleh kerajaan, oleh pihak-pihak pro kerajaan Barisan Nasional. Kita mempunyai keterhadan di sini tetapi kita ada alternatif iaitu media automatif dan media automatif ini menjadi hala utama untuk kita memberikan maklumat kerajaan negeri Selangor. Malang sekali tak sampai ke peringkat bawah. Apakah media yang paling besar untuk sampai ke peringkat bawah, yang paling besar adalah WIFI. Saya merujuk kepada EXCO berkenaan, saya merasa sedihlah sebab hanya 2 tempat sahaja WIFI diberikan satu DUN, dua *tompek kato* orang Negeri Sembilan, dua tempat. Kalau tempat saya 53,000

TIMBALAN SPEAKER: Dengan izin ya.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Dengan izin Tuan Speaker. Itu bahasa Melayu tu, dua tempat. Tempat saya pengundi 53,000, pengundi, belum penduduk mencecah 100,000, dua tempat. Jadi saya rasa sepatutnya kita bagi luaslah. Ini adalah alat yang paling berkesan. Kalau sekiranya kerajaan Negeri Selangor mahu supaya maklumat negeri Selangor sampai ke bawah pastikan WIFI ditambah bukan 2, bukan 3 tetapi sekurang-kurangnya 15 tempat satu DUN bagi memastikan bahawa maklumat sampai ke peringkat bawah. Saya percaya Tuan Speaker menyokong saya soal ini. Saya akhirnya saya ucap terima kasih banyak kepada Tuan Speaker dan mudah-mudahan harapan kita menjadi kenyataan. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Teratai.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Permatang berdiri dulu.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. Terima kasih Timbalan Tuan Speaker kerana membenarkan Teratai untuk menyertai sesi perbahasan ucapan belanjawan pada petang ini. Salam sejahtera dan salam ukhuwah saya ucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker, Y.A.B. Menteri Besar, ahli-ahli yang berhormat Exco, ahli-ahli berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Tema belanjawan 2014 Selangor ini ialah ‘Belanjawan Berhemat dan Berimpak Tinggi Maslahat Rakyat’ yang mana Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2014 dibentangkan oleh Y.A.B. Dato’ Menteri Besar sebelum ini. Belanjawan ini merupakan belanjawan pertama selepas Pakatan Rakyat menjadi kerajaan negeri Selangor pada penggal yang kedua di mana Pakatan Rakyat telah mendapat amanah dan mandat daripada rakyat Selangor untuk meneruskan kecemerlangan kita dalam menjadikan Selangor sebagai negeri peneraju Malaysia supaya dicontohi oleh negeri-negeri lain. Belanjawan ini juga merupakan belanjawan yang berhasrat membawa faedah kepada seluruh rakyat Selangor dengan jumlah 5.65 juta bilangan rakyat Selangor pada masa ini.

Baru-baru ini, kerajaan persekutuan Barisan Nasional telah memberi hadiah kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama iaitu dengan mengurangkan subsidi gula dan juga mengemukakan pelaksanaan GST yang akan dilaksanakan pada tahun 2015. Ini jauh berbeza dengan Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor yang telah memberi air percuma kepada rakyat Selangor tanpa mengira bangsa dan agama serta juga mana parti politik yang orang itu (penerima itu). Akan tetapi, dalam perkara penstrukturran air semula kerajaan persekutuan masih kekal akan menjadi pemegang saham dalam NUCO selepas kerajaan Selangor menstrukturkan semula dan menggabungkan syarikat-syarikat konsesi air. Jadi, Pakatan Rakyat sepertutnya menjadi kerajaan persekutuan supaya hal-hal ini tidak akan lagi menjadi satu halangan untuk kerajaan Pakatan Rakyat memberi maslahat kepada rakyat Malaysia.

Teratai menyambut baik dengan belanjawan kerajaan negeri Selangor disediakan berasaskan konsep belanjawan berasaskan hasil iaitu (dengan izin) OBB dan juga belanjawan berasaskan pencapaian (dengan izin) PBB. Dengan belanjawan 2014 yang disediakan berasas kedua-dua konsep tersebut, kita tidak akan membawa rakyat Selangor ke arah kebankrapan seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan Barisan Nasional yang kian berhutang tinggi. Jumlah RM28 ribu hingga RM40 billion telah dibelanjakan pada tahun lepas seperti mana yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara telah berlaku di bawah pimpinan atau pentadbiran kerajaan persekutuan (Barisan Nasional). Adalah sangat jelas kita dapat nampak kerajaan manakah yang telah melaksanakan konsep rakyat didahulukan.

Sektor infrastruktur merupakan komponen yang terbesar di bawah perbelanjaan pembangunan dalam belanjawan 2014 iaitu dengan jumlah RM388 juta ataupun 62.2% daripada jumlah keseluruhan belanjawan pembangunan yang mana kemudahan awam merangkumi 91.91% daripada jumlah belanjawan infrastruktur tersebut. Oleh yang demikian, Teratai berharap kemudahan infrastruktur asas dalam negeri Selangor ini dapat membantu Selangor sekali lagi menarik lebih banyak pelabur-pelabur untuk menyuntikkan ekonomi negeri Selangor. Sektor sosial pula terdiri daripada 22.91% daripada jumlah belanjawan pembangunan. Hanya mengagihkan RM3.5 juta untuk komponen belia. Teratai menyeru kerajaan Selangor supaya meningkatkan lagi jumlah peruntukan pembangunan belia tersebut memandangkan pembangunan belia merupakan satu langkah yang penting untuk memastikan Selangor terus menjadi negeri peneraju Malaysia yang dapat bersaing di arena antarabangsa.

Sebagai rakyat yang tinggal, bekerja dan berkhidmat di negeri Selangor, Teratai berasa kecewa atas pengumuman Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa hasil jualan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor (Barisan Nasional) terdahulu tidak diketahui oleh rakyat yang mana Kuala Lumpur dan Putrajaya pada suatu ketika dulu merupakan sebahagian daripada negeri Selangor. Teratai merasa bangga kerana tinggal dan bekerja di Selangor. Kini sudah pastinya bahawa negeri Selangor dapat terus memberi faedah kepada rakyat Selangor.

Bagi penduduk-penduduk dan rakyat tinggal bekerja di Kuala Lumpur, Teratai sesungguhnya yakin bahawa mereka sekarang memang berharap bahawa Kuala Lumpur sepatutnya di bawah pentadbiran negeri Selangor supaya mereka dapat menikmati air percuma malahan tidak didesak untuk membayar cukai pintu yang berlipat ganda tinggi.

Tuan Timbalan Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli berhormat EXCO, Ahli-ahli Berhormat yang lain,

Negeri Selangor merupakan negeri yang berkebajikan. Oleh yang demikian, Teratai berharap lebih belanjawan diagihkan kepada program-program pembasmian kemiskinan yang Teratai mendapat belanjawan untuk perkara ini agak rendah. Sebuah negeri yang berkebajikan seperti mana kerajaan Pakatan Rakyat Selangor meneraju, kerajaan juga harus menghala ke arah membasmikan kemiskinan sama ada kemiskinan bandar, luar bandar ataupun pinggir bandar. Kemiskinan sifar (dengan izin) *zero poverty* haruslah menjadi *target* kerajaan negeri Selangor (Pakatan Rakyat).

Teratai mencadangkan kerajaan Selangor haruslah menjalankan lebih banyak program produktif terutamanya dalam perbelanjaan pembangunan supaya menjalan lebih banyak ruang pekerjaan yang mempunyai kesan gandaan tinggi. Sebagai contohnya, dengan RM1,000 kemungkinan boleh menjadi sara hidup sebulan sekeluarga yang miskin. Tetapi dengan jumlah yang sama kemungkinan hanya merupakan perbelanjaan purata seminggu bagi seseorang yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih baik. Jadi, jika kerajaan Selangor memberi RM1,000 sekeluarga yang miskin ini dapat menolong mereka sekurang-kurangnya seminggu, lebih-lebih lagi jika mereka tahu menggunakan RM1,000 itu untuk menjana pendapatan lain jika dibandingkan dengan seorang yang bertaraf hidup lebih tinggi seperti bagi bekas Menteri Pelancongan Malaysia dengan belanja RM150 untuk satu sesi makanan (dengan izin) *one meal* sama ada makanan tengah hari (*lunch*) ataupun makanan malam (dengan izin) *dinner*. Tetapi, kemungkinan dengan RM150 yang sama boleh menjadi makanan tengah hari atau malam kepada 10 orang biasa.

Selain itu, Teratai juga mengalu-alukan kerajaan menyediakan belanjawan ini yang berasaskan konsep belanjawan berpenyertaan iaitu (dengan izin) *participatory budgeting* dengan mengadakan dialog belanjawan dan dialog manifesto di seluruh Selangor. Konsep ini merupakan salah satu langkah yang berdemokrasi dan bersifat *inclusive* yang mana rakyat Selangor mempunyai hak untuk memberi pandangan bagaimana wang rakyat akan digunakan.

Tuan Timbalan Speaker, teratai juga menyambut baik atas sistem pentadbiran kerajaan dengan konsep ‘Pejabat Kepada Rakyat’ dengan memudahkan rakyat Selangor berurus dengan kerajaan. Akan tetapi, kerajaan negeri seharusnya memastikan Selangor menjadi negeri WI-FI supaya ‘Pejabat Kepada Rakyat’ ini dapat memberi manfaat kepada rakyat di seluruh negeri Selangor tanpa kira di bandar, di pinggir bandar ataupun di luar bandar. Program pemasangan dua WI-FI di setiap DUN haruslah dilakukan dengan mengikut cara yang betul dan teratur termasuk memastikan WI-FI yang dipasang di kawasan yang sesuai bolehlah berfungsi dengan baik dan lancar.

Teratai juga menyambut baik atas cadangan Bangi yang menyatakan pemasangan WI-FI sekurang-kurangnya 15 spot harus dilaksanakan pada tahun 2014 ini supaya konsep Pejabat Kepada Rakyat ini dapat memberi maslahat kepada rakyat Selangor. Teratai tidak nampak terdapat mana-mana peruntukan daripada ucapan belanjawan Y.A.B. Dato’ Menteri Besar untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri WI-FI.

Tuan Timbalan Speaker, hasil Pihak Berkuasa Tempatan merupakan salah satu komponen hasil yang penting bagi kerajaan negeri Selangor. Kerajaan negeri Selangor

juga menggalakkan PBT-PBT untuk mengambil inisiatif pencegahan dalam kerja-kerja penyelenggaraan supaya mengelakkan pembaziran kos yang tinggi untuk kerja-kerja pembaikan. Akan tetapi, Teratai tidak nampak agihan peruntukan diberikan kepada kerja-kerja penyelenggaraan cerun yang merupakan kerja-kerja penyelenggaraan yang sama penting dengan penyelenggaraan saliran dan sungai yang mana jumlah RM45 juta telah diagihkan kepada JPS. Teratai di sini menyeru kerajaan Selangor supaya dapat mengagihkan peruntukan untuk cerun dan bukan hanya setakat memberi pinjaman serta faedah selepas dimohon oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Barangkali ialah selepas kejadian tanah runtuh berlaku. Tindakan proaktif dengan mengagihkan peruntukan untuk penyelenggaraan cerun haruslah dilakukan supaya mengelakkan pembaziran kos yang tinggi selepas tragedi tanah runtuh berlaku yang mana kemungkinan telah merosakkan harta benda atau meragut nyawa rakyat Selangor.

Selain itu, Teratai juga mendapati bahawa kerajaan negeri Selangor ingin memanfaatkan kaedah *Economy of Skill* iaitu membeli secara pukal dengan harga yang lebih rendah dan berurus terus dengan pembekal perkhidmatan atau membuat barang dengan memperkenalkan konsep perjanjian harga. Akan tetapi, Teratai berharap dengan pelaksanaan konsep ini, kejadian monopoli oleh sesetengah syarikat-syarikat besar tidak akan berlaku. Kerajaan negeri Selangor juga telah mempunyai pengetahuan bahawa perusahaan kecil dan sederhana merupakan 97.3% daripada entiti perniagaan di Malaysia. Kerajaan persekutuan (Barisan Nasional) telah merancang untuk menandatangani perjanjian perkongsian *Trans Pacific* (dengan izin) *Trans Pacific Partnership Agreement*. Teratai di sini menyeru kerajaan Selangor meminta kerajaan persekutuan (Barisan Nasional) mendedahkan Laporan Penilaian Risiko (dengan izin) *Risk Assessment Report* atas impak memasuki *Trans Pacific Partnership Agreement* tersebut (dengan izin).

Teratai sememangnya tiada halangan untuk urus niaga yang berdasarkan konsep atau *spirit adil dan saksama*. Akan tetapi Teratai berharap kerajaan negeri Selangor (Pakatan Rakyat) dapat menasihati kerajaan persekutuan Barisan Nasional yang mana barangkali termasuk ahli-ahli yang berhormat pembangkang negeri Selangor supaya berhati-hati dengan mengkaji impak TPP tersebut kerana bukan keseluruhan TPP berkenaan memanfaatkan rakyat.

TIMBALAN SPEAKER: Teratai, saya minta tangguh esok ya.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Ya.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli yang berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan jam 4.30 petang. Maka saya menangguhkan perbahasan sehingga jam 9.30 pagi esok (Jumaat, 22 November 2013). Perbahasan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang]